- (vi) **Kecairan:** Dana menawarkan para pelabur pendedahan pada kelas aset yang selalunya tidak cair (contohnya harta tanah), dengan manfaat perjanjian kecairan yang diberikan oleh Penaja menerusi Pengurus. Para pelabur boleh memilih untuk keluar dari pelaburan mereka dengan menjual Unit-unit mereka kepada Pengurus, yang kemudian akan menjual Unit-unit tersebut kepada Penaja.
- (vii) **Kemampuan:** Walaupun Dana akan melabur dalam pemgunaan benefisial ke atas harta bernilai ratusan juta ringgit, pelaburan permulaan minima yang diperlukan daripada pelabur individu hanyalah RM100\*. Pelaburan minima seterusnya adalah RM50\* untuk pelabur individu.

*Nota\*: atau suatu jumlah yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Pengurus dan disyorkan oleh Penaja dari masa ke semasa.*

- (viii) **Urus Niaga:** Para pelabur boleh melaksanakan urus niaga Unit-unit di pengedar yang diluluskan di mana pelabur telah membuka akaun mereka.
- (ix) **Pemeliharaan modal:** Para pelabur yang membeli Unit-unit tersebut boleh menjual balik Unit-unit tersebut pada harga yang sama iaitu RM1.00 bagi setiap Unit. Bagaimanapun, sila ambil

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

perhatian bahawa Dana bukan dana modal terlindung atau dana modal terjamin sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Garis Panduan.

- (x) **Pengurusan Profesional:** Dana akan melabur dalam pemgunaan benefisial harta tanah yang dibangunkan dan diuruskan oleh Penaja atau Anggota Gabungannya. Salah satu dari matlamat Penaja ialah membina, mengambil alih dan memiliki harta tanah-harta tanah komersil utama di bandar-bandar besar.

Harta tanah-harta tanah ini boleh membentuk sebahagian dari pemgunaan benefisial Aset Hartanah yang mendapat pelaburan dari Dana pada masa-masa akan datang.

- (xi) **Pendapatan tetap:** Di bawah Perjanjian Pajak, Dana akan menerima bayaran sewa pajakan tetap daripada Penaja. Pengurus menjangka akan mengagih pendapatan ini setiap setengah tahun kepada Pemegang Unit.

- (xii) **Patuh Syariah:** Dana telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh panel penasihat Syariah untuk Dana, dan SAC tiada bantahan terhadap struktur Dana. Sila rujuk Seksyen 11.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai syarat yang dikenakan oleh SAC.

### **2.1 OBJEKTIF PELABURAN**

Dana berusaha untuk memberi Pemegang-pemegang Unit aliran pendapatan yang tetap dan konsisten sementara mempertahankan modal pelaburan Pemegang-pemegang Unit. Mana-mana perubahan ketara pada objektif pelaburan Dana memerlukan kelulusan Pemegang-pemegang Unit.

Walaupun Aset Hartanah dimiliki oleh Dana secara benefisial, ia tidak menikmati apa-apa keuntungan atau kerugian modal akibat kenaikan atau kesusutan nilai yang berkenaan dengan Aset Hartanah menurut Aku janji Jualan dan Aku janji Belian kecuali dimana hak Penaja untuk membeli balik pemgunaan benefisial Aset Hartanah pada Harga Terlaksana lucut mengikut syarat-syarat Dokumen Urus niaga. Makanya, pulangan pelaburan Pemegang-pemegang Unit dalam Dana adalah terhad kepada pendapatan dari sewa pajakan yang diterima oleh Dana mengikut Perjanjian Pajak dan pendapatan daripada pelaburan lain.

### **2.2 STRATEGI PELABURAN**

**2.2.1** Dana telah melabur dalam pemgunaan benefisial Aset Pajakan, dan berusaha mendapatkan aliran pendapatan tetap ke dalam Dana dengan mengikat Perjanjian Pajak dengan Penaja, yang telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh panel penasihat Syariah untuk Dana.

**2.2.2** Strategi peruntukan aset Dana adalah seperti berikut:

<b>Pelaburan</b>	<b>Had-had</b>
▪ Pelaburan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia yang mematuhi Syariah; dan	- 34% hingga 100% dari VOF Dana boleh dilaburkan dalam pemgunaan benefisial harta tanah di Malaysia; dan
▪ Wang tunai dan mana-mana instrumen pasaran wang yang mematuhi Syariah.	- 0% hingga 66% dari VOF Dana boleh dilaburkan dalam wang tunai atau mana-mana instrument pasaran wang yang mematuhi Syariah.

**2.2.3** Dana akan berusaha membuat pelaburan tambahan dalam pemgunaan benefisial Aset Hartanah yang diperoleh daripada Penaja atau Anggota Gabungannya melalui pengaturan jualan dan pajakan balik yang sama. Sebahagian besar harta tanah ini berbentuk harta komersil termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks beli-belah, pusat komersil, kompleks logistik dan perindustrian. Pengurus akan mematuhi kriteria

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**


penapisan yang ketat yang disediakan oleh panel penasihat Syariah untuk memastikan sewa pajakan yang diperoleh daripada Aset Hartanah juga mematuhi prinsip Syariah.

- 2.2.4** Penaja akan terus membangunkan projek-projek hartanah semasanya dan mana-mana projek baru dan mengambil alih hartanah yang boleh membawa potensi kenaikan dalam pertumbuhan hasil dan saiz Dana jika disuntik ke dalam Dana untuk meningkatkan aliran pendapatan ke dalam Dana. Dana akan mengambil kesempatan ke atas pengalaman Penaja dalam pembangunan hartanah dan rangkaian rakan niaganya dalam industri untuk mengenal pasti peluang-peluang pelaburan tambahan untuk memenuhi objektif pelaburan Dana.
- 2.2.5** Semasa menilai pelaburan lanjut dalam pemgunaan benefisial Aset Hartanah daripada Penaja atau Anggota Gabungannya, Dana akan menumpukan terutamanya kepada pelaburan dalam pemgunaan benefisial hartanah yang menghasilkan pendapatan stabil dan hartanah yang menokok hasil, serta hartanah yang nilainya boleh meningkat melalui pelbagai inisiatif peningkatan aset.

## **2.3 STRUKTUR DANA**

### **2.3.1 Penubuhan Dana dan perolehan Aset Pajakan**

- (i) Semasa ditubuhkan, Dana menerbitkan 1,000,000,000 Unit pada harga RM1.00 bagi setiap Unit kepada Penaja sebagai balasan untuk wang tunai RM1,000,000,000 pada 24 November 2010.



- (ii) Pada 24 November 2010, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam lima (5) hartanah daripada Penaja menerusi PRESB dengan jumlah RM800,000,000 dalam bentuk tunai.
- (iii) Pada 3 Oktober 2012, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam Hospital Pakar Avisena dan Dataran PHB Properties secara langsung daripada Penaja dengan bayaran berjumlah RM236,000,000.00 yang diselesaikan menerusi penerbitan 236,000,000 Unit-unit baru kepada Penaja.
- (iv) Pada 14 Oktober 2013, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam Wisma Consplant, Menara BT, PJ33, Blok C, Dataran PHB and Menara 1 Dutamas secara langsung daripada Penaja dengan bayaran berjumlah RM615,000,000 yang diselesaikan menerusi penerbitan 500,000,000 Unit-unit baru kepada Penaja dan bayaran berjumlah RM115,000,000.00 dalam bentuk tunai.
- (v) Pada 15 Februari 2016, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam One Precinct daripada Penaja dengan bayaran berjumlah RM120,000,000 dalam bentuk tunai.
- (vi) Pada 18 Februari 2016, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam Pusat Beli-belah The Shore, Menara 1 Sentrum, Nu Sentral dan Hospital Gleneagles (Blok B) daripada Penaja atau Ahli Gabungannya

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

dengan bayaran berjumlah RM1,100,000,000 yang diselesaikan menerusi penerbitan 1,100,000,000 Unit-unit baru kepada Penaja.

- (vii) Pada 19 Julai 2016, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam Quill 18 daripada Penaja dengan bayaran berjumlah RM400,000,000.00 yang diselesaikan menerusi penerbitan 400,000,000 Unit-unit baru kepada Penaja.
- (viii) Pada 8 Ogos 2017, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam Menara Teras dan NU Empire daripada Penaja dengan bayaran berjumlah RM550,000,000 yang diselesaikan menerusi penerbitan 550,000,000 Unit-unit baru kepada Penaja.
- (ix) Pada 29 September 2022, Pemegang Amanah telah mengambil alih kepentingan benefisial dalam Hospital Pakar Damansara 2 dan Kolej Marlborough daripada Penaja dengan bayaran berjumlah RM650,000,000 yang diselesaikan menerusi penerbitan 650,000,000 Unit-unit baru kepada Penaja.
- (x) Menurut Dokumen Urus niaga yang diikat antara Pemegang Amanah dan Penaja, Penaja boleh menggantikan Aset Hartanah Dana yang sedia ada dengan Aset Hartanah baru dengan nilai yang setara atau yang lebih besar. Pemegang Amanah dan Penaja telah bersetuju untuk Menara 1 Sentrum digantikan dengan aset yang sama pada nilai suntikan yang lebih tinggi ("Aset Baharu") dan Penaja telah, melalui notis penguatkuasaan Aku janji Penggantian bertarikh 29 Ogos 2022, melaksanakan haknya di bawah Aku janji Penggantian bertarikh 18 Februari 2016 untuk menggantikan Menara 1 Sentrum dengan suntikan semula Aset Baharu. Oleh kerana nilai Aset Baharu lebih besar nilainya sebanyak RM150,000,000, 150,000,000 Unit-unit tambahan telah dikeluarkan kepada Penaja pada 30 November 2022.
- (xi) Menurut Dokumen Urus niaga yang diikat antara Pemegang Amanah dan Penaja, Penaja boleh menggantikan Aset Hartanah Dana yang sedia ada dengan Aset Hartanah baru dengan nilai yang setara atau yang lebih besar. Pemegang Amanah dan Penaja telah bersetuju untuk Maersk Warehouse dan Wisma Consplant digantikan dengan aset yang sama pada nilai suntikan yang lebih tinggi ("Aset Baharu") dan Penaja telah, melalui notis penguatkuasaan Aku janji Penggantian bertarikh 8 November 2023, melaksanakan haknya di bawah Aku janji Penggantian bertarikh 24 November 2010 (berkenaan dengan Maersk Warehouse) dan Aku janji Penggantian bertarikh 14 Oktober 2013 (berkenaan dengan Wisma Consplant) untuk menggantikan Maersk Warehouse dan Wisma Consplant masing-masing dengan suntikan semula Aset Baharu. Oleh kerana nilai Aset Baharu lebih besar nilainya sebanyak RM150,000,000, 150,000,000 Unit-unit tambahan telah dikeluarkan kepada Penaja pada 10 Januari 2024.
- (xii) Pada 10 Januari 2024, Dana menerbitkan 50,000,000 Unit-unit kepada Penaja sebagai balasan untuk wang tunai RM50,000,000.00.
- (xiii) Pada 21 Mac 2024, Dana menerbitkan 150,000,000 Unit-unit kepada Penaja sebagai balasan untuk wang tunai RM150,000,000.00.
- (xiv) Setakat LPD, aset Dana terdiri daripada pemgunaan benefisial Aset Pajakan, deposit Islam dalam akaun yang menghasilkan pendapatan dan sijil deposit boleh niaga Islam yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia.
- (xv) Pemegang Unit akan dimaklumkan tentang apa-apa perolehan baharu (sama ada perolehan sebuah harta atau beberapa harta) yang melebihi RM500,000,000.00 melalui prospektus tambahan. Walau bagaimanapun, Pemegang Unit boleh mengikuti perkembangan tentang semua perolehan

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

harta baharu tanpa mengambil kira amanannya melalui pengumuman dalam laman web Penaja dan Pengurus masing-masing.

### **2.3.2 Aset Pajakan**

Pelaburan Dana pada masa ini terdiri daripada pemunyaan benefisial Aset Pajakan yang berikut yang diperoleh daripada Penaja atau Ahli Gabungannya pada harga perolehan masing-masing seperti yang dinyatakan di bawah:-

Aset Pajakan	Harga Perolehan RM'000
Menara Prisma	260,000
Menara CP	175,000
Maersk Warehouse	195,000
Lotus's Setia Alam	95,000
Wisma Conplant	205,000
Hospital Pakar Avisena	87,000
Dataran PHB Properties	149,000
Menara BT	165,000
PJ33	200,000
Blok C, Dataran PHB	20,000
Menara 1 Dutamas	250,000
One Precinct	120,000
Pusat Beli-belah The Shore	180,000
Menara 1 Sentrum	350,000
Nu Sentral	600,000
Hospital Gleneagles (Blok B)	120,000
Quill 18	400,000
Menara Teras	130,000
NU Empire	420,000
Hospital Pakar Damansara 2	300,000
Kolej Marlborough	350,000
<b>Jumlah</b>	<b>4,771,000</b>

Kepentingan benefisial Aset Pajakan dipajak kembali kepada Penaja (dalam kapasitinya atau sebagai wakil kuasa bagi Ahli Gabungannya) (lihat Seksyen 2.3.4 di bawah untuk keterangan lanjut pajakan balik).

### **2.3.3 Pemunyaan Benefisial**

Pemunyaan benefisial dalam konteks ini bermaksud kepentingan benefisial dalam Aset Hartanah dan hendaklah termasuk semua hak yang berkaitan dengan pemunyaan Aset Hartanah selain pemunyaan di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, kepentingan benefisial adalah tertakluk kepada apa-apa hak yang sedia ada (sama ada yang berdaftar atau sebaliknya). Nama Penaja atau Anggota Gabungannya akan terus tercatat sebagai pemilik berdaftar Aset Hartanah. Dimana Aset Hartanah itu dipegang di bawah hak milik induk, Penaja atau Anggota Gabungannya akan menjadi pemilik benefisial Aset Hartanah tersebut sehingga suatu masa hak milik individu berasingan dikeluarkan atas nama Penaja atau Anggota Gabungannya. Di atas adalah tertakluk kepada syarat Dokumen Urus niaga yang Penaja merupakan satu pihak di dalamnya.

Nilai pemunyaan benefisial Aset Hartanah kekal pada kos dalam Dana dan kenaikan (atau kerugian) nilai modal yang berkaitan dengan Aset Hartanah hendaklah, apabila Aku janji Belian atau Aku janji Jualan dikuatkuasakan, menjadi milik Penaja kecuali jika hak Penaja untuk membeli semula kepentingan benefisial Aset Hartanah pada harga perolehan asal lucut di bawah syarat Dokumen Urus niaga.

Walaupun Aset Hartanah dimiliki Dana secara benefisial, ia tidak akan menikmati sebarang keuntungan atau kerugian modal akibat kenaikan atau kesusutan nilai berkenaan dengan Aset Hartanah berikut Aku janji Jualan dan Aku janji Belian


## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

kecuali apabila hak Penaja untuk membeli semula pemunyaan benefisial sesuatu Aset Hartanah pada Harga Terlaksana lucut di bawah syarat-syarat Dokumen Urus niaga. Dengan itu, pulangan pelaburan Pemegang-pemegang Unit di dalam Dana adalah terhad pada pendapatan dari sewaan pajakan yang diterima oleh Dana dari Penaja mengikut Perjanjian Pajak. Pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang diambil alih di masa akan datang juga akan tertakluk di bawah pengaturan ini.

Walaupun pemunyaan berdaftar dan/atau benefisial Aset Hartanah kekal dengan Penaja atau Anggota Gabungannya, menurut kuasa Perisyiharan Amanah yang diberikan oleh Penaja kepada Pemegang Amanah, Penaja mengisyiharkan dan mengaku janji bahawa Penaja atau Anggota Gabungannya adalah pemilik berdaftar dan/atau benefisial Aset Hartanah hanya sebagai pemegang amanah terus untuk dan bagi pihak dan atas perintah Pemegang Amanah selepas Perjanjian Pembelian Aset disempurnakan. Penaja akan melaksanakan atau menyebabkan dilaksanakan segala yang perlu untuk memastikan kepentingan dan hak milik Pemegang Amanah dan Pemegang-pemegang Unit dalam Aset Hartanah tidak terjejas walau dalam apa jua cara sekalipun. Perisyiharan Amanah akan diteruskan berhubung dengan apa-apa Aset Hartanah yang masih diperolehi oleh Dana secara benefisial.

Sila rujuk ke Seksyen 10.8 Pengisyiharan Amanah untuk keterangan lanjut.

### **2.3.4 Pengaturan jualan dan pajakan balik antara Dana dengan Penaja**



- (i) Apabila perolehan Aset Pajakan selesai, Dana memajakkan balik pemunyaan benefisial Aset Pajakan kepada Penaja atau Anggota Gabungannya di bawah Perjanjian Pajak bagi tempoh pajakan 10 tahun (atau suatu tempoh lain yang dipersetujui oleh Penaja dan Pemegang Amanah secara bertulis) dari tarikh permulaan masing-masing, bagi agregat bayaran pajak perlu dibayar oleh Penaja kepada Pemegang Amanah dalam bentuk bayaran pendahuluan tiap-tiap bulan. Butiran lanjut tentang Aset Pajakan adalah seperti berikut:

#### **Aset Pajakan**

Menara  
Prisma

Alamat:  
Menara Prisma, No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3,  
62675 Putrajaya

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM10,400,000.00

Penyewa-penyewa Utama:

Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kesihatan Malaysia  
dan Jabatan Perdana Menteri

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART  
pada 27 Mei 2024

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

### **Aset Pajakan**

#### Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 1 Disember 2020

Menara CP

#### Alamat:

Menara CP, No. 11, Jalan 16/11, Pusat Dagang Seksyen 16, 46350 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

#### Sewa Pajakan:

Setahun  
RM7,000,000.00

#### Penyewa-penyewa Utama:

Siemens Malaysia Sdn Bhd, Siemens Energy Sdn Bhd dan Abeam Consulting (M) Sdn Bhd.

#### Sekatan-sekatan:

1. Pajakan sebahagian tanah didaftarkan pada 27 September 2002 kepada Tenaga Nasional Berhad (“TNB”) mulai dari 10 September 2002 dan berakhir pada 9 September 2032;
2. Ismen didaftarkan pada 5 Disember 2005; dan
3. Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 17 September 2020 dan 18 September 2020

#### Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 1 Disember 2020

Maersk  
Warehouse

#### Alamat:

No. 2, Jalan Tanjung Keramat 26/35, Seksyen 26, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

#### Sewa Pajakan:

Setahun  
RM8,775,000.00

#### Penyewa Utama dan Penerima Pajak Berdaftar:

LF Logistics Services (M) Sdn Bhd

#### Sekatan-sekatan:

1. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 6 Jun 2024; dan
2. Pajakan seluruh tanah didaftarkan memihak kepada LF Logistics Services (M) Sdn Bhd bagi tempoh masa 12 tahun mulai dari 18 Ogos 2023 dan berakhir pada 17 Ogos 2035

#### Tempoh Pajakan:

Bermula dari 15 Januari 2024 hingga 30 November 2029

Lotus's Setia  
Alam

#### Alamat:

No. 2, Jalan Setia Prima U13/S Setia Alam, Seksyen U13, 40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

### **Aset Pajakan**

#### Sewa Pajakan:

Setahun  
RM3,800,000.00

#### Penyewa Utama dan Penerima Pajak Berdaftar: Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd

#### Sekatan-sekatan:

1. Pajakan seluruh tanah didaftarkan pada 29 September 2008 kepada Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd bagi tempoh masa 30 tahun mulai dari 1 Oktober 2008 dan berakhir pada 30 September 2038; dan
2. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 6 Jun 2024

#### Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 1 Disember 2020

Wisma  
Consplant

#### Alamat:

Wisma Consplant 1, No. 2, Jalan SS16/4, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan (“Wisma Consplant 1”) dan Wisma Consplant 2, No. 7, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan (“Wisma Consplant 2”)

#### Sewa Pajakan:

Setahun  
RM9,225,000.00

#### Penyewa-penyewa Utama:

Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Selangor, Hanson Quarry Products Sdn Bhd, Epson Malaysia Sdn Bhd, Bridgestone Tyre Sales (Malaysia) Sdn Bhd, Columbia Asia Healthcare Sdn Bhd, Assa Abloy Opening Solutions Malaysia Sdn Bhd, Ninja Logistics Sdn Bhd, CMA CGM Ficom Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai NOL Global Services Centre Sdn Bhd), Pejabat Tenaga Kerja Subang Jaya, Geodis Malaysia Sdn Bhd dan Propadu Holdings Berhad

#### Sekatan-sekatan:

- (a) Berkenaan dengan Wisma Consplant 1
  1. Pajakan sebahagian tanah seluas 306 kaki persegi yang didaftarkan pada 14 Julai 2000 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 15 Januari 1995 dan berakhir pada 14 Januari 2025; dan
  2. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)
- (b) Berkenaan dengan Wisma Consplant 2
  1. Pajakan sebahagian tanah yang didaftarkan pada 7 Jun 1994 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 15 September 1993 dan berakhir pada 14 September 2023; dan
  2. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

### **Aset Pajakan**

#### Tempoh Pajakan:

Bermula dari 15 Januari 2024 hingga 16 Oktober 2033

Hospital Pakar  
Avisena

#### Alamat:

No. 4, Jalan Ikhtisas, Seksyen 14, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan

#### Sewa Pajakan:

Setahun  
RM3,915,000.00

#### Penyewa Utama dan Penerima Pajak Berdaftar:

DEMC Management Sdn Bhd

#### Sekatan-sekatan:

1. Pajakan seluruh tanah didaftarkan pada 20 September 2012 kepada DEMC Management Sdn Bhd bagi tempoh masa selama 15 tahun mulai dari 1 Februari 2012 dan berakhir pada 31 Januari 2027; dan
2. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 21 Oktober 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)

#### Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 24 Oktober 2022

Dataran PHB  
Properties

#### Alamat:

Blok A, B, D, E, F dan G, Dataran PHB, Saujana Resort,  
Seksyen U2, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

#### Sewa Pajakan:

Setahun  
RM6,705,000.00

#### Penyewa-penyewa Utama:

Pelaburan Hartanah Berhad, Mitsubishi Motors Malaysia Sdn Bhd, Forestry Timber Resources Sdn Bhd, Cenergi SEA Berhad, D'viation Solutions Sdn Bhd, Azelis Malaysia Sdn Bhd, UiTM Holdings Sdn Bhd, EDAG Holdings Sdn Bhd, Yayasan Hasanah dan Edotco Group Sdn Bhd

#### Sekatan-sekatan:

- (a) Blok A, Dataran PHB  
Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 September 2020, 2 Oktober 2020 dan 6 Oktober 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)
- (b) Blok B, Dataran PHB  
Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 September 2020 dan 2 Oktober 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)
- (c) Blok D, Dataran PHB  
Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 6 Oktober 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

- (d) Blok E, Dataran PHB  
Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 2 Oktober 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)
- (e) Blok F, Dataran PHB  
Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 September 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)
- (f) Blok G, Dataran PHB  
Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 6 Oktober 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)
- (g) Medan letak kereta bertingkat (B1 & B2) Dataran PHB  
Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 11 September 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)

**Tempoh Pajakan:**

10 tahun bermula dari 24 Oktober 2022

Menara BT

**Alamat:**

Menara 3, Avenue 7, Horizon Phase 2, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

**Sewa Pajakan:**

Setahun  
RM7,425,000.00

**Penyewa-penyewa Utama:**

Common Ground BS Sdn Bhd, Aon Insurance Brokers (Malaysia) Sdn Bhd, Virtuos Malaysia Sdn Bhd, Grass Valley Malaysia Sdn Bhd, Baxter Healthcare (Malaysia) Sdn Bhd dan Commerz Trade Services Sdn Bhd

**Sekatan-sekatan:**

1. Pajakan seluruh tanah didaftarkan pada 9 September 2011 kepada TNB bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 31 Julai 2011 dan berakhir pada 30 Julai 2041; dan
2. Ismen didaftarkan pada 11 Oktober 2012, 29 Disember 2016 dan 18 April 2018.

**Tempoh Pajakan:**

10 tahun bermula dari 17 Oktober 2023

PJ33

**Alamat:**

Courtyard@4, No. 3, Jalan Semangat, Seksyen 13, Petaling Jaya, 46100 Selangor.

**Sewa Pajakan:**

Setahun  
RM9,000,000.00

**Penyewa-penyewa Utama:**

Smith Success Sdn Bhd, Jaya 33 Supermarket (Malaysia) Sdn Bhd, Olympus (Malaysia) Sdn Bhd, Beiersdorf (Malaysia) Sdn Bhd, Malayan Banking Berhad, Panasonic Procurement

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

Malaysia Sdn Bhd, Electrolux Home Appliances Sdn Bhd, Vertiv Malaysia Sdn Bhd, B2B Commerce (M) Sdn Bhd dan Prudential Assurance Malaysia Berhad

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 14 September 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 17 Oktober 2023

Blok C,  
Dataran PHB

Alamat:

Blok C, Dataran PHB, Saujana Resort, Seksyen U2, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM900,000.00

Penyewa Utama:

Syarikat Perumahan Negara Berhad

Sekatan:

Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 September 2020 (yang dikemukakan pada tempoh awal pajakan)

Tempoh Pajakan:

9 tahun dan 7 hari bermula dari 17 Oktober 2023

Menara  
1 Dutamas

Alamat:

Menara 1 Dutamas @ Solaris Dutamas, No.1, Jalan Dutamas 1, 50480 Kuala Lumpur.

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM11,250,000.00

Penyewa-penyewa Utama:

Malaysia Rail Link Sdn Bhd, Rosli Dahlan Saravana Partnership, China Communications Constructions (ECRL) Sdn Bhd, MyHSR Corporation Sdn Bhd dan Lee Hishammuddin Allen & Gledhill

Sekatan:

Tiada

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 17 Oktober 2023

One Precinct

Alamat:

One Precinct, Lengkok Mayang Pasir, Bayan Baru, 11950 Pulau Pinang

Sewa Pajakan:

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Setahun  
RM6,000,000.00

**Penyewa-penyewa Utama:**

Prudential Assurance Malaysia Berhad, Citigroup Transaction Services (M) Sdn Bhd, Integrascreen (Malaysia) Sdn Bhd, Wilmar GBS Sdn Bhd, Celestica GBS Malaysia Sdn Bhd, Teleperformance Malaysia Sdn Bhd, Tokio Marine Insurance (Malaysia) Sdn Bhd, Keyence (Malaysia) Sdn Bhd, Globalfoundries Malaysia Sdn Bhd, Quectel Wireless Solutions Penang Sdn Bhd dan Seatrium Engineering Penang Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Jed Centre Sdn Bhd)

**Sekatan-sekatan:**

1. Pajakan sebahagian tanah kepada TNB didaftarkan pada 18 Jun 2014 bagi tempoh masa selama 30 tahun mulai dari 18 Oktober 2013 dan berakhir pada 17 Oktober 2043; dan
2. Kaveat-kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 September 2020

**Tempoh Pajakan:**

10 tahun bermula dari 1 Mac 2016

Pusat Beli-belah  
The Shore

**Alamat:**

Malacca River, Jalan Persisiran Bunga Raya, Melaka Tengah,  
75300 Melaka

**Sewa Pajakan:**

Setahun  
RM9,000,000.00

**Penyewa-penyewa Utama:**

TDST Sdn Bhd, The Shore Oceanarium Sdn Bhd, Kiddo Heritage Sdn Bhd, Playmad Sdn Bhd dan 3D Interactive Park Sdn Bhd

**Sekatan:**

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 Mei 2024

**Tempoh Pajakan:**

10 tahun bermula dari 1 April 2016

Menara  
1 Sentrum

**Alamat:**

No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Brickfields, Kuala Lumpur

**Sewa Pajakan:**

Setahun  
RM15,750,000.00

**Penyewa-penyewa Utama:**

Google Services Malaysia Sdn Bhd, Novo Nordisk Pharma Operations (BAOS) Sdn Bhd, Mead Johnson Nutrition (M) Sdn Bhd, E2Open Malaysia Sdn Bhd, Malaysian Aviation

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

Commission, AmMetlife Insurance Berhad, Worq KL Sdn Bhd dan TMF Regional Delivery Centre

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 Mei 2024

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 24 Oktober 2022

Nu Sentral

Alamat:

No. 201, Jalan Tun Sambanthan, 50470 Brickfields, Kuala Lumpur

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM30,000,000.00

Penyewa-penyewa Utama:

Decathlon Malaysia Sdn Bhd, Nitori Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Pan Pacific Retail Management (Malaysia) Sdn Bhd, Trendcell Sdn Bhd, Uniqlo Malaysia Sdn Bhd, Elitetrax Marketing Sdn Bhd, H&M Retail Sdn Bhd, Wesria Food Sdn Bhd, Mr. D.I.Y (Kuchai) Sdn Bhd, Lifestyle Retail Malaysia Sdn Bhd, Entertainment Malaysia Sdn Bhd dan Golden Screen Cinemas Sdn Bhd

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 Mei 2024

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 1 April 2016

Hospital  
Gleneagles  
(Blok B)

Alamat:

282 & 286, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM6,000,000.00

Penyewa Utama:

Pantai Medical Centre Sdn Bhd

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 24 Jun 2022

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 1 April 2016

Quill 18

Alamat:

Quill 18, Jalan Teknokrat 3, 63000 Cyberjaya, Selangor

Sewa Pajakan:

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Setahun  
RM20,000,000.00

Penyewa-penyewa Utama:

Experian Marketing Services (Malaysia) Sdn Bhd, AT&T Worldwide Network Services (Malaysia) Sdn Bhd, Cheetah Marketing Technology Malaysia Sdn Bhd, ACT Teleconferencing Malaysia Sdn Bhd, Affin Bank Berhad, Kementerian Kesihatan Malaysia, NTT MSC Sdn Bhd, TASA Solutions Sdn Bhd dan Razak School of Government

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 1 Julai 2022

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 1 Ogos 2016

Menara Teras

Alamat:

Menara Teras, Empire City, Jalan Damansara, PJU 8, 47820 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM6,500,000.00

Penyewa Utama:

NSTY Worldwide Sdn Bhd dan ReSkills Edtech Sdn Bhd

Sekatan

Tiada

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 15 September 2017

NU Empire

Alamat:

Empire Subang, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM21,000,000.00

Penyewa-penyewa Utama:

Trendcell Sdn Bhd, Toys 'R' Us (Malaysia) Sdn Bhd dan Mr. D.I.Y (Kuchai) Sdn Bhd

Sekatan:

Tiada

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 15 September 2017

Hospital Pakar  
Damansara 2

Alamat:

No. 1, Jalan Bukit Lanjan 3, Bukit Lanjan, 60000 Kuala Lumpur

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM13,500,000.00

Penyewa Utama:

Rawang Specialist Hospital Sdn Bhd

Sekatan:

Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 13 Oktober 2022

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 24 Oktober 2022

Kolej  
Marlborough

Alamat:

Jalan Marlborough, Iskandar Puteri, 79200 Johor

Sewa Pajakan:

Setahun  
RM15,750,000.00

Penyewa Utama dan Penerima Pajak Berdaftar:

M East Sdn Bhd dan Southview Hills Sdn Bhd

Sekatan-sekatan:

1. Pajakan seluruh tanah didaftarkan pada 9 Februari 2022 kepada M East Sdn Bhd bagi tempoh masa selama 24 tahun mulai dari 13 Ogos 2018 sehingga 12 Ogos 2042; dan
2. Kaveat persendirian didaftarkan memihak kepada ART pada 13 Oktober 2022.

Tempoh Pajakan:

10 tahun bermula dari 24 Oktober 2022

- (ii) Penaja juga telah mendepositkan amaun bersamaan dengan jumlah semasa 3 bulan pertama sewa pajakan bagi Aset Pajakan sebagai deposit sekuriti boleh bayar balik dalam akaun bank yang dicagarkan kepada Pemegang Amanah di bawah Akaun Cagaran.
- (iii) Tempoh bagi setiap pajakan ialah 10 tahun (atau suatu tempoh lain yang dipersetujui oleh Penaja dan Pemegang Amanah secara bertulis) bermula dari tarikh permulaan masing-masing kecuali jika ditamatkan kerana sebab-sebab yang ditetapkan di Seksyen 9.7 Prospektus ini.
- (iv) Tertakluk pada keizinan Pemegang Amanah, Penaja diberi pilihan untuk memperbaharui pajakan Aset Pajakan untuk tempoh lanjutan yang akan ditetapkan dengan semakan sewa sebagaimana yang boleh dipersetujui oleh Pemegang Amanah dan Penaja.
- (v) Sekiranya Perjanjian Pajak tamat tempoh tanpa pembaharuan, perkara-perkara berikut boleh berlaku:
  - (a) Penaja boleh meminta Pemegang Amanah untuk menjual pemunyaan benefisial Aset Hartanah terbabit kepada Penaja pada kadar Harga Terlaksana, mengikut Aku janji Jualan; atau

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

- (b) jika Penaja gagal melaksanakan Aku janji Jualan, Pemegang Amanah boleh menjual, memindah milik atau melupuskan Aset Hartanah atau menyerah hak Aset Hartanah dengan menggunakan Surat Kuasa Wakil tidak boleh batal yang diberikan oleh Penaja.

Penjualan, pindah milik, pelupusan atau penyerahan hak Aset Hartanah adalah tertakluk kepada hak penerima pajak, penerima pajak kecil, penyewa dan penyewa kecil yang sedia ada bagi Aset Hartanah tersebut. Sekiranya Penaja memerlukan Pemegang Amanah untuk menjual pemunyaan benefisial Aset Hartanah tertentu kepada Penaja atau jika Pemegang Amanah menjual, menukar alih atau melupus Aset Hartanah tertentu; dan di mana kebenaran terdahulu diperlukan dari mana-mana pemegang sekatan berdaftar untuk menjual, menukar alih atau melupus Aset Hartanah tertentu, kebenaran yang perlu akan didapatkan sebelum penjualan, penukar alihan atau pelupusan Aset Hartanah tersebut.


Untuk keterangan lanjut sila rujuk ke Seksyen 10.2 bagi terma-terma penting Perjanjian Pajak, Seksyen 2.3.10 bagi Aku janji Jualan, Aku janji Belian dan Aku janji Penggantian serta Seksyen 10.3 untuk syarat-syarat penting Surat Kuasa Wakil.

### **2.3.5 Bayaran tambahan budi bicara Penaja**

Selain daripada sewa pajakan yang telah dipersetujui, Penaja boleh mengikut budi bicaranya untuk membayar kepada Dana bayaran tambahan budi bicara yang hendaklah digunakan bagi pengagihan kepada Pemegang-pemegang Unit dalam cara yang ditetapkan oleh Penaja.

### **2.3.6 Pembelian Unit / Pembelian Balik Unit**


#### **(i) Pembelian Unit**



Penaja, melalui Pengurus, akan menawarkan untuk menjual Unit-unit kepada anda dan anda boleh membeli Unit-unit dari Penaja melalui Pengurus pada harga tetap RM1.00 setiap Unit, tertakluk pada ketersediaannya. Anda boleh membeli Unit-unit dari Pengurus di semua pengedar yang diluluskan pada bila-bila Hari Perniagaan.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

### **(ii) Pembelian Balik Unit**



Anda juga boleh menjual Unit-unit yang anda pegang kepada Pengurus pada harga tetap RM1.00 setiap Unit pada bila-bila Hari Perniagaan di dalam satu bulan kalendar, tetapi hanya sekali sebulan. Sebagaimana yang ditunjukkan di bawah, seorang Pemegang Unit menjual 4,000 Unit-unit kepada Pengurus pada 31 Mac. Pada Hari Perniagaan selepas itu beliau boleh menjual 2,000 Unit-unit kepada Pengurus samada pada atau selepas 1 April. Jika beliau menjual pada 1 April, beliau tidak dibenarkan menjual apa-apa Unit dari 2 April hingga 30 April. Berikutannya, Hari Perniagaan selepas itu semasa beliau boleh menjual pada bulan kalendar selepas itu adalah samada pada atau selepas 2 Mei. (1 Mei bukan Hari Perniagaan).

<b>Hari Perniagaan</b>	<b>Jenis Urus Niaga</b>	<b>RM</b>
31 Mac	Jual	4,000
1 April *	Jual	2,000
2 Mei - 31 Mei	Jual	1,000

#### **Nota:**

\* hari pertama selepas Hari Perniagaan sesuatu bulan kalendar yang Pemegang Unit boleh menjual Unit-unit kepada Pengurus

Anda akan dibayar bagi Unit-unit yang anda jual kepada Pengurus dalam masa 7 Hari Perniagaan selepas permohonan pembelian balik diterima sebagaimana yang disebut dalam Garis Panduan tetapi Pengurus akan berusaha sedaya upaya untuk membayar anda serta merta kecuali bagi Institusi Bumiputera yang akan menerima bayaran dalam masa 7 Hari Perniagaan selepas permohonan pembelian balik diterima.

Unit-unit yang dibeli balik oleh Pengurus akan dijual serta merta kepada Penaja pada harga tetap RM1.00 setiap Unit. Unit-unit yang dibeli oleh Penaja boleh dijual balik kepada pelabur-pelabur lain, tertakluk pada syarat-syarat dan terma-terma Prospektus ini.

### **(iii) Dasar Pengurusan Kecairan**

Dalam usaha untuk memenuhi kewajipan Penaja untuk membeli balik Unit-unit dari Pengurus, Penaja akan memastikan terdapatnya polisi, proses dan prosedur pengurusan kecairan yang memadai untuk memastikan tahap kecairan yang mencukupi dan akan disemak dari masa ke semasa untuk memenuhi mana-mana permohonan pembelian balik dari para pelabur. Tahap kecairan akan disemak dan dipantau oleh Pengurus dan Pemegang Amanah setiap bulan dan dilaporkan kepada SC setiap enam (6) bulan.

PHB akan menyediakan barisan kredit yang bukan di bawah kawalan dan pengurusan Pengurus dan Pemegang Amanah tertakluk, antara lain, kepada

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

keperluan kecairan di bawah Aku janji Belian Semula PHB dan syarat-syarat SC dipenuhi pada setiap masa.

Di bawah polisi pengurusan kecairan kini, Pengurus akan menyebabkan Penaja untuk mengekalkan akaun pembelian semula atas nama Penaja di mana Penaja hendaklah mendepositkan semula jumlah wang sepetimana yang ditentukan oleh Pengurus ke dalam akaun pembelian semula. Peruntukan di dalam akaun pembelian semula akan dikaji dan dipantau oleh Pengurus dan Pemegang Amanah pada setiap bulan ke atas keberkesanannya. Bagi tujuan ini, Penaja hendaklah memberikan kepada Pemegang Amanah dan Pengurus pada setiap bulan, penyata bertulis yang mengesahkan agregat jumlah di dalam akaun pembelian semula bersama-sama dengan jumlah yang disediakan untuk pengeluaran bagi mana-mana barisan kredit untuk pembelian semula Unit dan disokong oleh salinan penyata bank atau dokumen lain sebagaimana yang mencukupi untuk mengesahkan kenyataan tersebut sehingga kepuasan Pemegang Amanah dan Pengurus. Jika Penaja pada bila-bila masa melanggar obligasinya, Pemegang Amanah dan Pengurus berhak untuk memerlukan Penaja meletakkan barisan kredit yang sedia ada di bawah kawalan dan pengurusan Pemegang Amanah dan/atau Pengurus atau mengendalikan barisan kredit tersebut mengikut arahan bertulis daripada Pemegang Amanah dan Pengurus dengan tegas.

### **(iv) Pelaporan Harian**

Pengurus hendaklah, pada setiap hari atau tempoh lain yang tertentu, melaporkan kepada Pemegang Amanah dan Penaja, amaun wang tunai yang tersedia untuk Pengurus bagi memenuhi permintaan daripada Pemegang Unit untuk Pembelian Semula Unit, bagi membolehkan Pemegang Amanah memastikan akaun belian semula mencukupi untuk mematuhi Seksyen 2.3.6 (iii) di atas.

Sila rujuk kepada Seksyen 10.4 Prospektus ini untuk syarat-syarat penting dalam Aku janji Belian Balik PHB.


### **2.3.7 Tempoh Dana**

- (i) Tempoh Dana adalah berterusan, tertakluk pada syarat-syarat Surat Ikatan dan Dokumen Urus niaga.
- (ii) Walaupun Perjanjian Pajak mempunyai tempoh sepuluh (10) tahun (atau suatu tempoh lain yang dipersetujui oleh Penaja dan Pemegang Amanah secara bertulis) bermula dari tarikh permulaannya, adalah menjadi hasrat Pengurus untuk memastikan bahawa Dana akan terus melabur dalam pemgunaan benefisial Aset Hartanah menjangkaui tempoh awal pajakan selama sepuluh (10) tahun (atau suatu tempoh lain yang dipersetujui oleh Penaja dan Pemegang Amanah secara bertulis). Sebagai contoh, beberapa kemungkinan boleh berlaku untuk memastikan tujuan ini tercapai, antaranya:

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*


## 2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)

- (a) Pembaharuan Perjanjian Pajak sedia ada\*; dan/atau



*Nota\*: Berdasarkan andaian bahawa tempoh pajakan dilanjutkan selama 10 tahun.*

- (b) mengambil alih pemunyaian benefisial tambahan Aset Hartanah dengan persetujuan beli dan pajak balik dengan Penaja dengan tempoh tamat pajakan baru melebihi tempoh pajak dalam Perjanjian Pajak yang sedia ada\*; dan/atau




*Nota\*: Berdasarkan andaian bahawa tempoh pajakan dilanjutkan selama 10 tahun.*

- (c) melaksanakan Aku janji Penggantian oleh Penaja dimana Penaja menggantikan Aset Hartanah sedia ada dengan Aset Hartanah baru dengan tempoh tamat perjanjian baru yang melebihi tempoh Perjanjian Pajak sedia ada\*; dan/ atau

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**



*Nota\*: Berdasarkan andaian bahawa tempoh pajakan dilanjutkan selama 10 tahun.*

- (d) gabungan kesemua di atas.

### **2.3.8 Pelaburan Minima dalam pemunyaian benefisial Aset Hartanah**

Mengikut prinsip-prinsip Syariah, sekiranya pelaburan sesuatu dana itu adalah dalam bentuk wang tunai atau bersamaan dengan wang tunai, unit-unit dana tersebut tidak boleh diperdagangkan. Bagi tujuan untuk diperdagangkan, wang tunai tersebut hendaklah digabungkan dengan aset ketara dan pada setiap masa tidak boleh melebihi 2/3 atau 66% dari aset-aset Dana dan lebihan 1/3 atau 34% aset-aset Dana tersebut hendaklah dalam bentuk aset-aset ketara. Hanya selepas itu Unit-unit Dana boleh diperdagangkan. Ini adalah asas bagi keadaan ini.

Pengurus hendaklah memastikan sekurang-kurangnya 34% dari aset-aset Dana adalah dilaburkan dalam pemunyaian benefisial Aset Hartanah di bawah perjanjian jualan dan pajak balik dengan Penaja.

Sekiranya pelaburan Dana dalam pemunyaian benefisial Aset Hartanah jatuh di bawah 34% dari aset-aset Dana, Pengurus boleh menamatkan Dana mengikut budi bicaranya menurut Surat Ikatan, dan jika perlu, tertakluk pada kelulusan undang-undang.

### **2.3.9 Kewajipan Ambil Alih Unit oleh Pengurus**

Menurut Surat Ikatan, dalam keadaan di mana Penaja memegang lebihan 90% dari semua Unit-unit yang dikeluarkan untuk tempoh berterusan selama enam (6) bulan atau lebih, Penaja berhak dan wajib mengambil alih semua baki Unit-unit yang tidak dipegang oleh Penaja pada kadar harga RM1.00 setiap Unit.

Sebaik saja Pemegang Amanah dan Pengurus menerima notis dari Penaja, Pengurus hendaklah mengeluarkan notis kepada semua Pemegang-pemegang Unit (selain dari Penaja) bahawa mereka perlu menjual Unit-unit mereka kepada Penaja dalam masa 30 hari (atau tempoh lain yang boleh ditetapkan oleh Pengurus) dari tarikh notis dikeluarkan. Apabila tempoh notis tamat, Pengurus diberi kuasa untuk membeli balik semua baki Unit-unit, membayar hasilnya kepada Pemegang-pemegang Unit yang terjejas termasuk mana-mana pendapatan pajakan yang diterima oleh Dana tanpa mengira tarikh pengagihan dan menutup akaun Pemegang-pemegang Unit yang terjejas.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Semua bayaran yang tidak diberikan berkaitan dengan ambil alih wajib akan difaillkan dengan Pendaftar Wang-wang Tidak Dituntut selepas 12 bulan berlalu dari tarikh pembayaran, di bawah peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965 (Semakan 2002), yang mana selepas itu mana-mana tuntutan yang dibuat mesti dibuat terus kepada Pendaftar Wang-wang Tidak Dituntut.

### **2.3.10 Aku janji Jualan, Aku janji Belian dan Aku janji Penggantian**

Berhubung dengan Perjanjian Pajak, Pemegang Amanah dan Penaja atau Anggota Gabungannya telah memperoleh aku janji yang berikut:

#### **(i) Aku janji Jualan**

Di bawah Aku janji Jualan, Penaja mempunyai hak untuk meminta Pemegang Amanah menjual pemunyaan benefisial Aset Hartanah kepada Penaja atau Anggota Gabungannya apabila Perjanjian Pajak matang.

Sebaik sahaja Aku janji Jualan dilaksanakan, Pemegang Amanah adalah berkewajipan untuk menjual pemunyaan benefisial Aset Hartanah kepada Penaja pada Harga Terlaksana.

Sila rujuk pada Seksyen 10.5 Prospektus ini untuk syarat-syarat penting Aku janji Jualan.

#### **(ii) Aku janji Belian**

Di bawah Aku janji Belian, Pemegang Amanah mempunyai hak untuk meminta Penaja atau Anggota Gabungannya melaksanakan perkara yang berikut berdasarkan senario yang berkaitan:

- **apabila menggulung Dana selaras dengan peruntukan Surat Ikatan,** untuk membeli pemunyaan benefisial semua Aset Hartanah;
- **apabila menamatkan Perjanjian-perjanjian Pajak berkenaan dengan mana-mana Aset Hartanah yang terlibat,** untuk membeli pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang relevan; atau
- **apabila Penaja gagal dalam perlaksanaan tanggungjawabnya di bawah Aku janji Belian Balik PHB,** untuk membeli pemunyaan benefisial semua Aset Hartanah atau yang relevan.

Penaja atau Anggota Gabungannya mempunyai obligasi untuk membeli daripada Dana, pemunyaan benefisial Aset Hartanah pada Harga Terlaksana.

Apabila Penaja atau Anggota Gabungannya menguatkusakan Aku janji Penggantian, Pemegang Amanah akan menguatkusakan Aku janji Belian.

Apabila Dana ditamatkan atau dibubarkan, Penaja atau Anggota Gabungannya telah diberikan hak penawaran dahulu untuk memperoleh pemunyaan benefisial Aset Hartanah terlebih dahulu sekiranya Pemegang Amanah memilih untuk tidak menguatkusakan Aku janji Belian. Jika Penaja atau Anggota Gabungannya memungkiri obligasinya di bawah Dokumen Urus niaga, hak penawaran dahulu adalah pada harga pasaran Aset Hartanah yang berkaitan.

Bagi Kolej Marlborough di mana Penaja atau Anggota Gabungannya memilih untuk tidak menguatkusakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju bahawa ia akan menguatkusakan hak penawaran dahulu untuk memperoleh Kolej Marlborough yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak yang sedia ada, M East Sdn. Bhd.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Sila rujuk kepada Seksyen 10.6 Prospektus ini untuk syarat-syarat penting Aku janji Belian.

### **(iii) Aku janji Penggantian**


- (a) Mengikut Aku janji Penggantian, Pemegang Amanah:
- memberi Penaja hak untuk menamatkan Perjanjian Pajak berkenaan dengan mana-mana Aset Hartanah; dan
  - akan menguatkuasakan Aku janji Belian untuk Penaja atau Anggota Gabungannya bagi memperoleh pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang berkaitan sebagai tukaran untuk:
    - tukar alih pemunyaan benefisial Aset Hartanah Pemegang Amanah dengan Aset Hartanah yang relevan untuk digantikan pada harga yang sama atau lebih dan memeteraikan perjanjian pajak balik yang berkenaan mulai dari itu; atau
    - wang tunai Harga Terlaksana, yang mana tidak akan melebihi 2/3 atau 66% dari VOF,
- tertakluk pada kelulusan Pemegang Amanah dan Pengurus;
- (b) Jika nilai pemunyaan benefisial Aset Hartanah baru lebih besar daripada nilai pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang sedia ada yang akan digantikan, Penaja atau Anggota Gabungannya akan menerima jumlah perbezaan dalam bentuk Unit, tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan. Tempoh pajakan dan sewa pajakan untuk Aset Hartanah yang digantikan hendaklah sama dengan atau lebih besar daripada tempoh pajakan dan sewa pajakan pemunyaan benefisial Aset Hartanah sedia ada yang akan digantikan;
- (c) Penaja atau Anggota Gabungannya boleh menguatkuasakan Aku janji Penggantian dalam keadaan, antara lain, untuk memanjangkan hayat Dana atau untuk menggantikan pemunyaan benefisial Aset Pajakan sedia ada dengan pemunyaan benefisial Aset Hartanah baru yang mempunyai kadar sewa pajakan yang lebih baik;
- (d) Penaja dan Pemegang Amanah bersetuju bahawa pemunyaan benefisial Aset Hartanah baru akan mematuhi kriteria penapisan Syariah seperti yang diputuskan oleh panel penasihat Syariah untuk Dana.

Sila rujuk pada Seksyen 10.7 Prospektus ini untuk syarat-syarat penting Aku janji Penggantian.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

Rajah berikut menunjukkan keseluruhan struktur Dana dan menunjukkan hubung kait antara Pengurus, Dana, Pemegang Amanah, Penaja dan Pemegang-pemegang Unit.



### **FAKTOR-FAKTOR RISIKO**

Setiap pelaburan membawa pelbagai unsur-unsur risiko. Oleh itu, sebelum mengambil langkah untuk melabur, bakal pelabur seharusnya mengambil kira faktor-faktor risiko berikut di samping lain-lain maklumat yang dibentangkan dalam Prospektus ini.

#### **2.4 RISIKO UMUM MELABUR DALAM DANA AMANAH DAN MELABUR DALAM PEMUNYAAN BENEFISIAL ASET BERASASKAN HARTANAH**

Semua pelaburan membawa beberapa bentuk risiko. Ia adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa apabila anda melabur anda perlu bersedia untuk menerima tahap risiko, kerana kebanyakan pelaburan terjejas oleh keadaan pasaran yang sentiasa berubah, yang diantaranya mungkin mempunyai kesan positif dan negatif ke atas pelaburan anda. Oleh itu, tidak kira berapa berpengalaman pengurus dana berkennaan, faktor-faktor tertentu mungkin di luar kawalan mereka, dimana ia akan memberi kesan kepada nilai pelaburan dana. Anda harus mempertimbangkan perkara berikut apabila melabur dalam dana amanah:

##### **(i) Risiko Ekonomi, Politik dan Undang-undang**

Prestasi Dana tersebut berkait rapat dengan pembangunan ekonomi Malaysia berdasarkan sifat semulajadi industri harta tanah. Mana-mana perkembangan yang menggugat persekitaran politik dan ekonomi serta keadaan yang tidak menentu di Malaysia, secara material boleh mengganggu dan menggugat pulangan yang berkaitan dengan Dana tersebut. Segala risiko-risiko ini termasuk peperangan, kejatuhan ekonomi global dan perubahan-perubahan dasar-dasar kerajaan yang tidak menguntungkan seperti perubahan kadar cukai, cara-cara pencukaian atau undang-undang baru yang diperkenalkan.

##### **(ii) Risiko Kecairan**

Ini ialah risiko dana amanah yang mengalami penebusan atau pembelian semula secara besar-besaran, di mana pengurus dana mungkin terpaksa menjual pelaburannya pada harga yang tidak menguntungkan untuk memenuhi permintaan penebusan atau pembelian semula.

Memandangkan Dana melabur terutamanya dalam pemunyaan benefisial Aset Hartanah, Dana terdedah kepada risiko kecairan yang tinggi kerana ia mungkin tidak dapat menjual pemunyaan benefisial Aset Hartanah pada harga pasaran semasa dengan serta-merta.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Ini mungkin menjelaskan kebolehan Dana memenuhi permintaan untuk penebusan/pembelian semula atau untuk membayar wang anda selepas Dana ditamatkan.

Wang tunai dan kemudahan kredit yang disenggarakan oleh Penaja boleh digunakan ketika itu untuk memenuhi pembayaran dijangka kepada Pemegang Unit menurut Pembelian Semula Unit. Pengurus akan memberikan laporan harian kepada Pemegang Amanah tentang kecukupan sumber kewangan untuk memenuhi permintaan Pemegang Unit bagi Pembelian Semula Unit, dan bersama-sama Pemegang Amanah mengambil tindakan yang perlu jika berlaku sebaliknya.

### **(iii) Risiko Inflasi / Kuasa Membeli**

Inflasi merupakan salah satu risiko jangka panjang kerana ia menimbulkan keadaan tidak menentu mengenai nilai masa depan pelaburan. Dalam suasana inflasi tinggi, pulangan ke atas pelaburan akan susut berbanding dengan kadar inflasi yang membawa kepada kehilangan kuasa membeli bagi setiap RM pokok bagi pelabur; ini juga dikenali sebagai risiko inflasi atau kuasa membeli.

### **(iv) Risiko Pembiayaan**

Melabur dalam dana amanah dengan menggunakan wang pinjaman adalah lebih berisiko daripada melabur dengan menggunakan wang pelabur sendiri. Pelabur tidak digalakkan mengambil pembiayaan untuk membiayai pembelian unit apa-apa dana amanah. Jika pembiayaan diperoleh untuk membiayai pembelian unit apa-apa dana amanah, pelabur perlu memahami bahawa:

- Pelabur mungkin diminta oleh institusi kewangan untuk menambah cagaran atau mengurangkan amaun pembiayaan belum jelas ke paras yang dikehendaki;
- Pelabur akan menanggung kos pembiayaan yang lebih tinggi jika kadar untung meningkat; dan
- Pulangan ke atas unit amanah tidak dijamin dan mungkin tidak diperoleh sama rata sepanjang masa.

Risiko menggunakan pembiayaan hendaklah dinilai oleh pelabur dengan teliti berdasarkan objektif pelaburan, pendirian terhadap risiko dan keadaan kewangan mereka.

### **(v) Risiko Pasaran**

Ini adalah risiko harga sekuriti atau harta tanah yang dilaburkan oleh dana yang sedang jatuh disebabkan keadaan pasaran keseluruhannya, berbanding dengan kejatuhan yang disebabkan oleh kegiatan sesuatu syarikat atau aset harta tanah. Risiko pasaran termasuk keadaan pasaran luar negara yang tergugat yang boleh menjelaskan pasaran dan dana tempatan. Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pasaran tempatan dan global termasuklah:

- (a) faktor-faktor ekonomi, termasuk perubahan dalam kadar keuntungan, inflasi dan kadar pertukaran matawang;
- (b) faktor-faktor sosio-politik dan undang-undang; dan
- (c) sentimen pelabur keseluruhannya.

Sebagai mengurangkan risiko ini, menurut Aku janji Penggantian, Pemegang Amanah hendaklah melaksanakan Aku janji Belian supaya Penaja memperolehi pemunyanan benefisial Aset Pajakan yang relevan sebagai pertukaran untuk pemunyanan benefisial Aset Hartanah yang lain dengan nilai yang sama atau lebih dari nilai pemunyanan benefisial Aset Pajakan yang relevan untuk digantikan dan memeteraikan persetujuan pajak balik dengannya. Penaja, mengikut keadaan, boleh melaksanakan Aku janji Penggantian untuk

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (*Bersambung*)**

---

menggantikan pemunyaan benefisial Aset Pajakan sedia ada dengan pemunyaan benefisial Aset hartanah yang mempunyai kadar atau nilai sewa pajak yang lebih baik.

### **(vi) Risiko Ketidakpatuhan**

Ini adalah risiko Pengurus mungkin tidak mengikuti peruntukan-peruntukan di dalam Prospektus ini, Surat Ikatan atau undang-undang yang menyelia Dana. Ini juga merupakan risiko bahawa Pengurus mungkin bertindak secara frod atau tidak jujur yang mungkin menyebabkan Dana disalah urus dan selanjutnya, menjelaskan pelaburan Dana.

Sebagai mengurangkan risiko ini, Pengurus dan wakil-wakilnya (jika ada) akan memastikan kawalan dalaman yang ketat serta proses pemantauan pematuhan dilaksanakan.

### **(vii) Risiko Operasi**

Risiko operasi boleh terjadi berikutan kekurangan atau kegagalan pihak Pengurus dalam penetapan prosedur dan kawalan pemantauan dalaman dan juga pengiraan risiko serta kewajipan mengikut perjanjian yang bersangkut paut dengan Dana.

Pengurus berusaha untuk mengurangkan risiko ini dengan melaksanakan prosedur operasi yang sistematis dan kawalan dalaman yang ketat.

## **2.5 RISIKO TERTENTU YANG DIKAITKAN DENGAN PELABURAN DANA**

### **(i) Risiko Kecairan**

Ini merujuk kepada betapa mudahnya sesuatu pelaburan boleh dilupuskan pada atau hampir dengan nilai wajarnya. Memandangkan Dana melabur terutamanya dalam pemunyaan benefisial Aset Hartanah, Dana terdedah kepada risiko kecairan yang tinggi kerana ia mungkin tidak dapat menjual pemunyaan benefisial Aset Hartanah pada harga pasaran semasa dengan serta-merta.

Dana telah mengikat dan/atau akan mengikat Aku janji Belian, yang jika dikuatkuasakan akan memerlukan Penaja membeli pemunyaan benefisial Aset Hartanah pada Harga Terlaksana apabila pajakan ditamatkan. Sekiranya Penaja gagal menjalankan obligasinya di bawah Aku janji Belian, Pemegang Amanah boleh mendaftarkan dirinya sebagai pemilik sah dan menjual, memindahkan atau melupuskan Aset Hartanah itu (dan di mana Aset Hartanah tersebut dipegang di bawah hak milik induk, Pemegang Amanah boleh menyerahkan haknya sebagai pemilik benefisial Aset Hartanah) kepada pihak ketiga pada harga pasaran dengan menggunakan Surat Kuasa Wakil tidak boleh batal yang diberikan oleh Penaja.

Penaja akan menyediakan dasar, proses dan prosedur pengurusan kecairan yang mencukupi untuk mengekalkan paras kecairan yang memadai yang akan dikaji semula dari masa ke masa untuk memenuhi apa-apa permintaan pembelian semula daripada pelabur. Paras kecairan akan dikaji semula dan dipantau oleh Pengurus dan Pemegang Amanah tiap-tiap bulan atau lebih kerap seperti yang akan ditentukan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah dan dilaporkan kepada SC setiap enam (6) bulan.

### **(ii) Risiko kadar untung**

Peningkatan kadar untung semasa akan menyebabkan pelaburan Dana dalam instrumen pasaran wang Islam menurun dari segi nilai. Walau bagaimanapun, kerugian ini tidak direalisasikan melainkan Pengurus terpaksa menjualnya sebelum matang.

Untuk mengurangkan pendedahan Dana kepada risiko kadar untung, Pengurus akan menguruskan tempoh portfolio dengan beralih kepada instrumen pasaran wang Islam yang bertempoh lebih pendek atau lebih panjang bergantung kepada arah gerakan kadar untung yang dijangka, berdasarkan penyelidikan dan analisis asas yang berterusan.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

### **(iii) Risiko kedua-dua belah pihak**

Penaja atau Anggota Gabungannya mungkin tidak memenuhi obligasi kontraknya di bawah Dokumen Urus niaga. Ini termasuk obligasinya untuk membayar sewa pajakan untuk Aset Hartanah, membeli semula Unit daripada Pengurus menurut permintaan pembelian semula oleh Pemegang Unit, dan membayar Harga Terlaksana apabila Aku janji Belian, Aku janji Jualan atau Aku janji Penggantian dikuatkuasakan.

Pengurus mampu mengurangkan risiko ini dengan meminta Penaja menyediakan deposit sekuriti yang sama nilainya dengan 3 bulan pertama sewa pajakan yang dicagarkan kepada Pemegang Amanah, dan menyimpan sejumlah wang tunai dan kemudahan kredit sebagaimana yang telah dipersetujui untuk memenuhi permintaan belian balik oleh Pengurus. Sekiranya Penaja gagal memenuhi kewajipannya sebagaimana tertakluk didalam Dokumen Urus niaga, Pemegang Amanah boleh melaksanakan haknya di bawah Aku janji Belian untuk didaftarkan sebagai pemilik sah dan menjual, memindah atau melupuskan pemunyaan benefisial Aset Hartanah (dan di dalam keadaan dimana Aset Hartanah dipegang di bawah hakmilik induk, Pemegang Amanah boleh menyerahkan haknya sebagai pemilik benefisial Aset Hartanah) ke pihak ketiga pada harga pasaran dengan menggunakan Surat Kuasa Wakil tidak boleh batal yang diberikan oleh Penaja.

### **(iv) Perlindungan yang cukup**

Aset Pajakan mungkin akan mengalami kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran, banjir, gempa bumi atau lain-lain sebab atau Penaja mungkin akan mengalami tuntutan liabiliti awam, yang boleh mengakibatkan kerugian (termasuk kerugian penyewaan), dan mungkin tidak akan dapat pampasan sepenuhnya dari Takaful. Disamping itu, jenis-jenis risiko tertentu (seperti risiko perperangan dan tindakan pengganas) mungkin tidak boleh dilindungi insuran atau kos Takaful mungkin menjadi penghalang berbanding dengan nilai risiko. Sekiranya berlaku kerugian yang tidak dilindungi atau kerugian yang melebihi had yang dilindungi, Penaja berkemungkinan perlu menanggung kerugian dari pulangan yang diharapkan dari Aset Pajakan di masa hadapan. Tidak ada jaminan yang boleh diberikan bahawa tidak akan terjadi kerugian besar yang melebihi pampasan insuran.

Sekiranya ia berlaku, Pemegang Amanah boleh melaksanakan haknya sebagaimana tertakluk didalam Surat Kuasa Wakil atau Aku janji Belian. Penaja boleh juga melaksanakan haknya sebagaimana yang disebut dalam Aku janji Penggantian, dimana ianya relevan dan boleh diguna pakai.

### **(v) Tiada pendaftaran pindah milik Aset Pajakan**

Memandangkan Dana melabur dalam pemunyaan benefisial Aset Hartanah, Pemegang Amanah tidak akan menjadi tuan punya berdaftar Aset Hartanah melainkan Penaja gagal menjalankan obligasinya untuk membeli pemunyaan benefisial di bawah Aku janji Belian, Aku janji Jualan atau Aku janji Penggantian atau apabila Dana ditamatkan. Jika ini berlaku, Pemegang Amanah perlu melupuskan mana-mana atau semua Aset Hartanah (dan jika Aset Hartanah itu dipegang di bawah hak milik induk, Pemegang Amanah boleh menyerahkan haknya sebagai pemilik benefisial Aset Hartanah itu) dan untuk berbuat demikian, Pemegang Amanah mesti boleh mendaftarkan atas namanya sendiri atau memindah milik atau menyerahkan hak (mengikut keadaan) Aset Hartanah tersebut kepada pembeli pihak ketiga. Sebagai sebahagian daripada Perjanjian Pembelian Aset, surat ikatan hak milik asal dan memorandum pindah milik (dan jika Aset Hartanah dipegang di bawah hak milik induk, maka surat ikatan penyerahan hak Aset Hartanah itu) berserta dokumen yang diperlukan untuk menguatkuasakan pindah milik) telah didepositkan dengan Pemegang Amanah untuk dipegang secara eskrow dan Pemegang Amanah telah juga dilantik sebagai wakil kuasa Penaja di bawah Surat Kuasa Wakil tidak boleh batal. Ini membolehkan Pemegang Amanah menguatkuasakan pindah milik atau penyerahan hak Aset Hartanah yang berkaitan kepada dirinya sendiri atau pembeli pihak ketiga itu.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

Walaupun setiap usaha akan dibuat untuk memastikan instrumen pindah milik berhubung dengan Aset Hartanah sesuai untuk pendaftaran atau penyerahan hak (mengikut keadaan) dan tidak terdapat sekat ketara dalam berurusan dengan Aset Hartanah sebelum pengemukaan instrumen pindah milik atau penyerahan hak untuk meminimumkan apa-apa risiko tiada pendaftaran atau tiada penyerahan hak, pindah milik Aset Hartanah kepada Pemegang Amanah Dana hanya berkuat kuasa apabila memorandum pendaftaran pindah milik kepada Pemegang Amanah dibuat pada surat hak milik dalam daftar untuk Aset Hartanah itu yang disimpan di pejabat daftar tanah/pejabat tanah berkaitan dan dokumen hak milik keluaran dengan memorandum tersebut dikembalikan oleh pejabat daftar tanah/pejabat tanah berkaitan yang mungkin mengambil masa beberapa bulan untuk dilengkapkan dan dokumen hak milik keluaran dikembalikan sewajarnya (dan jika Aset Hartanah itu dipegang di bawah hak milik induk, surat ikatan penyerahan hak Aset Hartanah tersebut telah didepositkan dengan Pemegang Amanah). Walau bagaimanapun, tarikh pendaftaran pertukaran pemunyaan di sisi undang-undang bagi Aset Hartanah adalah tarikh pengemukaan instrumen pindah milik di pejabat daftar tanah/pejabat tanah yang berkaitan tanpa mengambil kira tarikh dokumen hak milik keluaran itu dikembalikan (dan jika Aset Hartanah itu dipegang di bawah hak milik induk, Penaja atau Anggota Gabungannya akan menjadi pemilik benefisial Aset Hartanah tersebut sehingga suatu masa apabila hak milik individu berasingan dikeluarkan atas nama Penaja atau Anggota Gabungannya).

### **(vi) Risiko tiada pembaharuan Perjanjian Pajak**

Sekiranya Perjanjian Pajak tidak diperbaharui atau diperbaharui pada kadar sewa yang lebih rendah daripada kadar sewa semasa, Dana mungkin akan kehilangan pendapatan sewa daripada Aset Pajakan dan ini boleh menjelaskan pengagihan pendapatan kepada Pemegang-pemegang Unit.

Pengurus boleh mengurangkan risiko ini dengan berunding dengan Penaja untuk memperbaharui Perjanjian Pajak sebelum tarikh luputnya. Pengurus dan Pemegang Amanah juga boleh memohon untuk membeli pemunyaan benefisial Aset Hartanah baru dari Penaja atau Anggota Gabungannya, dan memasuki Perjanjian Pajak baru untuk menjamin pendapatan sewa tambahan.

Jika Perjanjian Pajak dengan Penaja tidak diperbaharui, Penaja boleh meminta Pemegang Amanah untuk menjual pemunyaan benefisial Aset Pajakan kepada Penaja pada Harga Terlaksana, menurut Aku janji Jualan.

### **(vii) Risiko penebusan awal**

Pelaburan anda boleh diwajibkan untuk ditebus apabila Penaja melaksanakan pilihan pembersihan dan membeli balik semua Unit-unit yang tidak dipegang oleh Penaja apabila Penaja memegang lebih dari 90% dari semua Unit-unit yang dikeluarkan untuk tempoh enam (6) bulan berturut-turut atau lebih.

Sila rujuk pada Seksyen 2.3.9 dalam Prospektus ini untuk maklumat lanjut berkenaan dengan pilihan pembersihan.

### **(viii) Risiko ketidakpatuhan Syariah**

Terdapat risiko bahawa Aset Hartanah yang dipegang pada masa ini akan dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah apabila dikaji semula oleh panel penasihat Syariah. Ini mungkin berlaku jika sewa pajakan diperoleh daripada aktiviti yang tidak menurut prinsip Syariah. Oleh itu, Dana tidak akan mendapat manfaat daripada apa-apa sewa pajakan yang diterima daripada Aset Pajakan selepas pengelasan semula Aset Pajakan. Akibatnya, sewa pajakan akan disalurkan kepada mana-mana badan amal seperti yang dinasihatkan oleh panel penasihat Syariah.

Sila ambil perhatian bahawa panel penasihat Syariah telah dilantik untuk Dana, dan mereka bertanggungjawab menasihati Pengurus bagi memastikan Dana diurus dan ditadbirkan menurut prinsip Syariah.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (*Bersambung*)**

---

### **2.6 STRATEGI DAN TEKNIK PENGURUSAN RISIKO**

Strategi-strategi dan teknik-teknik pengurusan risiko yang diambil oleh Pengurus merangkumi yang berikut:

(i) Risiko kecairan

Untuk mengurangkan risiko ini, Dana telah mengikat Aku janji Belian, yang jika dikuatkuasakan akan menghendaki Penaja membeli pemunyaan benefisial Aset Hartanah berkaitan pada Harga Terlaksana apabila pajakan ditamatkan. Sekiranya Penaja gagal menjalankan obligasinya di bawah Aku janji Belian, Pemegang Amanah boleh mendaftarkan dirinya sebagai pemilik sah di sisi undang-undang bagi Aset Pajakan yang berkaitan, dan menjual, memindah milik atau melupuskan Aset Pajakan tersebut (dan jika Aset Hartanah itu dipegang di bawah hak milik induk, Pemegang Amanah boleh menyerahkan haknya sebagai pemilik benefisial Aset Hartanah itu) kepada pihak ketiga pada harga pasaran dengan menggunakan Surat Kuasa Wakil tidak batal yang diberikan oleh Penaja.

(ii) Risiko kadar keuntungan

Dalam usaha untuk mengurangkan pendedahan Dana terhadap risiko kadar keuntungan, Pengurus akan mengurus tempoh masa portfolio dengan menukar kepada aset-aset yang mempunyai tempoh yang lebih pendek atau panjang bergantung kepada arah pergerakan kadar keuntungan yang dijangka berdasarkan kajiselidik dan analisa asas berterusan.

(iii) Risiko kedua-dua belah pihak

Pengurus boleh mengurangkan risiko ini dengan meminta Penaja menyediakan deposit sekuriti yang bersamaan dengan 3 bulan pertama sewa pajakan yang dicajkan kepada Pemegang Amanah, dan mengetepikan amaun wang tunai dan kemudahan kredit yang ditetapkan untuk memenuhi permintaan pembelian semula Pengurus. Sekiranya Penaja gagal menjalankan obligasinya di bawah Dokumen Urus niaga, Pemegang Amanah boleh juga menguatkuasakan haknya di bawah Aku janji Belian, dan sekiranya gagal berbuat demikian, Pemegang Amanah boleh mendaftarkan dirinya sebagai pemilik sah di sisi undang-undang dan menjual, memindahkan atau melupuskan pemunyaan benefisial Aset Hartanah itu (dan jika Aset Hartanah itu dipegang di bawah hak milik induk, Pemegang Amanah boleh menyerahkan haknya sebagai pemilik benefisial Aset Hartanah itu) kepada pihak ketiga pada harga pasaran dengan menggunakan Surat Kuasa Wakil tidak batal yang diberikan oleh Penaja.

(iv) Risiko Perjanjian Pajak tidak diperbaharui

Pengurus boleh mengurangkan risiko ini menerusi perundingan dengan Penaja untuk memperbaharui Perjanjian Pajak sebelum ia tamat tempoh. Pengurus juga boleh berusaha untuk membeli pemunyaan benefisial Aset Hartanah baru dari Penaja, dan memeteraikan Perjanjian Pajak baru sebagai menjamin pendapatan tambahan dari sewaan.

(v) Risiko ketidakpatuhan

Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus dan wakil-wakilnya (jika ada) akan memastikan kawalan dalaman yang ketat dan proses pemantauan pematuhan dijalankan.

(vi) Risiko Operasi

Pengurus berusaha untuk mengurangkan risiko ini dengan melaksanakan prosedur operasi yang sistematik dan kawalan dalaman yang ketat.

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

---

### (vii) Risiko ketidakpatuhan Syariah

Terdapat risiko yang sesuatu pelaburan akan dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah apabila disemak semula oleh panel penasihat Syariah. Ini mungkin berlaku jika sewa pajakan diperoleh daripada aktiviti yang tidak menurut prinsip Syariah. Oleh itu, Dana tidak akan mendapat manfaat daripada apa-apa sewa pajakan yang diterima daripada Aset Pajakan selepas pengelasan semula Aset Pajakan. Akibatnya, sewa pajakan akan disalurkan kepada mana-mana badan amal seperti yang dinasihatkan oleh panel penasihat Syariah.

## **2.7 TANDA ARAS PRESTASI**

Sebagai Dana yang berharga-tetap, pulangan kepada Pemegang-pemegang Unit akan dibuat dalam bentuk hasil agihan pendapatan Dana. Pulangan ini akan menjadi tanda aras bagi Simpanan Tetap Islamik-i 12-bulan di Maybank Islamic Berhad, yang boleh didapati menerusi [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).

*Nota: Bagi tujuan Dana ini, tanda aras prestasi digunakan sebagai pengukur untuk menilai prestasi Dana sahaja. Ianya bukan satu petunjuk profil risiko pelaburan-pelaburan Dana. Profil risiko Dana adalah berbeza dari profil risiko tanda aras prestasi. Pemegang-pemegang Unit boleh menanggung risiko yang lebih tinggi berbanding dengan penyimpanan dalam Simpanan Tetap Islamik-i 12-bulan. Ekoran dari tanggung risiko yang lebih tinggi oleh Dana berbanding dengan tanda aras prestasi, Pemegang Unit boleh menjangka pulangan yang lebih tinggi dari tanda aras prestasi. Walaupun begitu, Pemegang-pemegang Unit dinasihatkan bahawa tidak seperti satu simpanan deposit, pelaburan dalam Dana boleh membawa kepada kemungkinan kerugian.*

## **2.8 PELABURAN YANG DIBENARKAN**

Dana akan melabur terutamanya dalam pelaburan yang dibenarkan seperti yang ditetapkan dalam Surat Ikatan. Pelaburan yang dibenarkan ini terdiri daripada aset pelaburan yang diluluskan oleh panel penasihat Syariah untuk Dana iaitu seperti berikut:

- (i) perolehan pemunyaan benefisial Aset Hartanah daripada Penaja atau Anggota Gabungannya; dan/atau
- (ii) deposit Islam dalam akaun yang menghasilkan pendapatan dan sijil deposit boleh niaga Islam yang dikeluarkan oleh institusi kewangan yang diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia.

## **2.9 BATASAN PELABURAN**

No.	Pendedahan/spread pelaburan	Had
1.	Pelaburan-pelaburan dalam pemunyaan benefisial hartaanah melalui persetujuan dan pengaturan dengan Penaja atau Anggota Gabungannya	34% sehingga 100% daripada VOF
2.	Pelaburan-pelaburan dalam instrumen pasaran wang Islam yang dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar tunggal	0% sehingga 15% daripada VOF
3.	Pelaburan-pelaburan dalam instrumen pasaran wang Islam dan penempatan deposit Islam dengan mana-mana institusi kewangan tunggal	0% sehingga 20% daripada VOF
4.	Pelaburan-pelaburan dalam instrumen pasaran wang Islam yang dikeluarkan oleh mana-mana kumpulan syarikat-syarikat	0% sehingga 20% daripada VOF

## **2. MAKLUMAT TENTANG AHB (Bersambung)**

No.	Tumpuan pelaburan	Had
1.	Pelaburan-pelaburan dalam pemgunaan benefisial hartanah melalui persetujuan dan pengaturan dengan Penaja atau Anggota Gabungannya	34% hingga 100% daripada instrumen diterbitkan
2.	Pelaburan-pelaburan dalam instrumen pasaran wang Islam yang dikeluarkan oleh mana-mana pengeluar tunggal	0% sehingga 10% instrumen yang dikeluarkan

### **2.10 ASAS PENILAIAN**

Bil.	Jenis	Penilaian
1.	Pelaburan-pelaburan seperti penempatan dalam deposit-deposit Islam dengan bank atau institusi-institusi kewangan lain	Penilaian harian dilakukan merujuk kepada nilai prinsipal pelaburan-pelaburan seumpamanya dan pendapatan yang diakru mulai dari itu bagi tempoh yang relevan
2.	Pelaburan dalam pemilikan benefisial hartanah menerusi perjanjian dan pegaturan dengan Penaja atau Anggota Gabungannya	Pada harga kos
3.	Instrumen-instrumen pasaran wang Islam / sijil-sijil deposit Islam yang boleh dirunding	Penilaian adalah pada kos, yang diselaraskan untuk pelunasan premium atau pertambahan diskau atas nilai tara pada bila-bila masa pengambilalihan, tolak peruntukan untuk apa-apa pengurangan dalam nilai

### **2.11 PENILAIAN UNIT**

Unit-unit Dana diperniagakan pada harga tetap RM1.00 setiap Unit. Dana bukanlah dana modal terlindung atau dana modal terjamin.

### **2.12 PROSES KELULUSAN SYARIAH**

Portfolio pelaburan Dana terdiri daripada pelaburan yang telah diluluskan oleh panel penasihat Syariah untuk Dana.

Sila rujuk pada Seksyen 8.3 Prospektus ini untuk proses kelulusan Syariah ke atas Dana.

### **2.13 POLISI PERDAGANGAN SILANG**

Dana tidak akan mengambil bahagian dalam sebarang urus niaga perdagangan silang.

### **3. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN**

---

Sebelum anda membuat pelaburan dalam Dana, anda perlu faham bahawa terdapat fi dan caj yang dikenakan ke atas anda secara langsung dan tidak langsung. Semua caj tidak boleh dirunding.

#### **3.1 CAJ**

Jadual di bawah memberi huraian caj yang dikenakan **secara langsung** ke atas anda apabila anda membeli atau menebus balik Unit-unit Dana:

<b>Caj</b>	<b>%/RM</b>
<b>Caj Jualan</b>	: Pada masa ini, Pengurus tidak mengenakan apa-apa caj jualan apabila anda membeli Unit-unit
<b>Caj Belian Semula</b>	: Pada masa ini, Pengurus tidak mengenakan apa-apa caj belian semula apabila anda menjual Unit.

#### **3.2 FI DAN PERBELANJAAN**

Fi dan perbelanjaan tidak langsung juga akan dikenakan ke atas anda apabila melabur dalam Dana. Jadual di bawah memberi huraian ke atas fi yang boleh dikenakan secara **tidak langsung** ke atas anda apabila anda melabur dalam Dana ini:

<b>Fi</b>	<b>%/RM</b>
<b>Fi Pengurusan Tahunan</b>	: Sehingga jumlah maksima 1.00% setahun dari VOF, dikira dan diakru harian, sebagaimana yang boleh dipersetujui antara Pemegang Amanah dan Pengurus.
<b>Fi Pemegang Amanah Tahunan</b>	: Sehingga 0.08% setahun dari VOF, tertakluk pada jumlah minima sebanyak RM18,000 setahun
<b>Perbelanjaan Dana</b>	: Selain fi pengurusan dan fi pemegang amanah, terdapat perbelanjaan tahunan lain yang terlibat dalam mengendalikan Dana, termasuk saraan juruaudit dan fi dan kos profesional lain yang berkaitan, caj bank, Zakat, fi penasihat Syariah, caj dan perbelanjaan yang berkaitan dengan percetakan dan pengedaran laporan tahunan dan notis, serta perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan dan yang perlu untuk urusan Dana seperti yang dinyatakan di dalam Surat Ikatan. Perbelanjaan ini ditolak daripada pendapatan kasar Dana.

Pemegang Amanah hendaklah membayar semua yang dibelanjakan oleh Penaja berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang dilaksanakan berkaitan dengan Aset Pajakan (dikenali sebagai Jumlah Caj Perkhidmatan) di bawah Perjanjian Agensi Perkhidmatan. Jumlah Caj Perkhidmatan juga adalah sama dengan bayaran tambahan berbayar oleh Penaja kepada Pemegang Amanah (dikenali sebagai Sewa Tambahan) di bawah Perjanjian Pajak dan Perjanjian Agensi Perkhidmatan. Memandangkan nilai Jumlah Caj Perkhidmatan adalah sama dengan Sewa Tambahan, Dana tidak akan membelanjakan apa-apa perbelanjaan tambahan berkenaan dengan Jumlah Caj Perkhidmatan.

Keterangan lanjut mengenai bayaran Jumlah Caj Perkhidmatan dan Sewa Tambahan diberikan dengan terperinci di Seksyen 10.2 Prospektus ini.

### **3. FI, CAJ DAN PERBELANJAAN (Bersambung)**

---

**Semua fi, caj - caj dan perbelanjaan yang dinyatakan adalah tidak termasuk mana-mana cukai atau duti yang mungkin dikenakan oleh kerajaan atau pihak berkuasa yang berkaitan dari semasa ke semasa. Pemegang Unit dan/atau Dana (yang mana berkenaan) bertanggungjawab untuk membayar jumlah cukai yang telah ditetapkan selain daripada fi, caj - caj dan perbelanjaan yang dinyatakan disini.**

#### **3.3 PENCUKAIAN DAN ZAKAT**

Pencukaian pendapatan untuk kedua-dua Dana dan Pemegang Unit adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967.

Oleh kerana Zakat adalah perbelanjaan Dana yang dibenarkan, Dana membayar Zakat bagi pihak Pemegang Unit. Oleh itu, agihan pendapatan yang diterima oleh Pemegang Unit adalah bersih selepas Zakat.

Sila rujuk surat Penasihat Cukai dalam Seksyen 13 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai pencukaian Dana dan Pemegang Unit.

#### **3.4 POLISI MENGENAI REBAT DAN KOMISEN RINGAN**

Pengurus, Pemegang Amanah atau wakil Pemegang Amanah hendaklah tidak menyimpan apa-apa rebat dari, atau berkongsi apa-apa komisen dengan, mana-mana broker atau wakil jual dalam pertimbangan untuk urusan terus dalam pelaburan-pelaburan Dana. Selaras dengan itu juga, mana-mana rebat atau komisen bersama harus dimasukkan terus ke dalam akaun Dana yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, komisen ringan yang diberi oleh mana-mana broker atau wakil jual boleh disimpan oleh kami sekiranya:

- (i) komisen ringan tersebut membawa manfaat atau kelebihan secara langsung kepada pengurusan Dana dan mungkin termasuk kaji-selidik dan khidmat nasihat yang berkaitan;
- (ii) sebarang urusan dengan broker atau wakil jual dilaksanakan mengikut terma yang paling menggalakkan bagi Dana; dan
- (iii) kebolehdapatan komisen ringan bukanlah satu-satunya atau tujuan utama untuk melakukan atau mengaturkan urus niaga dengan broker atau wakil jual berkenaan, dan kami tidak akan memasuki urus niaga yang tidak perlu demi untuk mencapai jumlah urus niaga yang mencukupi untuk memenuhi syarat komisen ringan.

**Terdapat fi dan caj-caj yang terlibat dan para pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkannya sebelum melabur dalam Dana tersebut.**

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **4. MAKLUMAT URUS NIAGA**

---

### **4.1 PENETAPAN HARGA**

Unit Dana diurusniagakan pada harga tetap RM1.00 setiap Unit. Oleh itu, Dana tidak akan dinilai pada setiap Hari Perniagaan.

#### **4.1.1 Penetapan Harga dan Caj**

Pembelian dan penjualan Unit-unit Dana adalah pada kadar tetap sebanyak RM1.00. Bagaimanapun, Dana **BUKAN**:

- (i) dana modal terjamin yang menjamin para pelabur akan mendapat balik modal yang dilaburkan, dengan pulangan, atau menjamin para pelabur pulangan pelaburan tertentu yang berbayar pada tarikh yang ditetapkan di masa hadapan; atau
- (ii) dana modal terlindung dengan matlamat utamanya adalah untuk melindungi dan memberi pulangan pada modal para pelabur pada masa yang ditetapkan di masa depan, dengan beberapa pulangan,

sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Garis Panduan.

#### **4.1.2 Polisi letak harga tunggal**

Perletakkan harga tunggal sama dengan jualan-jualan dan pembelian-pembelian balik yang harganya disebut dan diurusniagakan atas satu harga tunggal. Memandangkan Dana adalah Dana harga-tetap, polisi letak harga tunggal ini tidak diguna pakai bagi Dana tersebut.

## **4.2 BUTIRAN URUS NIAGA**

### **4.2.1 Gambaran mengenai Pembelian Unit dan Pembelian Balik Unit**

#### **(i) Pembelian Unit**

- a) Pembelian Unit-unit boleh dibuat di mana-mana pengedar yang diluluskan atau di pejabat Pengurus (untuk Pemegang-pemegang Unit institusi sahaja atau mana-mana pelabur sepertimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa) dengan melengkapkan "Borang Pendaftaran / Borang Transaksi" atau borang yang setaraf dengannya. Pembelian Unit-unit juga boleh dibuat melalui mana-mana platform bank atas talian pengedar yang diluluskan sepertimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa;
- b) Pelaburan Permulaan Minima adalah perlu semasa pendaftaran;
- c) Anda perlu bayar untuk pembelian serta merta; dan
- d) Bagi pembelian Unit-unit seterusnya, Pelaburan Minima Tambahan diperlukan.

#### **Gambaran 1**

Harga Unit ditetapkan pada RM1.00 setiap Unit. Tidak ada caj jualan dibayar untuk pembelian Unit-unit.

Jika anda menyerahkan permohonan untuk melabur RM10,000 ke dalam Dana:

Harga setiap Unit	:	RM1.00
Caj jualan	:	Tiada
Jumlah dilaburkan	:	RM10,000
(a) Unit diperlukan	=	Jumlah Pelaburan / Harga Setiap Unit
	=	RM10,000/RM1.00
	=	<b>10,000 unit-unit</b>

#### **4. MAKLUMAT URUS NIAGA (Bersambung)**

---

$$\begin{aligned}(b) \text{ Jumlah keseluruhan} &= \text{Jumlah Pelaburan} \\ &= 10,000 \text{ Unit-unit} \times \text{RM}1.00 \\ &= \textbf{RM}10,000\end{aligned}$$

##### **(ii) Pembelian Balik Unit**

- (a) Pembelian balik Unit-unit boleh dibuat dengan melengkapkan dan menyerahkan “Borang Transaksi atau borang yang setaraf dengannya kepada pengedar yang diluluskan atau ke pejabat Pengurus (untuk Pemegang-pemegang Unit institusi sahaja atau mana-mana pelabur sepetimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa). Pembelian balik Unit-unit juga boleh dibuat melalui platform bank atas talian pengedar yang diluluskan sepetimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa;
- (b) Kekerapan Pembelian Balik Unit-unit yang dibenarkan ialah sekali sebulan; dan

*Nota:*

*Sila rujuk kepada Seksyen 10.4 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai keperluan yang terpakai kepada Pemegang-pemegang Unit Institusi.*

- (c) Pemegang-pemegang Unit hendaklah mematuhi Pembelian Balik Unit Minima dan Peruntukan Baki Minima.

#### **Gambaran 2**

Harga Unit ditetapkan pada RM1.00 setiap Unit. Tidak ada caj pembelian balik dikenakan semasa pembelian balik.

Jika anda menyerahkan permohonan untuk menjual RM10,000 dari pelaburan anda dalam Dana.

Harga setiap Unit Caj Belian Balik	: RM1.00 : Tiada
(a) Unit telah dijual	= Hasil dari Pembelian balik Unit / Harga setiap Unit = RM10,000/RM1.00 = <b>10,000 Unit-unit</b>

(b) Hasil bersih belian balik	= Pembelian balik Unit-unit x Harga Setiap Unit = 10,000 Unit-unit X RM1.00 = <b>RM10,000</b>
-------------------------------	---

<b>Pelaburan Minimum</b>	<b>Permulaan</b> : (i) Individu – 100 Unit*; dan (ii) Institusi Bumiputera – 250,000 Unit <small>(Nota 1)</small>
--------------------------	---

*Nota\*: atau suatu jumlah yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Pengurus dan disyorkan oleh Penaja dari masa ke semasa.*

<b>Pelaburan Maksima</b>	: (i) Individu – 1,000,000 Unit; dan (ii) Institusi Bumiputera – Sehingga 50% daripada saiz Dana <small>(Nota 1)</small>
--------------------------	---

#### **4. MAKLUMAT URUS NIAGA (Bersambung)**

---

**Nota:**

(1) Tertakluk kepada kebolehdapatan Unit.

Pengurus mempunyai budi bicara untuk mengubah had pelaburan oleh mana-mana individu dan/atau Institusi Bumiputera.

<b>Pelaburan Minimum</b>	<b>Tambahan</b>	: (i) Individu - 50 Unit*; dan (ii) Institusi Bumiputera – akan ditentukan oleh Pengurus dan Penaja
		<i>Nota*: atau suatu jumlah yang lebih rendah seperti yang ditentukan oleh Pengurus dan disyorkan oleh Penaja dari masa ke semasa.</i>
<b>Peruntukan Baki Minima</b>		: Pemegang-pemegang Unit perlu mengekalkan baki minima sebanyak 100 Unit. Sekiranya terjadi permintaan untuk pembelian balik yang akan menyebabkan Pemegang Unit memegang kurang dari 100 Unit, Pengurus berhak untuk membeli balik baki Unit-unit tersebut dan menutup akaun Pemegang Unit.
<b>Pembelian Balik Unit/ Penjualan Unit Minima</b>		: (i) Individu - 100 Unit; dan (ii) Institusi Bumiputera – Akan ditentukan oleh Pengurus dan Penaja
<b>Kekerapan Pembelian Balik Unit</b>		: Sekali dalam sebulan kalendar. Sila rujuk kepada Seksyen 2.3.6 (ii) Prospektus ini untuk keterangan lanjut mengenai kekerapan Pembelian Balik Unit dan Seksyen 10.4 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai keperluan yang terpakai kepada Pemegang-pemegang Unit Institusi.
<b>Bayaran untuk Unit Dibeli Balik</b>		: (i) Individu – Di bawah Garis Panduan, bayaran untuk Pembelian Balik Unit akan dibuat dalam tempoh 7 Hari Perniagaan selepas menerima permintaan untuk pembelian semula tetapi Pengurus akan berusaha untuk membayar dengan serta-merta; dan  (ii) Institusi Bumiputera – Bayaran dalam tempoh 7 Hari Perniagaan selepas menerima permintaan untuk pembelian semula.
<b>Tukar Alih</b>		: Tukar alih tidak dibenarkan bagi Dana.

##### **4.2.2 Hak Masa Bertenang**

Hak masa bertenang tidak boleh diguna pakai bagi Dana kerana harga Unit ditetapkan pada RM1.00.

#### **4. MAKLUMAT URUS NIAGA (Bersambung)**

---

##### **4.2.3 Dimana Unit-unit boleh dibeli dan ditebus**

Anda boleh beli dan tebus Unit-Unit Dana di semua pengedar yang diluluskan di seluruh Malaysia atau di pejabat Pengurus (untuk Pemegang-pemegang Unit institusi sahaja atau mana-mana pelabur sepetimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa). Anda juga boleh membeli dan menebus Unit-unit Dana melalui platform bank atas talian pengedar yang diluluskan sepetimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa. Sila rujuk Bab 17 untuk direktori Pengurus. Pengesahan pelaburan anda adalah menerusi salinan Borang Pendaftaran atau borang permohonan yang setaraf dengannya yang siap dan disahkan semasa anda membuat pembelian unit di pengedar yang diluluskan. Jika anda ingin untuk menebus unit, anda dikehendaki melengkapkan dan mengembalikan "Borang Transaksi" atau borang yang setaraf dengannya kepada pengedar yang diluluskan atau ke pejabat Pengurus (untuk Pemegang-pemegang Unit institusi sahaja atau mana-mana pelabur sepetimana yang ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa). Satu penyata akan dikeluarkan setiap enam bulan menunjukkan penyata baki anda di AHB.

Anda akan diiktirafkan sebagai Pemegang Unit Dana sebaik sahaja kami terima "Borang Pendaftaran" atau borang permohonan yang setaraf dengannya dan bayaran (jika dalam bentuk cek, apabila cek dijelaskan).

##### **4.2.4 Pemindahan Alih Unit-unit**

Pindah alih pemilikan Unit-unit tidak dibenarkan, kecuali atas keadaan-keadaan berikut:

- (i) pindah alih dari dan kepada Penaja; atau
- (ii) pindah alih kepada pemegang amanah, pentadbir atau pelaksana hartanah Pemegang Unit yang meninggal dunia yang berhak untuk didaftarkan sebagai Pemegang Unit menurut Seksyen 313 CMSA; atau
- (iii) pindah alih kepada dan daripada institusi-institusi kewangan yang memberi pembiayaan kepada Pemegang Unit untuk membeli Unit-unit.

**Para pelabur dinasihatkan supaya tidak membuat bayaran secara tunai kepada mana-mana ejen individu apabila membeli Unit-unit Dana.**

#### **4.3 BAYARAN AGIHAN**

<b>Jenis Pulangan</b>	Pengagihan pendapatan.
<b>Dasar agihan</b>	Agihan boleh dibuat daripada pendapatan Dana, atas pilihan Pengurus selepas berunding dengan Penaja setiap setengah tahun atau pada masa lain yang tertentu seperti yang ditentukan oleh Pengurus mengikut budi bicara penuhnya, tertakluk kepada kelulusan daripada Pemegang Amanah. Hanya Pemegang Unit yang nama mereka tersenarai di dalam daftar Pemegang Unit pada Tarikh Kelayakan layak untuk agihan.

Agihan adalah berdasarkan jumlah purata baki bulanan minimum Unit yang dipegang dalam tempoh agihan<sup>(Nota 1)</sup>. Untuk tujuan ilustrasi, jadual-jadual di bawah menunjukkan jumlah purata baki bulanan minimum Unit yang dipegang oleh Pemegang Unit sebelum tarikh agihan:

**Nota:**

<sup>(1)</sup> *Baki bulanan minima bermaksud pemegangan minima Unit dalam bulan kalender dari hari pertama hingga hari terakhir bulan itu dan merupakan baki harian*

#### 4. MAKLUMAT URUS NIAGA (Bersambung)

terendah untuk bulan tersebut selepas mengambil kira sebarang Unit tambahan yang diperolehi atau Unit yang ditebus untuk hari tersebut.

*Andaian-andaian:*

- (1) Tempoh agihan adalah 6 bulan dari 1 April hingga 30 September (iaitu, 183 hari)
- (2) Dalam RM melainkan dinyatakan sebaliknya.

Senario 1: Pelabur kekal melabur dan pernah membeli dan menebus Unit sepanjang tempoh agihan

	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September
Baki Pembukaan	1000	1700	2200	1700	4000	5000
Tarikh Pelaburan	8 April	12 Mei	-	5 Julai	22 Ogos	-
Amaun Pelaburan	1500	500	-	2300	1500	-
Tarikh Pembelian Semula	15 April	-	8 Jun	-	5 Ogos	-
Amaun Pembelian Semula	-800	-	-500	-	-500	-
Baki Penutup	1700	2200	1700	4000	5000	-
Baki Bulanan Minima	1000	1700	1700	1700	3500	5000

Purata baki bulanan minima sepanjang tempoh agihan

$$\begin{aligned}
 &= (1,000*30/183) + (1,700*31/183) + (1,700*30/183) + (1,700*31/183) + \\
 &\quad (3,500*31/183) + (5,000*30/183) \\
 &= 2,431.15
 \end{aligned}$$

Senario 2: Pelabur membuat pengeluaran penuh satu kali pada bulan tertentu dan kemudiannya membeli Unit pada bulan berikutnya dalam tempoh agihan yang sama

	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September
Baki Pembukaan	1000	1700	2200	0	2000	3000
Tarikh Pelaburan	8 April	12 Mei	-	5 Julai	22 Ogos	-
Amaun Pelaburan	1500	500	-	2000	1500	-
Tarikh Pembelian Semula	15 April	-	8 Jun	-	5 Ogos	-
Amaun Pembelian Semula	-800	-	-2200	-	-500	-
Baki Penutup	1700	2200	-	2000	3000	3000
Baki Bulanan Minima	1000	1700	0	0	1500	3000

Purata baki bulanan minima sepanjang tempoh agihan

$$\begin{aligned}
 &= (1,000*30/183) + (1,700*31/183) + (0*30/183) + (0*31/183) + (1,500*31/183) + \\
 &\quad (3,000*30/183) \\
 &= 1,197.81
 \end{aligned}$$

#### 4. MAKLUMAT URUS NIAGA (*Bersambung*)

Senario 3: Pelabur baru yang melabur pada 1 Julai (hari pertama bulan tersebut)

	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September
Baki Pembukaan	-	-	-	-	1000	1000
Tarikh Pelaburan	-	-	-	1 Julai	-	-
Amaun Pelaburan	-	-	-	1000	-	-
Tarikh Pembelian Semula	-	-	-	-	-	-
Amaun Pembelian Semula	-	-	-	-	-	-
Baki Penutup	-	-	-	1000	1000	1000
Baki Bulanan Minima	0	0	0	1000	1000	1000

Purata baki bulanan minima sepanjang tempoh agihan

$$= (0*30/183) + (0*31/183) + (0*30/183) + (1,000*31/183) + (1,000*31/183) + (1,000*30/183)$$

$$= 502.73$$

Senario 4: Pelabur yang telah menebus sepenuh Unitnya sebelum tempoh agihan dan kemudiannya membeli Unit dalam tempoh agihan

	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September
Baki Pembukaan	-	-	-	-	1000	1000
Tarikh Pelaburan	-	-	-	6 Julai	-	-
Amaun Pelaburan	-	-	-	1000	-	-
Tarikh Pembelian Semula	-	-	-	-	-	-
Amaun Pembelian Semula	-	-	-	-	-	-
Baki Penutup	-	-	-	1000	1000	1000
Baki Bulanan Minima	0	0	0	0	1000	1000

Purata baki bulanan minima sepanjang tempoh agihan

$$= (0*30/183) + (0*31/183) + (0*30/183) + (0*31/183) + (1,000*31/183) + (1,000*30/183)$$

$$= 333$$

Senario 5: Pelabur yang menebus sepenuh Unitnya dalam tempoh agihan

	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	September
Baki Pembukaan	1000	1000	-	-	-	-
Tarikh Pelaburan	-	-	-	-	-	-
Amaun Pelaburan	-	-	-	-	-	-

**4. MAKLUMAT URUS NIAGA (Bersambung)**

Tarikh Pembelian Semula	-	5 Mei	-	-	-	-
Amaun Pembelian Semula	-	-1000	-	-	-	-
Baki Penutup	1000	-	-	-	-	-
Baki Bulanan Minima	1000	0	0	0	0	0

Purata baki bulanan minima sepanjang tempoh agihan

$$= (1,000 * 30 / 183) + (0 * 31 / 183) + (0 * 30 / 183) + (0 * 31 / 183) + (0 * 31 / 183) + (0 * 30 / 183)$$

= 0 (Pelabur tidak berhak kepada agihan disebabkan baki sifar setakat Tarikh Kelayakan)

**Mod agihan** Sebarang pengagihan yang diisyiharkan menurut budi bicara Pengurus boleh dalam bentuk tunai dan/atau Unit-unit.

Sekiranya pengagihan adalah dalam bentuk tunai, pengagihan tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun bank anda secara automatik. Anda dikehendaki untuk membuka satu akaun bank atau memberikan satu nombor akaun bank dalam borang permohonan apabila anda melabur buat kali pertama dalam Dana. Walau bagaimanapun, sekiranya nombor akaun bank Pemegang Unit tidak dapat dikenal pasti atas apa jua sebab sekalipun dan amaun agihan adalah RM250.00 atau kurang, Unit akan diterbit dan dikreditkan ke dalam akaun AHB Pemegang Unit.

Bagi sebarang pengagihan dalam bentuk Unit, Unit tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun AHB Pemegang Unit. Sekiranya nilai pengagihan adalah 0.005 setiap satu Unit dan ke atas, hak Pemegang Unit akan dibundarkan ke atas 2 tempat perpuluhan terdekat, dan jika nilainya di bawah 0.005 setiap satu Unit, hak Pemegang Unit akan dibundarkan ke bawah 2 tempat perpuluhan terdekat.

**Wang yang tidak dituntut** Semua bayaran tertunggak akan difailkan dengan Pendaftar Wang Tidak Dituntut selepas 12 bulan dari tarikh pembayaran, di bawah peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut, 1965 (Semak Semula 2002), yang mana selepas itu mana-mana tuntutan susulan mesti dibuat terus kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

**Para pelabur dinasihatkan supaya tidak membuat bayaran secara tunai kepada mana-mana ejen individu apabila membeli Unit-unit Dana.**

**Pengagihan yang dibayar mungkin turun dan juga naik.**

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **5. PENGURUS**

---

### **5.1 MAKLUMAT LATAR BELAKANG**

Pengurus merupakan anak syarikat milik penuh PHB dan telah kekal dorman sejak penubuhannya pada 2011 sehingga ia diaktifkan semula pada November 2023 untuk merealisasikan idea untuk mengurus Dana dalam kumpulan syarikat PHB. Permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (“CMSL”) Pengurus untuk aktiviti-aktiviti terselia pengurusan dana berhubung pengurusan portfolio dan berurusan dalam sekuriti terhad kepada urusan produk-produk unit amanah telah diluluskan oleh SC pada 22 April 2024.

PHBAM kini diurus oleh pasukan pengurusan utama dengan purata 27 tahun pengalaman di pasaran modal dan institusi kewangan, khusus dalam pengurusan dana and aktiviti-aktiviti pengurusan unit amanah.

### **5.2 FUNGSI, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENGURUS**

Pengurus adalah tertakluk kepada peruntukan Surat Ikatan dan hendaklah menjalankan segala kegiatan yang dianggap perlu bagi pengurusan Dana dan perniagaannya. Pengurus hendaklah, dalam menguruskan Dana, menjalankan aktiviti pengurusan utama berhubung dengan Dana, termasuk tetapi tidak terhad kepada strategi keseluruhan, perolehan baru dan analisis pelupusan, pemasaran dan komunikasi, prestasi asset individu dan perancangan perniagaan, analisis prestasi pasaran dan aktiviti-aktiviti lain dibawah Surat Ikatan.

Di samping itu, Pengurus telah berjanji kepada Pemegang Amanah untuk, antara lain, melakukan perkara yang berikut:

- (i) menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya dengan cara yang betul dan rajin dan menguruskan Dana dalam cara yang betul, rajin dan efisien selaras dengan Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti, garis panduan yang relevan dan undang-undang berkaitan yang lain pada setiap masa;
- (ii) menguruskan aset-aset dan liabiliti-liabiliti Dana untuk manfaat Pemegang Unit;
- (iii) menetapkan polisi-polisi pelaburan Dana dan mengemukakan cadangan kepada Pemegang Amanah mengenai pengambilalihan, kepelbagaian atau peningkatan aset Dana;
- (iv) mengeluarkan laporan tahunan dan laporan setengah tahunan mengenai Dana kepada Pemegang Unit dalam tempoh dua (2) bulan FYE Dana dan pengakhiran tempoh masing-masing yang ia meliputi;
- (v) memastikan Dana diuruskan dalam lingkungan Surat Ikatan, CMSA, undang-undang sekuriti yang lain, Garis Panduan dan undang-undang lain yang relevan;
- (vi) mengekalkan piawai integriti yang tinggi dan berlaku adil dalam menguruskan Dana untuk kepentingan terbaik dan eksklusif Pemegang Unit;
- (vii) bertindak dengan teliti, berkemahiran dan ketekunan dalam menguruskan Dana, dan menggunakan secara efektif semua sumber dan prosedur yang diperlukan untuk prestasi unggul Dana;
- (viii) memastikan bahawa Surat Ikatan dan Prospektus adalah pada setiap masa mematuhi CMSA, undang-undang sekuriti, garis panduan yang berkaitan dan undang-undang lain yang terpakai pada setiap masa;
- (ix) mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan pelaburan dan aset-aset lain Dana itu dilindungi secukupnya dan diasingkan dengan betul; dan
- (x) melainkan jika dinyatakan selainnya secara bertulis oleh SC, memastikan bahawa Dana mempunyai pemegang amanah yang dilantik pada setiap masa.

## **5. PENGURUS (*Bersambung*)**

---

### **5.3 LEMBAGA PENGARAH PENGURUS**

Pengurus mempunyai Lembaga yang berpengalaman dengan latar belakang dalam industri kewangan. Perniagaan dan hal ehwal Pengurus hendaklah diluruskan di bawah arahan dan pengawasan Lembaga. Mesyuarat Lembaga diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau lebih kerap jika keadaan memerlukan.

Senarai Lembaga Pengurus boleh didapati di laman web Pengurus, [www.phbam.com.my](http://www.phbam.com.my).

### **5.4 FUNGSI PENGURUSAN DANA**

Pengurus dana yang bertanggungjawab terhadap fungsi pengurusan dana bagi Dana adalah En. Zulkifli Ishak. Beliau merupakan pengarah berlesen Pengurus dan profil beliau boleh didapati di laman web kami di <https://www.phbam.com.my>.

### **5.5 LITIGASI PENTING DAN TIMBANG TARA PENGURUS**

Setakat LPD, tidak ada tindakan undang-undang yang penting atau timbang tara, termasuk ancaman litigasi atau litigasi yang belum selesai, dan tidak ada fakta-fakta yang mungkin menimbulkan apa-apa prosiding yang mungkin memberi kesan secara besar kepada kedudukan perniagaan dan kewangan Pengurus.

**Maklumat lanjut mengenai Pengurus dan panel penasihat Syariah disediakan dalam laman web Pengurus.**

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **6. PENAJA**

---

### **6.1 MAKLUMAT LATAR BELAKANG**

Setakat LPD, PHB adalah anak syarikat milik penuh YAHB, diperbadankan di Malaysia pada 8 Mei 2006 di bawah Akta.

PHB sebagai cabang operasi YAHB telah ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan pemilikan dan penyertaan Bumiputera dalam harta tanah komersial. Pada tahun 2010, AHB telah dilancarkan dengan saiz dana permulaan sebanyak 1 bilion Unit sebagai usaha untuk membolehkan penyertaan pemilikan harta tanah komersial oleh orang awam Bumiputera. Kini, AHB mempunyai saiz dana sebanyak 5 bilion Unit.

### **6.2 LEMBAGA PENGARAH**

Sila rujuk <https://www.phb.com.my/bod> untuk maklumat berkaitan dengan lembaga pengarah Penaja.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **7. PEMEGANG AMANAH**

---

### **7.1 PROFIL KORPORAT**

ART diperbadankan di bawah undang-undang Malaysia dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949. ART adalah anak syarikat Amanah Raya Berhad (ARB) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia. ART mengambil alih fungsi peramanahan korporat ARB dan memperoleh lebih daripada 50 tahun pengalaman ARB dalam urusan pemegang amanah. ART telah didaftarkan dan diluluskan oleh SC untuk bertindak sebagai pemegang amanah bagi dana unit amanah.

### **7.2 PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH**

Tugas-tugas dan tanggungjawab Pemegang Amanah telah ditetapkan dalam Surat Ikatan. Tugas-tugas dan tanggungjawab am Pemegang Amanah termasuk, tetapi tidak terhad, kepada berikut:

- (i) selaku Pemegang Amanah Dana dan makanya, melindungi hak dan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (ii) melaksanakan ketekunan wajar dan kewaspadaan dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawabnya kepada Pemegang-pemegang Unit;
- (iii) menjaga dan mengawal semua aset-aset Dana dan memegang amanahnya bagi pihak Pemegang-pemegang Unit selaras dengan peruntukan-peruntukan Surat Ikatan dan undang-undang yang relevan;
- (iv) memastikan Pengurus tidak menggunakan kedudukan Pengurus dalam menguruskan Dana dengan tidak wajar untuk keuntungan, secara langsung atau tidak langsung, dari kesempatan untuk dirinya atau bagi pihak orang lain atau mengakibatkan kepentingan Pemegang-pemegang Unit terjejas;
- (v) memastikan ia diberitahu sepenuhnya mengenai polisi-polisi pelaburan Dana yang ditetapkan oleh Pengurus, dan mana-mana pindaan yang dibuat selepas itu;
- (vi) memberitahu SC dengan segera mengenai mana-mana penyimpangan yang luar dari kebiasaan, pelanggaran peruntukan-peruntukan CMSA, Surat Ikatan, Garis Panduan atau undang-undang sekuriti dan mana-mana hal yang Pemegang Amanah anggap bukan untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (vii) memastikan bahawa sistem, prosedur-prosedur dan proses-proses yang digunakan oleh Pengurus untuk menilai dan/atau meletak harga Dana atau Unit-unit Dana adalah mencukupi, dan penilaian/perletakkan harga seumpamanya dijalankan mengikut CMSA, Surat Ikatan, Garis Panduan dan undang-undang sekuriti;
- (viii) memastikan penjualan, pembelian balik, pewujudan dan pembatalan Unit-unit Dana adalah dijalankan selaras dengan CMSA, Surat Ikatan, Garis Panduan dan undang-undang sekuriti;
- (ix) menyerah atau menyediakan mana-mana penyata, dokumen, buku-buku, rekod dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan Dana dan perniagaan-perniagaan Pemegang Amanah atau pulangan berkala seumpamanya, sebagaimana yang boleh diminta oleh SC dari masa ke semasa;
- (x) mengambil semua langkah-langkah untuk menetapkan mana-mana arahan yang diberi dengan betul oleh Pengurus mengenai pengambilalihan atau pelupusan, atau melaksanakan hak-hak yang disertakan kepada aset-aset Dana; dan
- (xi) mengekalkan dan memastikan bahawa Pengurus mengekalkan rekod perakaunan dan lain-lain rekod sebagaimana yang perlu untuk membolehkan pembentukan satu paparan Dana yang lengkap dan tepat.

## **7. PEMEGANG AMANAH (*Bersambung*)**

---

### **7.3 LITIGASI PENTING DAN TIMBANG TARA**

Setakat LPD, Pemegang Amanah tidak terlibat dalam mana-mana litigasi penting atau timbang tara samada sebagai plaintiff atau defendant, dan Pemegang Amanah tidak menyedari adanya mana-mana prosiding, belum selesai atau mengancam atau mana-mana fakta yang boleh membawa kepada mana-mana prosiding yang mungkin penting dan boleh menjelaskan perniagaan dan kedudukan kewangan Pemegang Amanah.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **8. PENASIHAT SYARIAH**

---

### **8.1 PANEL PENASIHAT SYARIAH**

Pengurus telah melantik panel penasihat Syariah untuk memberi nasihat mengenai segala hal-hal Syariah dan untuk memastikan pematuhan Garis Panduan sepenuhnya. Sila rujuk [www.phbam.com.my](http://www.phbam.com.my) untuk maklumat lanjut berkaitan dengan panel penasihat Syariah Dana dan pengalaman mereka yang berkaitan.

### **8.2 PERANAN, TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PANEL PENASIHAT SYARIAH**

Peranan panel penasihat Syariah adalah memastikan operasi dan pelaburan Dana mematuhi keperluan Syariah. Panel penasihat Syariah akan memberi khidmat nasihat Syariah yang berikut:

- (i) Memberi nasihat atas segala aspek perniagaan unit amanah dan pengurusan dana mengikut lunas-lunas Syariah;
- (ii) Memberi kepakaran dan bimbingan kepada Dana dalam segala hal-hal yang berkaitan dengan kehendak Syariah, termasuk mengenai Surat Ikatan Dana dan Prospektus, Dokumen Urus niaga, strukturnya dan proses pelaburan, dan juga lain-lain hal operasi dan pentadbiran;
- (iii) Memastikan Dana diurus dan beroperasi selaras dengan lunas-lunas Syariah, peraturan-peraturan dan/atau standard SC yang relevan, termasuk resolusi-resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah SC;
- (iv) Menyediakan laporan untuk dimasukkan ke dalam laporan setengah tahunan dan laporan tahunan Dana untuk mengesahkan samada Dana telah diuruskan mengikut prinsip Syariah bagi tempoh kewangan yang berkenaan;
- (v) Menyemak laporan pematuhan, laporan urus niaga pelaburan dan lain-lain laporan Dana yang dianggap perlu bagi tujuan untuk memastikan pelaburan Dana adalah selaras dengan keperluan Syariah;
- (vi) Merunding dengan SC di mana terdapat apa-apa kekabur atau ketidakpastian sesuatu pelaburan, instrumen, sistem, prosedur dan/atau proses; dan
- (vii) Membantu dan menghadiri mana-mana mesyuarat tidak terancang (*ad hoc*) yang dipanggil oleh SC dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang relevan.

**Penasihat-penasihat Syariah hendaklah bermesyuarat dengan Pengurus setiap suku tahun atau lebih kerap jika perlu, untuk menyemak dan menasihat mengenai pematuhan Dana dengan prinsip-prinsip Syariah.**

### **8.3 PROSES KELULUSAN SYARIAH**

Proses kelulusan Syariah akan digunakan sebagai garis panduan umum untuk memastikan operasi dan urusan Dana dijalankan dengan mematuhi prinsip Syariah seperti yang ditentukan oleh panel penasihat Syariah untuk Dana. Proses kelulusan Syariah terdiri daripada metodologi, peraturan dan proses penapisan. Secara umum, garis panduan kelulusan Syariah ini akan menggunakan beberapa kriteria dalam menentukan pematuhan Dana terhadap prinsip Syariah. Kriteria ini adalah seperti yang berikut:

#### **(i) Menilai aktiviti perniagaan penyewa**

- (a) Penilaian patuh Syariah akan dijalankan oleh penasihat Syariah untuk menilai mana-mana bakal penerima pajak dan penerima pajak yang sedia ada, penerima pajak kecil, penyewa, di mana penyewanya dikehendaki hanya mengendalikan aktiviti yang dibenarkan mengikut Syariah. Walau bagaimanapun, sekiranya penyewa didapati mengendalikan aktiviti yang tidak dibenarkan, penilaian pematuhan Syariah tambahan akan dibuat untuk menentukan pematuhaninya terhadap Syariah seperti yang ditentukan oleh penasihat Syariah.

## **8. PENASIHAT SYARIAH (*Bersambung*)**

---

(b) Senarai aktiviti yang tidak dibenarkan, seperti yang dinasihatkan oleh penasihat Syariah, adalah seperti yang berikut:

- Perkhidmatan kewangan yang berdasarkan riba (bunga);
- Perjudian/judi;
- Pembuatan atau penjualan produk tidak halal atau produk yang berkaitan;
- Makanan dan minuman tidak halal;
- Insuran konvensional;
- Aktiviti hiburan yang tidak dibenarkan mengikut Syariah;
- Pembuatan atau penjualan produk berasaskan tembakau atau produk yang berkaitan;
- Broker saham atau perdagangan saham dalam sekuriti tidak patuh Syariah; dan
- Hotel dan tempat peranginan.

Selain aktiviti yang tersenarai di atas, penasihat Syariah akan menggunakan ijтиhad untuk aktiviti lain yang boleh dianggap sebagai tidak dibenarkan untuk dimasukkan ke dalam senarai aktiviti yang tidak dibenarkan.

(c) Bagi pengantian Aset Pajakan (atau memperoleh Aset Hartanah), Dana dibenarkan menerima penggantian (atau perolehan) Aset Hartanah hanya jika penyewa Aset Hartanah menjalankan aktiviti yang dibenarkan. Bagi Aset Hartanah yang digantikan (diperoleh), yang penyewanya menjalankan aktiviti bercampur iaitu dibenarkan dengan tidak dibenarkan, menurut Syariah, Dana dibenarkan untuk menerima penggantian (perolehan) tersebut, dengan syarat jumlah sewa daripada aktiviti tidak dibenarkan daripada Aset Hartanah itu kurang daripada 20% daripada jumlah pusing ganti Dana (tahun kewangan terkini). Sekiranya peratusan itu adalah atau melebihi 20%, penasihat Syariah akan menasihati Pengurus supaya tidak menerima penggantian (perolehan) tersebut.

(d) Dana tidak dibenarkan dalam apa-apa keadaan untuk menerima penggantian (atau perolehan) Aset Hartanah yang di dalamnya semua penyewa menjalankan aktiviti tidak dibenarkan, walaupun jika peratusan sewa daripada bangunan itu berbanding jumlah pendapatan Dana masih di bawah 20%.

(e) Sekiranya penyewa didapati menjalankan aktiviti bercampur (aktiviti tidak dibenarkan dan dibenarkan), kaedah untuk mengira bahagian sewa adalah seperti berikut:

- pengiraan sewa ke atas aktiviti tidak dibenarkan daripada penyewa yang menjalankan aktiviti bercampur boleh dibuat berdasarkan nisbah kawasan yang digunakan untuk aktiviti tidak dibenarkan berbanding jumlah kawasan yang diduduki. Peratusan itu akan digunakan sebagai asas untuk menentukan nisbah sewa aktiviti tidak dibenarkan berbanding jumlah sewa yang dibayar oleh penyewa; dan
- untuk aktiviti yang tidak melibatkan penggunaan ruang, seperti aktiviti berdasarkan perkhidmatan, kaedah pengiraan akan berdasarkan ijтиhad penasihat Syariah.

(f) Peratusan jumlah sewa daripada aktiviti yang tidak dibenarkan di atas akan dikurangkan daripada tidak melebihi 20% kepada tidak melebihi 5% menjelang akhir tahun kewangan 2029. Selepas pengakhiran tahun kewangan 2029, peratusan jumlah sewa daripada aktiviti yang tidak dibenarkan mestilah tidak melebihi 5%. Sebarang jumlah melebihinya akan disalurkan kepada baitumal atau pertubuhan-pertubuhan kebaikan seperti yang dinasihatkan oleh panel penasihat Syariah dalam tempoh 1 tahun dari pengakhiran setiap tahun kewangan untuk seberapa lama yang mana jumlah sewa daripada aktiviti yang tidak dibenarkan tidak dikurangkan kepada tidak melebihi 5%.

## **8. PENASIHAT SYARIAH (Bersambung)**

---

### **(ii) Pelaburan, deposit dan pembiayaan**

Dana hendaklah memastikan semua bentuk pelaburan, deposit dan instrumen pembiayaan mematuhi prinsip Syariah.

### **(iii) Takaful**

Skim insuran yang digunakan untuk menginsurangkan Aset Hartanah hendaklah sentiasa skim Takaful atas asas usaha terbaik. Sekiranya Penaja gagal mendapatkan Takaful atau pada pendapatnya dan bertindak secara ikhlas, Takaful tidak dapat diperlakukan, Penaja boleh, tertakluk kepada kelulusan daripada panel penasihat Syariah, mendapatkan perlindungan insuran konvensional.

### **Proses Penyucian untuk Dana**

#### **(i) Pelaburan-pelaburan yang tidak mematuhi Syariah**

Ini merujuk kepada pelaburan yang tidak mematuhi Syariah yang dibuat oleh Pengurus. Pelaburan tersebut akan dilupuskan atau ditarik balik secepat mungkin atau dalam tempoh satu bulan setelah mengetahui status pelaburan. Sekiranya pelaburan tersebut mengakibatkan keuntungan (melalui keuntungan modal dan/atau faedah) diterima sebelum atau selepas pelupusan pelaburan, keuntungan tersebut akan disalurkan kepada baitulmal dan/atau mana-mana pertubuhan-pertubuhan kebaikan seperti yang dinasihatkan oleh panel penasihat Syariah. Dana berhak untuk mengekalkan kos pelaburan sahaja. Sekiranya pelupusan pelaburan mengakibatkan kerugian kepada Dana, kerugian tersebut akan ditanggung oleh Pengurus.

#### **(ii) Pengelasan semula status Syariah Aset Pajakan**

Ini merujuk kepada Aset Pajakan yang sebelum ini dikelaskan sebagai patuh Syariah yang mungkin kemudiannya dikelaskan semula sebagai tidak mematuhi Syariah. Ini mungkin berlaku sekiranya sewa pajakan diperoleh daripada aktiviti-aktiviti yang tidak mematuhi prinsip-prinsip Syariah. Sebarang sewa pajakan diterima daripada Aset Pajakan selepas pengelasan semula Aset Pajakan akan disalurkan kepada baitumal dan/atau mana-mana pertubuhan-pertubuhan kebaikan seperti yang dinasihatkan oleh panel penasihat Syariah.

**Portfolio pelaburan Dana akan merangkumi instrumen-instrumen yang telah dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC atau yang mana berkenaan, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (“BNM”). Bagi instrumen-instrumen yang tidak dikelaskan sebagai patuh Syariah oleh SAC atau yang mana berkenaan, Majlis Penasihat Syariah BNM, status instrumen-instrumen telah ditetapkan mengikut peraturan yang dikeluarkan oleh panel penasihat Syariah.**

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **9. SYARAT-SYARAT PENTING SURAT IKATAN**

---

Surat Ikatan adalah satu dokumen yang kompleks dan yang berikut hanya sekadar ringkasan sahaja. Penerima Prospektus ini dan semua bakal-bakal pelabur Unit hendaklah merujuk kepada Surat Ikatan itu sendiri untuk mengesahkan maklumat-maklumat khusus atau untuk pemahaman lebih lanjut mengenai Dana. Satu salinan Surat Ikatan boleh didapati untuk diteliti di tempat perniagaan prinsipal Pengurus dan tempat perniagaan prinsipal Pemegang Amanah semasa waktu berniaga biasa.

### **9.1 SURAT IKATAN**

Dana adalah satu amanah yang diperlembagakan oleh Surat Ikatan, yang mana berkuatkuasa apabila didaftarkan oleh SC.

Semua Pemegang-pemegang Unit berhak mendapat manfaat darinya, dan akan terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat Surat Ikatan tersebut.

Menurut Surat Ikatan, Pemegang Amanah hendaklah mengambil semua aset-aset Dana di bawah perlindungan dan kawalannya dan memegang yang sama sebagai amanah untuk Pemegang-pemegang Unit mengikut Surat Ikatan dan semua undang-undang yang relevan.

Surat Ikatan adalah ditadbir oleh, dan hendaklah ditafsir mengikut, undang-undang Malaysia.

### **9.2 HAK-HAK DAN LIABILITI-LIABILITI PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

Pemegang-pemegang Unit hendaklah, antara lain, berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat-mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dan menerima agihan. Sebagai usaha untuk mengelak kemusykilan, sekiranya Penaja memegang mana-mana Unit, Penaja berhak menghadiri dan mengundi di mesyuarat-mesyuarat Pemegang-pemegang Unit dan menerima agihan. Di dalam sesuatu resolusi di mana Penaja mempunyai kepentingan, maka Penaja mesti menahan diri dari mengundi ke atas resolusi tersebut.

Liabiliti setiap Pemegang-pemegang Unit adalah terhad kepada pelaburan Pemegang Unit dalam Dana. Walau apa pun peruntukan-peruntukan lain Surat Ikatan, tiada Pemegang Unit yang akan dipertanggungjawabkan untuk menanggung rugi Pemegang Amanah atau Pengurus atau mana-mana pembiutang mereka terhadap apa-apa liabiliti Pemegang Amanah atau Pengurus berkenaan dengan Dana.

### **9.3 FI DAN CAJ-CAJ MAKSIMA YANG DIBENARKAN**

Pengurus adalah dibenarkan untuk mengenakan caj fi pengurusan tahunan pada kadar sehingga satu peratus (1%) dari VOF.

Pemegang Amanah akan berhak menerima bayaran dari Dana fi pemegang amanah tahunan sehingga 0.08% dari VOF setahun, tertakluk pada jumlah minima sebanyak RM18,000 setahun.

Di samping fi dan caj-caj yang jelas dibenarkan untuk dikenakan oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah oleh Surat Ikatan, Pengurus dan/atau Pemegang Amanah juga berhak meminta Pemegang Unit untuk membayar fi atau caj-caj yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) untuk yang berkenaan:

- (i) mana-mana dokumen yang dibekalkan kepada Pemegang Unit atas permintaan Pemegang Unit; atau
- (ii) mana-mana tindakan yang bersifat pentadbiran yang dijalankan untuk Pemegang Unit atas permintaan Pemegang Unit;

## **9. SYARAT-SYARAT PENTING SURAT IKATAN (*Bersambung*)**

---

yang mengikut Surat Ikatan atau undang-undang yang relevan, tidak perlu dibekalkan atau dilaksanakan dengan percuma oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah.

Pemegang Unit juga dikehendaki membayar balik kepada Pengurus dan/atau Pemegang Amanah berkenaan mana-mana pembayaran seperti caj-caj bank atau komisen yang sepatutnya dibelanja oleh Pengurus dan/atau Pemegang Amanah bagi pihak Pemegang-pemegang Unit.

Walaupun Surat Ikatan membenarkan Pengurus untuk mengenakan caj jualan dan caj penebusan apabila Pemegang Unit membeli dan/atau menebus Unit Dana (sebagaimana ianya boleh terjadi), pada masa ini, tiada caj jualan dan/atau caj penebusan dikenakan ke atas Pemegang Unit bagi pembelian dan/atau penebusan Unit-unit.

### **9.4 KENAIKAN FI DAN CAJ-CAJ DARI TAHAP YANG DITETAPKAN DALAM PROSPEKTUS DAN KADAR MAKSIMA YANG DIBENARKAN OLEH SURAT IKATAN**

Pengurus tidak boleh mengenakan fi pengurusan tahunan pada kadar yang lebih tinggi dari kadar yang telah ditetapkan dalam Prospektus ini, kecuali:

- (i) Pengurus telah mencapai persetujuan dengan Pemegang Amanah mengenai kadar yang lebih tinggi;
- (ii) Pengurus telah memberitahu Pemegang-pemegang Unit tentang kadar yang lebih tinggi dan tarikh di mana kadar lebih tinggi seumpamanya akan berkuat kuasa; suatu masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang yang berkaitan telah berlalu sejak notis dihantar;
- (iii) prospektus tambahan atau prospektus penggantian menunjukkan kadar yang lebih tinggi telah didaftarkan, diserah simpan dan dikeluarkan selepas itu; dan
- (iv) suatu masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang yang berkaitan telah berlalu sejak tarikh prospektus tambahan atau prospektus penggantian.

Pemegang Amanah tidak boleh mengenakan fi pemegang amanah tahunan pada kadar yang lebih tinggi dari yang telah ditetapkan dalam Prospektus ini kecuali:

- (i) Pengurus telah mencapai persetujuan dengan Pemegang Amanah mengenai kadar yang lebih tinggi;
- (ii) Pengurus telah memberitahu Pemegang-pemegang Unit tentang kadar yang lebih tinggi dan tarikh di mana kadar lebih tinggi seumpamanya akan berkuat kuasa; suatu masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang yang berkaitan telah berlalu sejak notis dihantar;
- (iii) prospektus tambahan atau prospektus penggantian menunjukkan kadar yang lebih tinggi telah didaftarkan, diserah simpan dan dikeluarkan selepas itu; dan
- (iv) suatu masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang yang berkaitan telah berlalu sejak tarikh prospektus tambahan atau prospektus penggantian.

Sebarang peningkatan fi dan/atau caj melebihi kadar maksima yang dinyatakan dalam Surat Ikatan memerlukan kelulusan Pemegang Unit.

### **9.5 PERBELANJAAN DIBENARKAN YANG BOLEH DIBAYAR DARIPADA DANA**

Hanya perbelanjaan (atau sebahagian darinya) yang berkaitan langsung dan perlu untuk perniagaan Dana boleh dikenakan ke atas Dana. Ini termasuk (tetapi tidak terhad) kepada yang berikut:

- (i) komisen/fi yang dibayar kepada broker dalam menjalankan urusan perniagaan melalui Dana, sebagaimana yang ditunjukkan dalam nota kontrak atau nota pengesahan;

## **9. SYARAT-SYARAT PENTING SURAT IKATAN (*Bersambung*)**

---

- (ii) cukai, Zakat dan lain-lain caj cukai yang dikenakan ke atas Dana oleh kerajaan dan/atau lain-lain pihak berkuasa;
- (iii) kos, fi dan perbelanjaan yang wajar dibelanjakan oleh Juruaudit yang dilantik untuk Dana;
- (iv) fi untuk penilaian mana-mana pelaburan Dana;
- (v) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk mana-mana pindaan Surat Ikatan kecuali di mana pindaan seumpamanya adalah untuk faedah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah;
- (vi) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit kecuali di mana mesyuarat tersebut diadakan untuk faedah Pengurus dan/atau Pemegang Amanah;
- (vii) kos, komisen, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk jualan, pembelian, takaful dan lain-lain urusan perniagaan mana-mana aset Dana;
- (viii) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk melantik pakar-pakar yang diluluskan oleh Pemegang Amanah untuk menyiasat atau menilai mana-mana cadangan pelaburan Dana;
- (ix) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk melantik mana-mana penasihat bagi faedah Dana;
- (x) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk persiapan dan audit percukaian, pulangan dan akaun Dana;
- (xi) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk menamatkan Dana atau pemecatan atau persaraan Pemegang Amanah atau Pengurus dan perlantikan pemegang amanah atau syarikat pengurusan baru;
- (xii) kos, fi dan perbelanjaan yang dibelanjakan berhubungan dengan timbang tara atau prosiding lain berkaitan Dana atau mana-mana aset Dana, termasuk prosiding terhadap Pemegang Amanah atau Pengurus oleh pihak lain untuk faedah Dana (kecuali setakat kos guaman yang dibelanjakan untuk pembelaan samada salah satu dari mereka tidak diperintahkan oleh mahkamah untuk dibayar balik oleh Dana);
- (xiii) saraan dan perbelanjaan kecilan orang atau ahli jawatankuasa yang menjalankan fungsi pengawasan Dana dan panel penasihat Syariah Dana kecuali Pengurus menentukan selain dari itu; dan
- (xiv) kos, fi dan perbelanjaan yang dianggap oleh Pengurus sebagai telah dibelanjakan berhubungan dengan mana-mana perubahan atau perlunya pematuhan dengan mana-mana perubahan atau diperkenalkan mana-mana undang-undang, peraturan atau keperluan baru (samada atau tidak mempunyai kuasa undang-undang) dari mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau undang-undang.

## **9.6 PEMECATAN, PERSARAAN DAN PENGGANTIAN PENGURUS DAN PEMEGANG AMANAH**

Tertakluk pada peruntukan mana-mana undang-undang yang relevan, Pemegang Amanah hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memecat Pengurus:

- (i) jika Pengurus telah gagal atau cuai dalam menjalankan tugas-tugasnya mengikut kepuasan hati Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah menganggap bahawa ianya untuk kepentingan Pemegang-pemegang Unit untuk melakukannya selepas Pemegang Amanah memberi notis kepadanya bahawa ia berpendapat dan sebab

## **9. SYARAT-SYARAT PENTING SURAT IKATAN (*Bersambung*)**

---

- untuk pendapatnya, dan telah mempertimbangkan apa-apa pernyataan yang dibuat oleh Pengurus berkenaan pendapat tersebut, dan selepas dirunding dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan dan dengan kelulusan Pemegang-pemegang Unit menerusi Resolusi Khas;
- (ii) kecuali diarahkan dengan jelas sebaliknya oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan, jika Pengurus melanggar mana-mana tanggungjawab atau tugas-tugasnya di bawah Surat Ikatan atau undang-undang yang relevan, atau tidak lagi layak untuk menjadi sebuah syarikat pengurusan di bawah undang-undang yang relevan; atau
  - (iii) Pengurus telah memasuki proses pembubaran, kecuali untuk tujuan penggabungan atau penyusunan semula atau tujuan yang sama, atau telah ada penerima dilantik atau telah tidak lagi menjalankan perniagaan;

dan Pengurus hendaklah tidak menerima apa-apa bayaran lebih atau mendapat faedah berkaitan dengan pemecatan seumpamanya.

Pengurus mempunyai kuasa untuk bersara yang berpihak kepada pertubuhan lain dan sebagaimana yang perlu di bawah mana-mana undang-undang yang relevan setelah memberi notis bertulis dua belas (12) bulan kepada Pemegang Amanah mengenai niatnya untuk melakukan sedemikian, atau dalam masa yang lebih kurang sebagaimana yang boleh dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, dan tertakluk pada syarat-syarat berikut dipenuhi:

- (i) Pengurus yang akan bersara hendaklah melantik secara bertulis dan dimeterai oleh Pengurus yang akan bersara, pertubuhan seumpamanya untuk mengganti tempatnya sebagai syarikat pengurusan Dana dan menugaskan pertubuhan tersebut semua hak-hak dan tugas-tugas sebagai syarikat pengurusan Dana;
- (ii) pertubuhan seumpamanya harus memasuki surat ikatan atau surat-surat ikatan; dan
- (iii) selepas pembayaran kepada Pemegang Amanah kesemua jumlah yang terhutang daripada Pengurus yang akan bersara kepada Pemegang Amanah pada tarikh persaraan tersebut, Pengurus yang akan bersara akan dibebaskan dan dilepaskan dari segala kewajipan selanjutnya tetapi tanpa prejudis terhadap hak-hak Pemegang Amanah atau mana-mana Pemegang Unit atau orang lain berkenaan dengan tindakan atau ketinggalan oleh Pengurus yang akan bersara sebelum persaraan tersebut dan syarikat pengurusan baharu boleh dan akan selepas itu melaksanakan segala kuasa dan menikmati segala hak-hak dan akan tertakluk kepada segala tanggungjawab dan obligasi Pengurus sepenuhnya seperti suatu syarikat pengurusan baharu yang merupakan pihak yang asal kepada Surat Ikatan.

Pemegang Amanah boleh bersara dengan memberi notis dua belas (12) bulan kepada Pengurus mengenai hasratnya untuk melukannya, atau dalam tempoh yang lebih pendek sebagaimana yang boleh dipersetujui oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, dan boleh, menerusi Surat Ikatan melantik pemegang amanah baru yang diluluskan oleh SC sebagai pengantinya. Mengikut Seksyen 299 CMSA, adalah menjadi tugas Pengurus untuk memecat Pemegang Amanah sebaik sahaja ia menyedari bahawa Pemegang Amanah:

- (i) telah tidak wujud lagi;
- (ii) tidak dilantik dengan sah;
- (iii) tidak layak untuk dilantik atau bertindak sebagai Pemegang Amanah di bawah Seksyen 290 CMSA;
- (iv) telah gagal atau enggan bertindak sebagai Pemegang Amanah mengikut peruntukan atau janji-janji Surat Ikatan atau peruntukan-peruntukan CMSA;

## **9. SYARAT-SYARAT PENTING SURAT IKATAN (*Bersambung*)**

---

- (v) sedang di bawah penyiasatan bagi kelakuan yang bertentangan dengan Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah 1949, Akta, CMSA atau mana-mana undang-undang sekuriti; atau
- (vi) apabila penerima dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar dari aset-aset atau aku janji pemegang amanah sedia ada dan telah tidak wujud untuk bertindak mengikut perlantikkannya atau satu petisyen telah dibentangkan untuk menggulung Pemegang Amanah yang sedia ada (selain dari untuk tujuan atau berikutan penyusunan semula, kecuali semasa atau berikutan penyusunan semula seumpamanya, Pemegang Amanah akan atau diisyiharkan sebagai tidak solven).

Pemegang Amanah boleh dipecat dan pemegang amanah lain (yang telah diluluskan sewajarnya sebagaimana yang telah tersebut di atas) boleh dilantik menerusi resolusi khas Pemegang-pemegang Unit di mesyuarat yang sewajarnya diadakan yang mana notis telah dikeluarkan kepada Pemegang Amanah dan Pengurus. Pengurus akan memanggil mesyuarat Pemegang-pemegang Unit untuk tujuan mempertimbangkan atau jika difikirkan sesuai, menerima resolusi untuk pemecatan Pemegang Amanah jika sekiranya Pemegang-pemegang Amanah meminta Pengurus melakukannya, dengan cara yang telah disebut dalam Surat Ikatan.

### **9.7 PENAMATAN DANA**

Pengurus setelah berunding dengan Pemegang Amanah boleh mengikut budi bicara penuhnya menamatkan Dana dan menggulung Dana pada bila-bila masa. Setelah Pengurus menamatkan Dana, Pengurus hendaklah memberi kepada setiap Pemegang Unit notis penamatan seumpamanya mengikut undang-undang yang berkaitan. Pengurus hendaklah memberitahu secara bertulis kepada semua Pemegang-pemegang Unit mengenai pilihan yang sedia ada, termasuk tetapi tidak terhad kepada pilihan yang berikut:

- (i) untuk menerima secara tunai hasil bersih yang didapati dari jualan semua pelaburan dan aset-aset Dana yang telah ditolak mana-mana bayaran untuk liabiliti Dana dan mana-mana wang tunai yang ada dikeluarkan untuk pengagihan mengikut bilangan Unit yang dipegang oleh mereka masing-masing; atau
- (ii) untuk memilih alternatif lain yang boleh dicadangkan oleh Pengurus mengikut undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

Pemegang Amanah hendaklah mengadakan mesyuarat Pemegang Unit berdasarkan peruntukan Surat Ikatan bagi tujuan mendapatkan arahan daripada Pemegang Unit dalam mana-mana keadaan yang berikut:

- (i) jika Pengurus telah memasuki proses pembubaran, kecuali bagi tujuan penyusunan semula atau penggabungan atas terma yang sebelum ini diluluskan secara bertulis oleh Pemegang Amanah dan pihak berkuasa yang berkaitan;
- (ii) jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus telah berhenti menjalankan perniagaan;
- (iii) jika, pada pendapat Pemegang Amanah, Pengurus yang telah memudaratkan Pemegang Unit gagal mematuhi peruntukan Surat Ikatan atau melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang berkaitan; atau
- (iv) kelulusan SC dibatalkan di bawah Seksyen 212(7)(A) CMSA;

Jika pada mana-mana mesyuarat terdapat Resolusi Khas untuk menamatkan Amanah berkaitan dengan Dana dan menggulungkan Dana itu telah diluluskan oleh Pemegang Unit, Pemegang Amanah hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan satu perintah bagi mengesahkan Resolusi Khas tersebut.

## **9. SYARAT-SYARAT PENTING SURAT IKATAN (*Bersambung*)**

---

### **9.8 MESYUARAT PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

Kecuali diperlukan sebaliknya atau dibenarkan oleh undang-undang yang relevan, Pengurus hendaklah, dalam masa dua puluh satu (21) hari setelah menerima permohonan tidak kurang dari lima puluh (50) atau satu per sepuluh (1/10) dari kesemua Pemegang-pemegang Unit, yang mana satu yang kurang, memanggil untuk mengadakan mesyuarat Pemegang-pemegang Unit menerusi:

- (i) penghantaran melalui pos kepada setiap Pemegang Unit di alamat terakhirnya yang diketahui, atau bagi Pemegang Unit Bersama, kepada Pemegang Unit Bersama yang namanya terdiri terdahulu dalam rekod Pengurus di alamat terakhir Pemegang Unit Bersama yang diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu diadakan, notis sebuah mesyuarat yang dicadaangkan dengan memberi tempat, hari, masa dan syarat-syarat resolusi (resolusi-resolusi) yang akan dicadangkan kepada semua Pemegang-pemegang Unit; dan
- (ii) menerbitkan iklan untuk memberi notis mengenai mesyuarat tersebut sekurang-kurangnya dalam masa empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat yang dicadangkan itu, di satu akhbar harian bahasa kebangsaan dan satu lagi akhbar yang diluluskan oleh pihak-pihak berkuasa yang relevan.

Korum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit hendaklah dua ratus (200) Pemegang Unit samada hadir sendiri atau melalui proksi, tetapi:

- (i) jika Dana mempunyai kurang daripada dua ratus (200) Pemegang-pemegang Unit yang terdiri dalam daftar Pemegang Unit semasa mesyuarat, korum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit adalah separuh (1/2) dari jumlah Pemegang-pemegang Unit;
- (ii) jika Dana mempunyai lima (5) atau kurang Pemegang-pemegang Unit, korum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit adalah dua (2) Pemegang-pemegang Unit, samada hadir sendiri atau melalui proksi.

Jika mesyuarat diadakan untuk tujuan memecat Pengurus dan/atau Pemegang Amanah, Pemegang-pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi mesti memegang agregat sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) dari Unit-unit di dalam edaran semasa mesyuarat.

Jika mesyuarat diadakan untuk tujuan mengundi resolusi khas melainkan untuk tujuan memecat Pengurus dan/atau Pemegang Amanah, Pemegang-pemegang Unit yang hadir sendiri atau melalui proksi mesti memegang agregat sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus (25%) dari jumlah Unit-unit di dalam edaran semasa mesyuarat.

Jika Dana hanya mempunyai satu (1) Pemegang Unit yang tinggal, Pemegang Unit tersebut, samada hadir sendiri atau melalui proksi, akan membentuk korum yang diperlukan untuk mesyuarat Pemegang-pemegang Unit Dana.

Kecuali ditetapkan sebaliknya oleh undang-undang yang relevan, sesuatu mesyuarat Pemegang-pemegang Unit yang dipanggil mengikut Surat Ikatan hendaklah diadakan tidak kurang dari dua (2) bulan selepas notis diberi, pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam notis dan iklan (jika ada).

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **10. SYARAT PENTING DOKUMEN URUS NIAGA**

---

### **10. DOKUMEN URUS NIAGA**

#### **10.1 PERJANJIAN PEMBELIAN ASET**

Perjanjian Pembelian Aset sebenarnya memindahkan kepentingan benefisial dalam Aset Hartanah daripada Penaja atau Anggota Gabungannya kepada Pemegang Amanah bebas daripada semua tuntutan memudaratkan tetapi tertakluk kepada pajakan, pajakan kecil, sewaan dan sewaan kecil sedia ada berdasarkan terma dan syarat yang dinyatakan di dalamnya untuk pertimbangan agregat masing-masing.

Pemunyaan benefisial Aset Hartanah beralih kepada Pemegang Amanah pada tarikh siap masing-masing seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Pembelian Aset masing-masing. Ia merupakan syarat dalam Perjanjian Pembelian Aset masing-masing bahawa Pemegang Amanah tidak memerlukan pendaftaran pindahan hak milik Aset Hartanah kepada Pemegang Amanah dan Penaja atau Anggota Gabungannya akan kekal sebagai tuan punya berdaftar Aset Hartanah masing-masing (dan jika Aset Hartanah dipegang di bawah hak milik induk, Penaja atau Anggota Gabungannya adalah pemilik benefisial Aset Hartanah tersebut sehingga suatu masa hak milik individu berasingan dikeluarkan atas nama Penaja atau Anggota Gabungannya) dalam kapasitinya sebagai pemegang amanah terus untuk Pemegang Amanah tertakluk kepada terma Dokumen Urus niaga dan tanpa menjelaskan hak Pemegang Amanah di bawah Dokumen Urus niaga.

#### **10.2 PERJANJIAN PAJAK**

Perjanjian Pajak berhubung dengan Aset Hartanah diikat antara Pemegang Amanah sebagai pemberi pajak dengan Penaja sebagai penerima pajak, bagi tempoh pajak sepuluh (10) tahun setiap satu (atau suatu tempoh lain yang dipersetujui oleh Penaja dan Pemegang Amanah secara bertulis) ("Tempoh Pajak"), dari tarikh mula kuat kuasa masing-masing dengan opsyen untuk memperbaharui Tempoh Pajak tersebut, bagi tempoh selanjutnya dan berdasarkan sewa yang disemak yang mungkin dipersetujui antara pihak-pihak itu (untuk mengelakkan keraguan, terma dan syarat untuk Perjanjian Pajak adalah sama kecuali untuk kadar sewa dan tarikh mula kuat kuasa masing-masing).

Sewa yang perlu dibayar oleh Penaja terdiri daripada sewa bulanan yang perlu dibayar berhubung dengan setiap Aset Hartanah ("Sewa Pajakan") bersama dengan apa-apa caj perkhidmatan terakru yang timbul daripada Perjanjian Agensi Perkhidmatan yang dirujuk di dalam ini ("Sewa Tambahan"). Sewa Pajakan hendaklah dibayar secara bulanan dalam bentuk bayaran pendahuluan pada awal setiap bulan. Sewa Tambahan hendaklah dibayar secara tahunan dalam bentuk tunggakan pada hari ulang tahun Tempoh Pajak, tetapi boleh ditolak selesai daripada caj perkhidmatan bagi penyelenggaran dan pembaikan struktur yang utama yang diberikan di bawah Perjanjian Agensi Perkhidmatan ("Jumlah Caj Perkhidmatan") yang perlu dibayar oleh Pemberi Pajak di bawah Perjanjian Agensi Perkhidmatan (seperti yang dihuraikan di bawah).

Sebelum Tempoh Pajak mula berkuat kuasa, Penaja telah membuka dan mengekalkan akaun deposit sekuriti untuk tujuan menyimpan deposit sekuriti yang boleh dibayar balik yang bersamaan dengan Sewa Pajakan semasa 3 bulan pertama di bawah Perjanjian Pajak masing-masing ("Deposit Sekuriti") yang amaunnya hendaklah didepositkan dalam akaun Deposit Sekuriti ("Akaun Deposit Sekuriti"). Akaun Deposit Sekuriti tersebut hendaklah dicajkan kepada Pemegang Amanah menurut terma Akaun Cagaran yang berkaitan (seperti yang dihuraikan di bawah).

Sekiranya berlaku penamatan awal Perjanjian Pajak, Penaja memberikan hak kepada Pemegang Amanah untuk meminta Penaja membeli pemunyaan benefisial mana-mana atau semua Aset Hartanah, daripada Pemegang Amanah (menurut Aku janji Belian).

Apabila Tempoh Pajak tamat, menurut Aku janji Jualan, Pemegang Amanah memberikan hak kepada Penaja untuk meminta Pemegang Amanah menjual pemunyaan benefisial mana-mana atau semua Aset Hartanah, kepada Penaja.

## **10. SYARAT PENTING DOKUMEN URUS NIAGA (*Bersambung*)**

---

Penaja boleh, dalam Tempoh Pajak, menguatkuasakan Aku janji Penggantian berhubung dengan mana-mana Aset Hartanah dengan menyerahkan notis kepada Pemegang Amanah menurut syarat Aku janji Penggantian. Apabila Aku janji Penggantian sudah dipenuhi, Perjanjian Pajak yang berkaitan ke atas Aset Hartanah yang akan digantikan akan tamat dan syarat Aku janji Penggantian akan mengikat Penaja. Menurut penguatkuasaan Aku janji Penggantian, perjanjian pembelian aset dan Perjanjian Pajak yang baharu berhubung dengan Aset Hartanah baharu akan dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat yang sama dengan Perjanjian Pembelian Aset dan Perjanjian Pajak yang sedia ada dan dengan sewajarnya Pemegang Amanah berjanji untuk melepaskan surat ikatan hak milik asal/surat ikatan penyerahan hak berhubung dengan Aset Hartanah yang digantikan dan dokumen berkaitan lain yang dilepaskan kepada Pemegang Amanah menurut Perjanjian Pembelian Aset, kepada Penaja, apabila Perjanjian Pembelian Aset dan Perjanjian Pajak baharu disempurnakan.

### **10.3 SURAT KUASA WAKIL**

Surat Kuasa Wakil tidak boleh batal diberikan oleh Penaja untuk manfaat Pemegang Amanah, yang dengannya Pemegang Amanah akan dilantik sebagai wakil sah Penaja untuk bersesama dan berasingan menguruskan Aset Hartanah seolah-olah Pemegang Amanah adalah pemilik tak dihalang dan mutlak bagi Aset Hartanah menurut Perjanjian Pembelian Aset. Surat Kuasa Wakil diberikan untuk balasan bernilai dan tidak boleh batal kecuali dengan persetujuan bertulis daripada Pemegang Amanah.

Kuasa yang diberikan kepada Pemegang Amanah di bawah Surat Kuasa Wakil hanya boleh dikuatkuasakan oleh Pemegang Amanah dengan penamatan Dana dan/atau, atas kegagalan Penaja menyempurnakan obligasinya di bawah Aku janji Belian dan/atau Aku janji Jualan dan/atau Aku janji Belian Semula PHB tertakluk kepada syaratnya.

Surat Kuasa Wakil dan kuasa yang diberikan di bawah dokumen ini akan secara automatik terbatal apabila penamatan Dana disempurnakan atau berhubung dengan mana-mana Aset Hartanah, pembelian pemunyaan benefisial Aset Hartanah itu disempurnakan oleh Penaja menurut penguatkuasaan Aku janji Belian atau Aku janji Jualan. Surat Kuasa Wakil tidak akan dibatalkan berhubung dengan apa-apa pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang belum dibeli semula oleh Penaja.

### **10.4 AKU JANJI BELIAN SEMULA PHB**

Aku janji Belian Semula PHB diikat antara Penaja, Pengurus dengan Pemegang Amanah yang dengannya Penaja secara tidak boleh batal dan tanpa syarat berjanji untuk membeli semua Unit yang dibeli semula oleh Pengurus pada harga RM1.00 setiap Unit selagi Dana masih beroperasi.

Jika Penaja gagal melaksanakan obligasinya di bawah ini, Pengurus atau Pemegang Amanah boleh mengambil langkah tertentu yang dianggapnya perlu terhadap Penaja termasuk menguatkuasakan Aku janji Belian atau menguatkuasakan haknya di bawah Surat Kuasa Wakil.

Sebagai sebahagian daripada aku janji Penaja, PHB akan menyediakan barisan kredit yang bukan di bawah kawalan dan pengurusan Pengurus dan Pemegang Amanah tertakluk, antara lain, kepada keperluan kecairan di bawah Aku janji Belian Semula PHB dan syarat-syarat SC dipenuhi pada setiap masa.

*Nota:*

*Penaja telah mengikat dan akan mengikat perjanjian belian semula institusi (“IRA”) dengan pelabur institusi yang memperuntukkan, antara lain, bahawa pihak-pihak ini yang merupakan pelabur institusi, akan, sebelum mengeluarkan permintaan belian semula kepada Pengurus, memberikan notis bertulis 21 hari kepada PHB mengenai hasrat mereka untuk mengeluarkan permintaan untuk belian semula. IRA juga memperuntukkan bahawa PHB hendaklah berjanji untuk membeli semula sehingga 100 juta Unit atau satu pertiga daripada Unit, mana-mana*

## **10. SYARAT PENTING DOKUMEN URUS NIAGA (*Bersambung*)**

---

*yang lebih tinggi, yang dipegang oleh pelabur institusi setahun (atau amaun lain seperti yang akan dipersetujui) daripada institusi tersebut.*

*IRA, sebagai perjanjian yang diikat dan akan diikat antara Penaja dengan institusi tersebut, tidak mengikat Pengurus dan Pemegang Amanah.*

### **10.5 AKU JANJI JUALAN**

Di bawah Aku janji Jualan, Pemegang Amanah memberikan hak kepada Penaja untuk meminta Pemegang Amanah menjual pemunyaian benefisial mana-mana atau semua Aset Hartanah kepada Penaja.

Aku janji Jualan boleh dikuatkuasakan oleh Penaja apabila Perjanjian Pajak matang. Dalam menguatkuasakan Aku janji Jualan, Penaja dikehendaki menyerahkan notis kepada Pemegang Amanah dan Pemegang Amanah apabila menerima notis tersebut, akan menjual pemunyaian benefisial Aset Hartanah pada Harga Terlaksana Aset Hartanah berkaitan atas dasar “seperti adanya”. Penaja kemudian akan membayar Harga Terlaksana kepada Pemegang Amanah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari atau suatu tempoh yang dilanjutkan seperti yang akan saling dipersetujui oleh pihak-pihak untuk menyempurnakan perolehan pemunyaian benefisial Aset Hartanah menurut Aku janji Jualan.

Bagi tujuan mematuhi keperluan Syariah, Aku janji Jualan baharu akan dilaksanakan setiap kali pemunyaian benefisial Aset Hartanah baharu diperoleh.

Berkenaan dengan Hospital Gleneagles (Blok B), hak opsyen-panggilan (“Opsyen-Panggilan”) telah diberikan oleh Penaja untuk manfaat Pantai Medical Centre Sdn Bhd menurut perjanjian pajak yang bertarikh 9 Oktober 2015 di antara Ampang 210 Sdn Bhd dan Pantai Medical Centre Sdn Bhd pada harga pembelian yang berdasarkan kepada nilai pasaran berpatutan Aset Pajakan tersebut. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada hari pertama (1) tahun ketigabelas (13) tempoh pajakan iaitu tahun 2028.

Sekiranya Opsyen-Panggilan dilaksanakan dalam Tempoh Pajakan atau dalam Tempoh Pajakan yang dilanjutkan, melainkan jika Aku janji Penggantian dilaksanakan oleh Penaja, Penaja akan melaksanakan Aku janji Jualan berkenaan dengan Aset Pajakan masing-masing berdasarkan terma-terma Aku janji Jualan.

### **10.6 AKU JANJI BELIAN**

Di bawah Aku janji Belian, Penaja memberikan hak kepada Pemegang Amanah untuk meminta Penaja membeli pemunyaian benefisial mana-mana atau semua Aset Hartanah daripada Pemegang Amanah.

Di bawah Aku janji Belian, Pemegang Amanah mempunyai hak untuk meminta Penaja melaksanakan perkara yang berikut berdasarkan senario yang berkaitan:

- selepas penggulungan Dana, membeli pemunyaian benefisial semua Aset Hartanah;
- selepas penamatan Perjanjian Pajak berhubung dengan mana-mana Aset Hartanah, membeli pemunyaian benefisial Aset Hartanah berkaitan; atau
- apabila Penaja gagal menjalankan obligasinya di bawah Aku janji Belian Semula PHB, membeli pemunyaian benefisial semua atau Aset Hartanah yang berkaitan.

Jika Penaja menguatkuasakan Aku janji Penggantian, Pemegang Amanah boleh menguatkuasakan Aku janji Belian.

Dalam menguatkuasakan Aku janji Belian, Pemegang Amanah hendaklah menyerahkan notis kepada Penaja dan Penaja hendaklah membeli pemunyaian benefisial Aset Hartanah yang terlibat pada Harga Terlaksana Aset Hartanah berkaitan atas dasar “seperti adanya” dan

## **10. SYARAT PENTING DOKUMEN URUS NIAGA (*Bersambung*)**

---

Penaja hendaklah membayar harga perolehan kepada Pemegang Amanah dalam tempoh sembilan puluh (90) hari atau suatu tempoh yang dilanjutkan seperti yang akan saling dipersetujui oleh pihak-pihak untuk menyempurnakan perolehan pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang terlibat menurut Aku janji Belian.

Penaja diberikan hak penawaran dahulu tidak boleh batal untuk memperoleh pemunyaan benefisial Aset Hartanah sekiranya Pemegang Amanah memilih untuk tidak menguatkuasakan Aku janji Belian apabila berlaku penamatkan atau penggulungan Dana.

Hanya bagi Kolej Marlborough sahaja di mana Penaja atau Ahli Gabungannya memilih untuk tidak menguatkuasakan hak penawaran dahulu, Pemegang Amanah bersetuju bahawa ia menyedarinya dan akan menguatkuasakan hak penawaran dahulu tidak boleh batal yang sebelum ini diberikan kepada penerima pajak yang sedia ada iaitu M East Sdn Bhd untuk memperoleh Aset Hartanah yang dikenali sebagai Kolej Marlborough.

Bagi tujuan mematuhi keperluan Syariah, Aku janji Belian yang baru akan dilaksanakan setiap kali pemunyaan benefisial Aset Hartanah baru diperoleh.

Berkenaan dengan Hospital Gleneagles (Blok B), Opsyen-Panggilan telah diberikan oleh Penaja untuk manfaat Pantai Medical Centre Sdn Bhd menurut perjanjian pajak yang bertarikh 9 Oktober 2015 di antara Ampang 210 Sdn Bhd dan Pantai Medical Centre Sdn Bhd pada harga pembelian yang berdasarkan kepada nilai pasaran berpatutan Aset Pajakan tersebut. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada hari pertama (1) tahun ke-tigabelas (13) tempoh pajakan iaitu tahun 2028.

Sekiranya Opsyen-Panggilan dilaksanakan dalam Tempoh Pajakan atau dalam Tempoh Pajakan yang dilanjutkan, Penaja boleh memilih untuk menguatkuasakan Aku janji Penggantian berkenaan dengan Aset Pajakan masing-masing berdasarkan terma-terma Aku janji Penggantian.

Di mana Aku janji Penggantian dilaksanakan oleh Penaja, Pemegang Amanah haruslah seterusnya melaksanakan Aku janji Belian berdasarkan terma-terma Aku janji Belian tersebut.

### **10.7 AKU JANJI PENGGANTIAN**

Aku janji Penggantian yang diikat antara Pemegang Amanah dengan Penaja yang tengannya, Pemegang Amanah memberikan hak kepada Penaja untuk menggantikan Aset Hartanah Dana yang sedia ada dengan Aset Hartanah baru ("Aset Baharu"). Hak penggantian adalah tertakluk kepada kelulusan daripada Pemegang Amanah dan Pengurus.

Apabila Pemegang Amanah dan Pengurus bersetuju dengan penggantian Aset Hartanah berkaitan, Pemegang Amanah:

- (i) memberikan hak kepada Penaja untuk menamatkan Perjanjian Pajak yang berkaitan bagi mana-mana Aset Hartanah;
  - (ii) akan menguatkuasakan Aku janji Belian untuk Penaja memperoleh pemunyaan benefisial Aset Hartanah yang berkaitan sebagai tukaran untuk:
    - (a) Aset Baharu dengan nilai setara (atau nilai yang lebih tinggi) dengan Aset Hartanah yang berkaitan; dan/atau
    - (b) bayaran Harga Terlaksana yang tidak boleh melebihi dua pertiga (2/3) atau enam puluh enam peratus (66%), mengikut keadaan, daripada VOF;
- tertakluk kepada kelulusan Pengurus dan Pemegang Amanah.

Jika nilai Aset Baharu lebih tinggi daripada nilai Aset Hartanah yang berkaitan, Penaja akan menerima jumlah perbezaan dalam bentuk Unit, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan.

## **10. SYARAT PENTING DOKUMEN URUS NIAGA (*Bersambung*)**

---

Bagi tujuan mematuhi keperluan Syariah, Aku janji Penggantian yang baharu akan dilaksanakan setiap kali pemunyaan benefisial Aset Hartanah baharu diperoleh.

Berkenaan dengan Hospital Gleneagles (Blok B), Opsyen-Panggilan telah diberikan oleh Penaja untuk manfaat Pantai Medical Centre Sdn Bhd menurut perjanjian pajak yang bertarikh 9 Oktober 2015 di antara Ampang 210 Sdn Bhd dan Pantai Medical Centre Sdn Bhd pada harga pembelian yang berdasarkan kepada nilai pasaran berpatutan Aset Pajakan tersebut. Opsyen-Panggilan boleh dilaksanakan pada hari pertama (1) tahun ke-tiga belas (13) tempoh pajakan iaitu tahun 2028.

Sekiranya Opsyen-Panggilan dilaksanakan dalam Tempoh Pajakan atau dalam Tempoh Pajakan yang dilanjutkan, Penaja boleh memilih untuk menguatkuasakan Aku janji Penggantian berkenaan dengan Aset Pajakan masing-masing berdasarkan terma-terma Aku janji Penggantian.

Di mana Aku janji Penggantian tidak dilaksanakan, Penaja haruslah melaksanakan Aku janji Jualan berdasarkan cara yang dinyatakan di Aku janji Jualan yang telah dilaksanakan berkenaan dengan Aset Pajakan masing-masing.

### **10.8 PERISYTIHARAN AMANAH**

Perisytiharan Amanah diberikan oleh Penaja untuk manfaat Pemegang Amanah, yang dengannya Penaja mengisyiharkan dan mengaku bahawa Penaja sebagai tuan punya berdaftar Aset Hartanah, memegang Aset Hartanah sebagai pemegang amanah terus untuk dan bagi pihak dan atas perintah Pemegang Amanah apabila Perjanjian Pembelian Aset disempurnakan. Sekiranya pemunyaan Aset Hartanah didaftarkan di bawah Anggota Gabungan Penaja, Pengisytiharan Amanah hendaklah diberikan oleh Anggota Gabungan tersebut untuk manfaat Pemegang Amanah.

Penaja akan melakukan atau menyebabkan dilakukan segala yang perlu untuk memastikan Pemegang Amanah serta kepentingan dan hak milik Pemegang Unit berhubung dengan Aset Hartanah tidak terjejas walau dalam apa jua cara sekalipun.

Perisytiharan Amanah dan kuasa yang terbentuk di dalamnya akan secara automatik terbatas apabila Dana ditamatkan atau apabila perolehan pemunyaan benefisial disempurnakan menurut penguatkuasaan Aku janji Belian, Aku janji Jualan dan/atau Aku janji Penggantian oleh pihak yang berkaitan, mana-mana yang lebih awal.

Perisytiharan Amanah akan diteruskan berhubung dengan mana-mana Aset Hartanah yang masih diperolehi oleh Dana secara benefisial.

Bagi tujuan mematuhi keperluan Syariah, Perisytiharan Amanah yang baharu akan dilaksanakan setiap kali pemunyaan benefisial Aset Hartanah baharu diperoleh.

### **10.9 AKAUN CAGARAN**

Perjanjian Akaun Cagarans diikat oleh Penaja dan Pemegang Amanah untuk mendapatkan bayaran yang perlu dibayar dan tepat pada waktunya, dan pelaksanaan obligasi oleh Penaja seperti yang terkandung dalam Dokumen Urus niaga dan bagi perkara yang sama, Penaja akan mengecaj Pemegang Amanah melalui caj tetap pertama, Akaun Deposit Sekuriti dan Deposit Sekuriti.

Caj itu hendaklah merupakan sekuriti berterusan untuk pelaksanaan obligasi Penaja di bawah Perjanjian Pajak dan Dokumen Urus niaga sehingga tamat tempoh Perjanjian Pajak berhubung dengan mana-mana Aset Hartanah dan tertakluk kepada penunaian obligasi Penaja di bawah dokumen ini dan di bawah apa-apa Dokumen Urus niaga.

## **10. SYARAT PENTING DOKUMEN URUS NIAGA (*Bersambung*)**

---

Selepas tamat tempoh Perjanjian Pajak berhubung dengan mana-mana Aset Pajakan dan tertakluk kepada penunaian obligasi Penaja di bawah dokumen ini dan di bawah apa-apa Dokumen Urus niaga, amaun dalam Akaun Deposit Sekuriti yang berhubung kait dengan Deposit Sekuriti di bawah Perjanjian Pajak itu dan semua untung yang timbul daripadanya hendaklah dilepaskan daripada caj itu.

### **10.10 PERJANJIAN AGENSI PERKHIDMATAN**

Perjanjian Agensi Perkhidmatan diikat oleh Pemegang Amanah dan Penaja sebagai sebahagian daripada obligasi di bawah Perjanjian Pajak yang engannya Penaja dilantik sebagai ejen perkhidmatan Pemegang Amanah berdasarkan prinsip Syariah wakalah yang di dalamnya Penaja bertanggungjawab membantu Pemegang Amanah menjalankan dan melaksanakan semua penyelenggaraan utama yang bukan sebahagian daripada penyelenggaraan dan pemberian biasa di bawah Perjanjian Pajak berhubung dengan Aset Hartanah dan mengambil Takaful yang berkaitan bagi Aset Hartanah untuk dan bagi pihak Pemegang Amanah.

Penaja bertanggungjawab ke atas pembayaran semua jumlah yang perlu dibayar kepada mana-mana pihak, yang timbul daripada penyelenggaraan utama termasuk, tanpa had, semua premium Takaful, wang keluar, denda dan penalti.

Tarikh kuat kuasa Perjanjian Agensi Perkhidmatan ialah tarikh kuat kuasa Perjanjian Pajak bagi setiap Aset Pajakan dan akan terus berkuat kuasa sehingga tamat tempoh Perjanjian Pajak untuk Aset Pajakan tersebut.

Penaja berjanji dengan Pemegang Amanah bahawa sambil membantu Pemegang Amanah menjalankan dan melaksanakan semua penyelenggaraan utama dalam Tempoh Pajakan, ia akan melaksanakan obligasinya berhubung dengan penyelenggaraan Aset Pajakan menurut terma Perjanjian Pajak dan bahawa ia akan mengambil dan mengekalkan Takaful seperti biasa berhubung dengan Aset Pajakan agar tidak luput menurut syarat Perjanjian Pajak. Semua premium berhubung dengan Takaful tersebut hendaklah dibayar oleh Penaja.

Wakil Pemegang Amanah berhubung dengan apa-apa obligasi dan/atau tanggungjawabnya di bawah Perjanjian Agensi Perkhidmatan ialah Pengurus atau pihak lain yang tertentu seperti yang akan dimaklumkan oleh Pemegang Amanah kepada Penaja secara bertulis.

Jumlah Caj Perkhidmatan yang perlu dibayar oleh Pemegang Amanah di bawah Perjanjian Agensi Perkhidmatan adalah bersamaan dengan Sewa Tambahan yang perlu dibayar oleh Penaja menurut Perjanjian Pajak dan dengan itu Pemegang Amanah akan membayar balik kepada Penaja Jumlah Caj Perkhidmatan bagi tahun sebelumnya, yang amanunya akan ditolak selesai daripada Sewa Tambahan pada tarikh bayaran Sewa Pajakan pada bulan pertama setiap tahun pajakan.

Jika mana-mana Perjanjian Pajak tidak diperbaharui atau ditamatkan dan Penaja membeli pemunyaan benefisial Aset Pajakan yang berkaitan, Penaja hendaklah membayar Caj Perkhidmatan terakru bagi tahun sebelumnya berserta Harga Terlaksana.

Tanpa menyentuh yang di atas, amaun yang bersamaan dengan Sewa Tambahan yang akan dibayar oleh Penaja (sebagai penerima pajak) kepada Pemberi Pajak sebagai (atau sebagai sebahagian daripada apa-apa) sewa menurut Perjanjian Pajak; atau Jumlah Caj Perkhidmatan yang perlu dibayar sebagai sebahagian daripada apa-apa Harga Terlaksana; akan ditolak selesai daripada Jumlah Caj Perkhidmatan yang akan dibayar oleh Pemegang Amanah kepada Penaja.

Bagi tujuan mematuhi keperluan Syariah, Perjanjian Agensi Perkhidmatan baharu akan dilaksanakan setiap kali pemunyaan benefisial Aset Hartanah baharu diperoleh.

## **11. KELULUSAN DAN PENEPIAN**

---

### **11.1 KELULUSAN DAN SYARAT**

Dalam suratnya yang bertarikh 15 Oktober 2010 dan 10 Jun 2024, SC telah memberitahu bahawa SAC tidak mempunyai sebarang halangan ke atas struktur Dana.

Walau bagaimanapun dengan perkara tersebut di atas, SAC telah mencadangkan seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Butir-butir</b>	<b>Status pematuhan</b>
(i)	Tanda Aras Islam yang berpatutan hendaklah digunakan bagi tujuan penanda aras prestasi; dan	Dipatuhi. Dijelaskan dalam Seksyen 2.7 Prospektus ini
(ii)	Jika Penaja menerima apa-apa amaun yang timbul akibat pembayaran lewat bagi sewa daripada Perjanjian Pajak yang sedia ada yang ditandatangani antara Penaja dengan penyewa yang sedia ada, Penaja hendaklah menderma amaun yang diterima itu kepada badan amal seperti yang ditentukan oleh panel penasihat Syariah untuk Dana	Dipatuhi
(iii)	Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau variasi kepada struktur yang telah diserahkan, perkara tersebut harus dimaklumkan kepada SC untuk pertimbangan	Perhatian telah diberi dan akan dipatuhi jika sekiranya terdapat sebarang perubahan atau variasi pada struktur Dana

SC, menerusi suratnya bertarikh 12 November 2010 meluluskan penubuhan Dana. Syarat-syarat yang dikenakan oleh SC dalam suratnya bertarikh 12 November 2010, 25 November 2010 dan 10 Jun 2024 dan status pematuhannya adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Butir-butir syarat-syarat yang dikenakan</b>	<b>Status Pematuhan</b>
(i)	Pengurus dan Pemegang Amanah mesti memastikan bahawa polisi, proses dan prosedur pengurusan kecairan Penaja boleh memuaskan tahap kecairan yang diperlukan pada setiap masa untuk mempermudahkan pembelian balik Unit-unit oleh para pelabur  Polisi, proses dan prosedur pengurusan kecairan Penaja dan pengawasan fungsi-fungsi pengurusan kecairan oleh Pengurus dan Pemegang Amanah, mesti disertakan di dalam semakan audit operasi, sebagaimana yang ditetapkan dalam keputusan SC dalam surat bertarikh 12 November 2010, dan tertakluk kepada semakan audit tahunan. Perlantikan juruaudit dan bidang kerja hendaklah tertakluk kepada kebenaran SC	Dipatuhi
(ii)	Walau bagaimanapun polisi, proses dan prosedur pengurusan kecairan, adalah menjadi hak SC untuk mengenakan keperluan kecairan yang lebih tinggi dari masa ke semasa, jika dianggap sesuai	
(iii)	Dana mesti mengagihkan pendapatan pajakan terakru kepada Pemegang-pemegang Unit yang Unit-unit mereka wajib diambil alih oleh Penaja tanpa mengira tarikh pengagihan  Pengurus hendaklah memastikan pendapatan dari pajakan disalurkan kepada Pemegang-pemegang Unit setiap tahun	Perhatian telah diberi dan akan dipatuhi jika sekiranya terjadi mana-mana ambil alih yang wajib  Dipatuhi

## **11. KELULUSAN DAN PENEPIAN (*Bersambung*)**

---

- (iv) Pengurus hendaklah memberitahu dengan jelas Dipatuhi. menerusi prospektus bahawa:
- Dana adalah dana yang disokong harta tanah, dan bukan dana berkaitan harta tanah; dan
  - Pemegang-pemegang Unit tidak akan terlibat dalam keuntungan modal atas aset-aset pajakan dan tidak juga terdedah kepada kerugian modal jika harga aset-aset pajakan jatuh
- Sila rujuk Seksyen 2 di bawah Kategori Dana Dipatuhi. Dijelaskan dalam Seksyen 2.1 dan 2.3.3 Prospektus ini
- (v) Pengurus hendaklah menyerahkan laporan audit operasi Dana kepada SC dalam masa 6 bulan selepas Dana dilancarkan. Perlantikan juruaudit dan bidang kerja hendaklah tertakluk kepada kebenaran SC Dipatuhi\*
- (vi) Pengurus mesti melancarkan Dana dalam masa 6 bulan dari tarikh surat keputusan. Kelulusan SC dianggap telah luput jika Pengurus gagal melakukannya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan Dipatuhi. Dana telah dilancarkan pada 29 November 2010

*Nota\*: Laporan audit operasi bagi operasi Dana telah diserahkan oleh syarikat pengurusan Dana yang terdahulu.*

SC, menerusi suratnya bertarikh 10 Jun 2024 meluluskan permohonan Pengurus untuk bertindak sebagai syarikat pengurusan bagi dana unit amanah. Syarat yang dikenakan oleh SC dalam suratnya bertarikh 10 Jun 2024 dan status pematuhanya adalah seperti berikut:

<b>No.</b>	<b>Butir-butir syarat-syarat yang dikenakan</b>	<b>Status pematuhan</b>
(i)	Pengurus perlu mengemukakan laporan audit operasi Pengurus kepada SC dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh kuat kuasa perlantikan Pengurus sebagai syarikat pengurusan Dana. Perlantikan juruaudit dan bidang kerja hendaklah tertakluk kepada kebenaran SC.	Perhatian telah diberi dan akan dipatuhi dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh kuat kuasa perlantikan Pengurus sebagai syarikat pengurusan Dana.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **11. KELULUSAN DAN PENEPIAN (*Bersambung*)**

### **11.2 PENEPIAN**

Menerusi surat bertarikh 12 November 2010 dan 26 Mac 2014, SC telah memberi kelulusan kepada pengecualian yang diminta dari beberapa fasal Garis Panduan seperti berikut:

<b>FASAL</b>	<b>BUTIR-BUTIR</b>	<b>KENYATAAN</b>
(i) <b><u>Penilaian dan Letak Harga</u></b>		
Fasal 3.23 <sup>1</sup>	Sebuah syarikat pengurusan hendaklah mengambil semua langkah-langkah yang wajar dan melaksanakan segala usaha untuk memastikan bahawa dana dan unit-unit dana adalah dinilai dan diletakkan harga yang betul, selaras dengan peruntukan-peruntukan Bab 10 dan Jadual B Garis Panduan, Surat Ikatan, dan Prospektus	Pengecualian diberi untuk Unit Dana diurus niagakan pada RM1.00 setiap unit
Fasal 10.31 dan Jadual B <sup>2</sup>	Untuk menentukan NAV bagi setiap unit dana, satu penilaian semua aset dan liabiliti dana perlu dilaksanakan dengan saksama dan tepat. Penilaian hendaklah dilakukan berdasarkan satu proses yang digunakan secara konsisten dan membawa kepada penilaian yang boleh disahkan secara objektif dan bebas.	
Fasal 10.32 <sup>3</sup>	Titik masa penilaian bagi sebuah dana mesti dibuat sekurang-kurangnya sekali setiap hari urusan perniagaan	
Fasal 10.36 <sup>4</sup>	Apabila satu penilaian disempurnakan, pemegang amanah hendaklah dengan serta merta diberitahu mengenai NAV bagi setiap unit dana.	Pengecualian diberi bagi penilaian Dana supaya berdasarkan VOF pada kos. Ini adalah kerana Unit-unit dijual pada harga tetap RM1.00 setiap Unit

Mengikut semakan semula Garis Panduan pada 28 November 2022, fasal-fasal tersebut hendaklah dibaca seperti berikut:

<sup>1</sup> Fasal 8.33 – Sebuah syarikat pengurusan hendaklah memastikan bahawa dana dan unit-unit dana adalah dinilai dan diletakkan harga yang betul secara berkala, selaras dengan keperluan Bab ini dan Jadual C dalam Garis Panduan ini, surat ikatan dan prospektus.

<sup>2</sup> Fasal 8.34 dan Jadual C – Untuk menentukan NAV bagi dana, satu penilaian semua aset dan liabiliti dana mesti dilaksanakan dengan saksama dan tepat. Penilaian mestilah dilakukan berdasarkan satu proses yang digunakan secara konsisten dan membawa kepada penilaian yang boleh disahkan secara objektif dan bebas.

<sup>3</sup> Fasal 8.35 – Aset-aset dana mestilah dinilai secara berkala dan dalam keadaan apa pun, pada hari-hari berurusan dana mengikut surat ikatan.

<sup>4</sup> Fasal 8.37 – Apabila satu penilaian disempurnakan, pemegang amanah mestilah dengan serta merta diberitahu mengenai NAV bagi setiap unit dana.

## 11. KELULUSAN DAN PENEPIAN (*Bersambung*)

FASAL	BUTIR-BUTIR	KENYATAAN
Fasal 10.37 <sup>5</sup>	Harga unit dana hendaklah NAV setiap unit dana.	Pengecualian diberi bagi penilaian Dana supaya berasaskan VOF pada kos. Ini adalah kerana Unit-unit dijual pada harga tetap RM1.00 setiap Unit
Fasal 10.38 <sup>6</sup>	Mana-mana urusan dalam unit-unit dana hendaklah pada harga yang berupa NAV setiap unit dana sebagaimana ianya pada titik masa penilaian selepas permintaan untuk jual atau beli balik unit diterima oleh syarikat pengurusan (harga ke hadapan)	
(ii) <b><u>Penerbitan Harga Se Unit</u></b>		Pengecualian diberikan kepada Dana kerana harga Unit Dana ditetapkan pada RM1.00 setiap Unit
Fasal 10.51 <sup>7</sup>	Sebuah syarikat pengurusan dikehendaki menerbitkan harga unit dana setiap hari dalam sekurang-kurangnya satu akhbar nasional Bahasa Malaysia dan satu akhbar nasional Bahasa Inggeris	
Fasal 10.52 <sup>8</sup>	Terbitan harga dana hendaklah pada harga setiap unit terbaru dihitung pada hari tersebut, sebelum akhbar berkaitan berhenti menerima bahan untuk penerbitan bagi edisi akan datang.	
(iii) <b><u>Kuasa Pelaburan: AM</u></b>		
Fasal 8.07 <sup>9</sup>	Harta-harta Dana hanya boleh meliputi, kecuali diperuntukan sebaliknya dalam Garis Panduan Amanah Unit, dari yang berikut:	Pengecualian diberikan kepada Dana
	(a) Sekuriti yang boleh dipindahkan;	
	(b) Tunai, deposit dan instrumen pasaran wang;	

Mengikut semakan semula Garis Panduan pada 28 November 2022, fasal-fasal tersebut hendaklah dibaca seperti berikut:

<sup>5</sup> Fasal 8.32 – Harga unit dana mestilah NAV setiap unit dana.

<sup>6</sup> Fasal 8.39 – Mana-mana urusan dalam unit-unit dana mestilah pada harga ke hadapan atau harga sejarah.

<sup>7</sup> Fasal 8.41 – Sebuah syarikat pengurusan mesti menerbitkan harga unit dana sekurang-kurangnya sekali pada setiap hari urus niaga.

<sup>8</sup> Fasal 10.52 telah dikeluarkan dalam semakan semula Garis Panduan pada 28 November 2022.

<sup>9</sup> Fasal 6.05 – Aset-aset dana hanya boleh meliputi, kecuali diperuntukan sebaliknya dalam Garis Panduan ini, dari yang berikut: (a) Sekuriti yang boleh dipindahkan; (b) Instrumen pasaran wang; (c) Deposit dengan institusi kewangan; (d) Unit atau saham dalam skim pelaburan terkumpul; (e) Derivatif; dan (f) Sekuriti selain dari (a) dan (d), dan akaun pelaburan selain dari (b). Untuk tujuan Garis Panduan ini, instrumen kewangan ini dirujuk sebagai 'lain-lain sekuriti'.

**11. KELULUSAN DAN PENEPIAN (Bersambung)**

FASAL	BUTIR-BUTIR	KENYATAAN
	(c) Unit/saham skim pelaburan terkumpul; (d) Derivatif	
(iv) <b><u>Fi Pengurusan dan Fi Pemegang Amanah</u></b>		
Fasal 9.09 <sup>10</sup>	Fi mesti diakrukan seharian dan dikira berdasarkan NAV dana. Jumlah hari dalam setahun hendaklah digunakan dalam mengira fi yang diakru	Kepelbagaian diberi kepada Dana untuk mengira fi pengurusan tahunan berdasarkan VOF
(v) <b><u>Pemegangan Unit oleh syarikat pengurusan</u></b>		
Fasal 3.32 <sup>11</sup>	Sebuah syarikat pengurusan atau penama-penamanya tidak boleh memegang mana-mana unit dana, selain dari apabila mematuhi permintaan pembelian balik dan/atau dalam membentuk unit-unit baru untuk memenuhi permintaan yang diharapkan untuk unit oleh para pelabur (kotak 'pengurus'), tertakluk kepada jumlah maksima:  (a) Tiga (3) juta unit; atau (b) 10% dari unit dalam edaran, yang mana satu lebih rendah.	Pengecualian diberikan kepada Pengurus untuk memegang lebih dari 3 juta Unit atau 10% dari Unit-unit dalam edaran, yang mana lebih rendah untuk maksud pemasaran.
(vi) <b><u>Pengagihan Pendapatan</u></b>		
Fasal 11.18 (b) <sup>12</sup>	Dimana pengagihan dibuat, syarikat pengurusan hendaklah menghantar penyata yang memberi butir-butir sifat (samada dalam bentuk tunai atau unit sebagai ganti tunai, dan jumlah pendapatan yang diagihkan kepada setiap pemegang unit. Penyata tersebut mestilah menyertakan NAV setiap unit sebelum dan berikutnya, pengagihan tersebut.	Pengecualian diberikan kepada Pengurus untuk tidak mendedahkan NAV setiap Unit sebelum dan berikutnya

Mengikut semakan semula Garis Panduan pada 28 November 2022, fasal-fasal tersebut hendaklah dibaca seperti berikut:

<sup>10</sup> Fasal 7.12 – Fi mestilah diakrukan seharian dan dikira berdasarkan NAV dana. Jumlah hari dalam setahun hendaklah digunakan dalam mengira fi yang diakru.

<sup>11</sup> Fasal 3.32 telah dikeluarkan dalam semakan semula Garis Panduan pada 28 November 2022.

<sup>12</sup> Fasal 9.12(b) – Dimana pengagihan dibuat, syarikat pengurusan mestilah menghantar penyata yang memberi butir-butir sifat, samada dalam bentuk tunai atau unit sebagai ganti tunai, dan jumlah pendapatan yang diagihkan kepada setiap pemegang unit. Penyata tersebut mestilah menyertakan NAV setiap unit sebelum dan berikutnya, pengagihan tersebut.

**11. KELULUSAN DAN PENEPIAN (Bersambung)**

FASAL	BUTIR-BUTIR	KENYATAAN
	dalam bentuk tunai atau unit sebagai ganti tunai) dan jumlah pendapatan yang diagihkan kepada setiap pemegang unit. Penyata tersebut hendaklah menyertakan NAV setiap unit sebelum dan berikutnya, pengagihan tersebut.	pengagihan kerana Unit dijual pada harga tetap RM1.00 setiap Unit
(vii) <b><u>Kandungan Laporan Dana</u></b>	<p>Fasal 12.06<sup>13</sup></p> <p>Maklumat minima dan butir-butir yang mesti disertakan dalam laporan dana seperti yang ditetapkan dalam Jadual D Garis Panduan.</p>	<p>Memandangkan Unit-unit dijual pada harga tetap RM1.00 setiap unit dan pemunyaian benefisial Aset Pajakan akan dinilai pada Harga Terlaksana menurut Aku janji Jualan dan Aku janji Belian, pelepasan diberikan untuk membolehkan Pengurus dari terpaksa menjelaskan maklumat-maklumat tertentu dalam laporan yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) NAV Dana;</li> <li>(b) NAV setiap Unit;</li> <li>(c) NAV paling tinggi/ paling rendah;</li> <li>(d) Jumlah pulangan Dana, dan perincian pertumbuhan modal dan pengagihan pendapatan;</li> <li>(e) Kesan pengagihan pendapatan dan agihan tambahan berkenaan dengan NAV bagi setiap unit sebelum dan selepas pengagihan Analisa ke atas prestasi Dana berdasarkan NAV setiap Unit;</li> <li>(f) Analisa ke atas prestasi Dana berdasarkan NAV setiap Unit sebelum dan selepas perlaksanaan pemisahan unit;</li> <li>(g) NAV setiap Unit sebelum dan selepas perlaksanaan pemisahan unit;</li> <li>(h) Penyata Kunci Kira-kira;</li> <li>(i) Penyata Perubahan dalam NAV;</li> <li>(j) Nilai pasaran setiap pelaburan dalam peratusan jumlah nilai pasaran Dana; dan</li> </ul>

Mengikut semakan semula Garis Panduan pada 28 November 2022, fasal-fasal hendaklah dibaca seperti berikut:

<sup>13</sup> Fasal 10.06 – Maklumat minima dan butir-butir yang mesti disertakan dalam laporan dana seperti yang ditetapkan dalam Jadual E Garis Panduan.

**11. KELULUSAN DAN PENEPIAN (Bersambung)**

FASAL	BUTIR-BUTIR	KENYATAAN
		<p>(k) Komposisi portfolio pelaburan yang menunjukkan kuantiti yang dipegang, kos pelaburan, nilai pasaran pegangan masing-masing sebagai peratusan daripada NAV tetapi hanya mededahkan perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) Unit-unit dalam edaran;</li> <li>(b) Jumlah pulangan Dana berdasarkan pengagihan pendapatan;</li> <li>(c) Kos setiap pelaburan (dari portfolio pelaburan) sebagai peratusan jumlah kos Dana; dan</li> <li>(d) Nilai buku setiap pelaburan sebagai peratusan nilai buku Dana</li> </ul>

Melalui surat bertarikh 27 November 2014, SC telah memberi kelulusan untuk variasi untuk terma 1 (b) lampiran kepada surat SC bertarikh 25 November 2010 yang menyatakan bahawa pada penubuhan Dana, Penaja hendaklah memperuntukkan tiga puluh peratus (30%) daripada nilai nominal Unit (selain daripada Unit yang dipegang oleh Penaja) dalam akaun belian balik dalam bentuk wang tunai dan jumlah di dalam akaun pembelian semula bersama-sama dengan kemudahan kredit yang disediakan oleh Penaja hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada lima puluh peratus (50%) daripada nilai nominal Unit (selain daripada Unit yang dipegang oleh Penaja) tertakluk kepada syarat-syarat di bawah:

- (a) Pengurus dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pemegang Unit Dana yang sedia ada mengenai perubahan dalam rangka kerja pengurusan kecairan dan bagaimana perubahan ini akan memberi kesan kepada Pemegang Unit, sebelum Pengurus melaksanakan perubahan;
- (b) Pengurus untuk memasukkan penyataan jelas dalam Prospektus mengenai rangka kerja pengurusan kecairan yang dipinda; dan
- (c) Pengurus dan Pemegang Amanah hendaklah memastikan polisi, proses dan prosedur pengurusan kecairan Penaja dapat memenuhi tahap kecairan yang diperlukan pada setiap masa bagi memudahkan pembelian semula Unit oleh Pemegang Unit.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **12. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN / KEPENTINGAN BERCANGGAH**

---

### **12.1 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**

Selain daripada yang dinyatakan di bawah, tiada urus niaga pihak berkaitan yang sedia ada atau dicadangkan yang melibatkan Dana, Pengurus, Pemegang Amanah dan/atau orang-orang yang berkaitan dengan mereka setakat LPD:

<b>Nama Pihak</b>	<b>Nama Pihak Berkaitan dan Jenis Hubungan</b>	<b>Urus Niaga Pihak Berkaitan yang sedia ada / yang berpotensi</b>
Pengurus	Pelaburan Hartanah Berhad ("PHB")	<p>Syarikat Induk: Pengurus merupakan syarikat milik penuh PHB.</p> <p>Penaja: PHB merupakan penaja kepada Dana. PHB merupakan pemilik berdaftar Aset Hartanah iaitu bangunan-bangunan komersial, termasuk bangunan-bangunan pejabat, kompleks beli-belah, pusat-pusat komersial dan kompleks logistik dan perindustrian.</p> <p>Pewakil: Pengurus telah mewakilkan fungsi-fungsi pejabat belakang (iaitu kewangan, undang-undang, teknologi maklumat, pengurusan risiko, audit dalaman, komunikasi korporat, admin &amp; sumber manusia dan kesetiausahaan Syarikat) kepada PHB.</p>

### **12.2 KEPENTINGAN BERCANGGAH**

Kecuali sebagaimana yang didedahkan di Seksyen 12.4 di bawah, Pengurus tidak tahu akan mana-mana keadaan yang sedia atau besar kemungkinan ada yang membawa kepada kemungkinan keadaan kepentingan bercanggah dalam kedudukannya sebagai Pengurus Dana.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*

## **12. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN / KEPENTINGAN BERCANGGAH (*Bersambung*)**

---

### **12.3 POLISI MENGENDALI SITUASI KEPENTINGAN BERCANGGAH**

Pengurus telah memastikan terdapatnya polisi dan prosedur-prosedur untuk mengendalikan mana-mana keadaan kepentingan bercanggah. Dalam membuat sesuatu urus niaga pelaburan bagi pihak Dana, Pengurus tidak akan dengan tidak wajar menggunakan kedudukannya dalam menguruskan Dana untuk mendapat, secara langsung atau tidak langsung, mana-mana kelebihan atau mengakibatkan terjejasnya kepentingan-kepentingan Pemegang-pemegang Unit.

Setakat LPD, setahu Pengurus, tidak ada kejadian kepentingan bercanggah di pihak Pengurus. Di mana terdapatnya percanggahan atau kemungkinan kepentingan bercanggah telah dikenalpasti, perkara ini mesti dinilai oleh Jabatan Pematuhan Pengurus dan didedahkan kepada pengarah urusan/ketua pegawai eksekutif untuk tindakan selanjutnya. Keadaan kepentingan bercanggah melibatkan pengarah urusan/ketua pegawai eksekutif tersebut mesti didedahkan kepada Lembaga Pengurus untuk keputusan mengenai tindakan selanjutnya. Ahli-ahli jawatankuasa Pengurus yang menjalankan fungsi pengawasan Dana yang memegang saham yang besar atau menjadi pengarah di syarikat-syarikat yang memiliki Aset Pajakan hendaklah menahan diri dari membuat mana-mana keputusan jika Dana melabur dalam pemgunaan benefisial Aset Pajakan tersebut.

Pengurus telah merumus polisi-polisi dan menerima prosedur-prosedur tertentu untuk mengelak keadaan kepentingan bercanggah.

Ini termasuk seperti yang berikut:

- (i) Menerima penggunaan polisi-polisi Pengurus mengenai pemilikan saham dan stok di syarikat-syarikat berhad oleh kakitangan-kakitangan Pengurus. Polisi ini termasuk satu keperluan di mana semua pekerja menyerah pengisyiharan bertulis kepentingan mereka dalam sekuriti syarikat-syarikat berhad; menghalang pekerja-pekerja dari terlibat dalam perdagangan saham di pasaran saham, atau bagi tujuan melupuskan saham di syarikat-syarikat berhad yang disebut diambil alih menerusi sumber-sumber yang dibenarkan oleh syarikat, kecuali dengan kelulusan pengarah urusan/ketua pegawai eksekutif.
- (ii) Menetapkan had-had apabila menggunakan broker atau/dan institusi-institusi kewangan untuk mengendalikan pelaburan-pelaburan unit dana amanah;
- (iii) Tugas-tugas untuk membuat keputusan pelaburan, meningkatkan kemasukan perakaunan, dan membuat bayaran adalah diasingkan dengan wajarnya dan dijalankan oleh jabatan yang berlainan yang diketuai oleh orang-orang yang berlainan;
- (iv) Prosedur-prosedur pelaburan, tandatangan yang dibenarkan dan had-had yang dibenarkan telah didokumenkan dengan sewajarnya dalam polisi & prosedur Pengurus; dan
- (v) Mewujudkan pengasingan tugas yang berpatutan untuk mengelak keadaan-keadaan kepentingan bercanggah.

### **12.4 PENGISYIHARAN KEPENTINGAN BERCANGGAH**

- (i) ART telah mengesahkan bahawa tidak terdapat konflik kepentingan dalam kapasiti mereka untuk bertindak sebagai Pemegang Amanah Dana.
- (ii) Tetuan Wei Chien & Partners telah mengesahkan tidak terdapat konflik kepentingan dalam kapasiti mereka untuk bertindak sebagai peguam cara untuk Dana.
- (iii) Tetuan Mohamed Ridza & Co telah mengesahkan tidak terdapat konflik kepentingan dalam kapasiti mereka untuk bertindak sebagai peguam cara untuk Penaja.

## **12. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN / KEPENTINGAN BERCANGGAH (*Bersambung*)**

---

- (iv) Tetuan PwC telah mengesahkan bahawa tidak ada kepentingan bercanggah dalam kapasiti mereka sebagai penasihat percukaian Dana.
- (v) Tetuan Ernst & Young telah mengesahkan bahawa tidak ada kepentingan bercanggah dalam kapasiti mereka sebagai juruaudit Dana.
- (vi) Panel penasihat Syariah telah mengesahkan bahawa tidak ada konflik kepentingan dalam keupayaan mereka untuk bertindak sebagai Penasihat Syariah kepada Dana.

*[Bahagian muka surat selepas ini sengaja dikosongkan]*



**SURAT PENASIHAT CUKAI  
MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG UNIT**

**PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd**

Level 10, Menara TH 1 Sentral  
Jalan Rakyat  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur

**Lembaga Pengarah**

**PHB Asset Management Berhad**

(formerly known as Pengurusan Amanah Hartanah Berhad)

Level 6, Block E, Dataran PHB  
Saujana Resort, Section U2  
40150 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

14 Mei 2024

**CUKAI AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA DAN PEMEGANG UNIT**

Untuk Perhatian Pihak Tuan,

Surat ini telah disediakan untuk disertakan dalam prospektus penggantian bertarikh 1 Julai 2024 ("Prospektus") berhubung dengan tawaran unit dalam Amanah Hartanah Bumiputera ("Dana").

Cukai pendapatan bagi kedua-dua Dana dan pemegang unit adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967 ("Akta"). Peruntukan yang berkaitan adalah sebagaimana yang terkandung dalam Seksyen 61 Akta yang menyatakan secara khusus mengenai pencukaian badan amanah di Malaysia.

**PENCUKAIAN DANA**

Dana ini dianggap sebagai pemastautin untuk tujuan cukai pendapatan Malaysia memandangkan pemegang amanah bagi Dana ini adalah pemastautin di Malaysia.

**(1) Pelaburan Domestik**

**(i) Pencukaian Pendapatan**

Pendapatan Dana yang terdiri daripada faedah/keuntungan<sup>1</sup> (selain daripada faedah/keuntungan<sup>1</sup> yang dikecualikan daripada cukai) dan lain-lain pendapatan pelaburan yang terbit daripada atau terakru di Malaysia, selepas ditolak perbelanjaan yang dibenarkan cukai, adalah dikenakan cukai pendapatan Malaysia pada kadar 24%.

---

<sup>1</sup> Di bawah Seksyen 2 (7) Akta Cukai Pendapatan 1967, rujukan mengenai faedah hendaklah terpakai, *mutatis mutandis*, kepada laba atau keuntungan yang diterima dan perbelanjaan yang dilakukan sebagai ganti faedah dalam transaksi yang dilakukan mengikut prinsip Syariah.

---

*PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd (464731-M),  
Level 10, Menara TH 1 Sentral, Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral, P.O. Box 10192, 50706 Kuala Lumpur,  
Malaysia  
T: +60 (3) 2173 1188, F: +60 (3) 2173 1288, [www.pwc.com/my](http://www.pwc.com/my)*

### **13. SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG UNIT (Bersambung)**

---



Berkuat kuasa dari 1 Januari 2024, keuntungan daripada penjualan pelaburan saham tidak tersenarai dalam syarikat yang diperbadankan di Malaysia termasuk saham dalam syarikat harta tanah<sup>2</sup>, jika berkenaan, akan tertakluk kepada Cukai Keuntungan Modal (“CGT”) seperti berikut bergantung pada tarikh pemerolehan pelupusan saham:-

Tarikh Perolehan	Kadar CGT
Sebelum 1 Januari 2024	Pemegang boleh memilih: i. 10% atas keuntungan bersih; atau ii. 2% pada nilai jualan kasar
Mulai 1 Januari 2024	10% atas keuntungan bersih

#### **(ii) Dividen dan Pendapatan Lain yang Dikecualikan**

Semua syarikat telah menggunakan sistem satu peringkat. Ini bermakna dividen yang diterima akan dikecualikan cukai dan perbelanjaan yang dilakukan ke atas dividen tersebut tidak akan diambil kira. Tiada lagi bayaran balik cukai yang tersedia bagi dividen satu peringkat yang diterima. Dividen yang diterima daripada syarikat di bawah sistem satu peringkat akan dikecualikan.

Dana juga boleh menerima dividen yang dikecualikan cukai seperti dividen yang diterima daripada syarikat yang pernah atau sedang menikmati insentif cukai. Pendapatan daripada dividen yang dikecualikan tersebut tidak akan dikenakan cukai.

Faedah atau keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan berikut adalah dikecualikan daripada cukai:

- (a) Sekuriti atau bon yang diterbit atau dijamin oleh Kerajaan Malaysia;
- (b) Debentur<sup>3</sup> atau sukuk selain stok pinjaman boleh tukar yang diluluskan atau dibenarkan oleh, atau diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- (c) Bon Simpanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.
- (d) Faedah atau keuntungan dibayar atau dikreditkan oleh bank atau institusi kewangan yang dilesekan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan
- (e) Faedah atau keuntungan dibayar atau dikreditkan oleh institusi kewangan pembangunan yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002;

Pengecualian termasuk:

- Pendapatan yang diterima akan dikecualikan cukai dengan syarat pelaburan dalam produk berstruktur dianggap sebagai “debentur” di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Jika tidak, implikasi cukai boleh berlaku.
- Berkuat kuasa 1 Januari 2019, pengecualian cukai untuk (d) dan (e) tidak lagi terpakai kepada dana pasaran wang borong.
- Dana pasaran wang runcit (“RMMF”) akan terus menikmati pengecualian cukai untuk (d) dan (e), berkuat kuasa 1 Januari 2022, cukai pegangan akan dikenakan ke atas pengagihan pendapatan tersebut oleh RMMF kepada pemegang unit bukan individu.

<sup>2</sup> Syarikat harta tanah adalah syarikat terkawal yang memiliki atau membeli harta tanah atau saham dalam syarikat harta tanah dengan nilai pasaran tidak kurang 75% daripada nilai jumlah aset ketara syarikat. Syarikat terkawal adalah syarikat yang mempunyai pemegang saham tidak melebihi 50 orang dan dikawal oleh tidak lebih 5 orang.

<sup>3</sup> Produk berstruktur yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dianggap sebagai “debentur” di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007 dan termasuk dalam skop pengecualian.

## **13. SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG UNIT (Bersambung)**

---



### **(2) Perbelanjaan Boleh Ditolak untuk Tujuan Cukai**

Perbelanjaan secara menyeluruh dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan kasar adalah dibenarkan untuk ditolak di bawah Seksyen 33(1) Akta. Selain itu, Seksyen 63B Akta memperuntukkan penolakan cukai berkaitan imbuhan pengurus, perbelanjaan penyelenggaraan daftar pemegang unit, perbelanjaan pendaftaran saham, fi kesetiausahaan, audit dan perakaunan, caj telefon, kos pencetakan dan alat tulis serta bayaran pos mengikut formula yang tertakluk kepada kadar minimum 10% dan kadar maksimum 25% daripada jumlah perbelanjaan.

### **(3) Cukai Keuntungan Harta Tanah (“CKHT”)**

Sebarang keuntungan daripada pelupusan pelaburan harta tanah akan tertakluk kepada CKHT seperti berikut:-

Tempoh pelupusan	Kadar CKHT
Dalam tempoh tiga tahun	30%
Dalam tahun keempat	20%
Dalam tahun kelima	15%
Dalam tahun keenam dan seterusnya	10%

### **(4) Pengecualian Khusus Kementerian**

#### **(i) Pengecualian Cukai Pendapatan**

Menurut surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 13 Mei 2024, Dana telah diberikan pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 127(3A) Akta ke atas semua pendapatan yang diterima bagi untuk tempoh 5 tahun bermula dari tahun-tahun taksiran 2025 hingga 2029.

Pendapatan dikecualikan cukai pada peringkat Dana juga akan dikecualikan cukai apabila diagihkan kepada pemegang unit.

#### **(ii) Pengecualian Duti Setem**

Menurut surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan bertarikh 11 Januari 2011, Dana telah diberikan pengecualian duti setem di bawah Seksyen 80(1A) Akta Setem 1949 bagi perjanjian tertentu yang dilaksanakan di antara Pelaburan Hartanah Berhad dan pemegang amanah Dana.

### **(5) Cukai Jualan dan Perkhidmatan (“CJP”)**

CJP diperkenalkan semula untuk menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (“CBP”). Kedua-dua Akta Cukai Jualan 2018 dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 telah diwartakan pada 28 Ogos 2018. Kadar cukai jualan adalah tiada, 5%, 10% atau kadar yang tertentu manakala kadar cukai perkhidmatan adalah 8% berkuat kuasa 1 Mac 2024 untuk semua perkhidmatan bercukai yang ditetapkan, kecuali perkhidmatan bercukai tertentu iaitu, perkhidmatan makanan dan minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan tempat letak kereta dan perkhidmatan logistik yang kekal pada 6%.

Cukai jualan akan dikenakan ke atas barang kilangan tempatan atau yang diimport ke dalam Malaysia, melainkan dikecualikan secara khusus oleh Menteri. Manakala hanya perkhidmatan bercukai tertentu

### **13. SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG UNIT (Bersambung)**

---



yang disediakan oleh orang kena cukai tertentu akan dikenakan cukai perkhidmatan. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan adalah dikenakan sekali sahaja (seperingkat). Oleh itu, CJP yang ditanggung secara amnya akan menjadi kos tidak boleh pulih kepada perniagaan.

Dana sebagai satu penggerak pelaburan kolektif secara umumnya tidak akan dikenakan cukai perkhidmatan.

Perkhidmatan pembrokeran, profesional, perundingan atau pengurusan tertentu yang diperoleh oleh Dana mungkin dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6%. Walau bagaimanapun, perkhidmatan pengurusan dana dan perkhidmatan amanah dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.

Berkuat kuasa 1 Januari 2019, cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai yang diperoleh oleh mana-mana perniagaan di Malaysia daripada penyedia perkhidmatan bukan warganegara. Ini bermakna Dana, sebagai orang tidak dikenakan cukai yang memperoleh perkhidmatan bercukai yang diimport (jika ada) perlu mengisyiharkan perkhidmatan tersebut melalui penyerahan pengisyiharan yang ditetapkan, iaitu Borang SST-o2A kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Berkuat kuasa 1 Januari 2020, cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital telah dilaksanakan pada kadar 6%. Di bawah cukai perkhidmatan ini, penyedia perkhidmatan asing yang menjual perkhidmatan digital kepada pengguna Malaysia dikehendaki mendaftar dan mengenakan cukai perkhidmatan. Perkhidmatan digital ditakrifkan sebagai perkhidmatan yang disediakan atau dilanggar melalui internet atau rangkaian elektronik lain, tidak boleh diberikan tanpa penggunaan IT dan pelaksanaan perkhidmatan tersebut adalah secara automatik.

Penyediaan perkhidmatan digital oleh penyedia perkhidmatan tempatan juga telah ditetapkan sebagai perkhidmatan bercukai berkuat kuasa 1 Januari 2020. Oleh itu, apabila Dana memperoleh mana-mana perkhidmatan digital yang ditetapkan, perkhidmatan tersebut mungkin tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 8%.

#### **PENCUKAIAN PEMEGANG UNIT**

Pemegang Unit akan dikenakan cukai ke atas amaun yang setara dengan bahagian mereka daripada jumlah pendapatan Dana bercukai setakat pengagihan yang diterima daripada Dana. Pengagihan pendapatan ini akan membawa kredit cukai berhubung dengan cukai yang dibayar oleh Dana. Pemegang Unit berhak untuk menggunakan kredit cukai terhadap cukai yang perlu dibayar atas pengagihan pendapatan yang diterima oleh mereka. Secara amnya, tiada pegangan cukai tambahan akan dikenakan ke atas pengagihan pendapatan daripada Dana; selain Dana ialah RMMF yang mana cukai pegangan terpakai ke atas pengagihan pendapatan kepada pemegang unit bukan individu, daripada faedah atau pendapatan keuntungan yang dibayar atau dikreditkan oleh institusi kewangan berlesen kepada RMMF yang dikecualikan cukai di bawah Perenggan 35A Jadual 6 di RMMF.

Individu dan Pemegang Unit bukan korporat lain yang bermastautin di Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan di antara kadar 1%<sup>4</sup> hingga 30%. Individu dan Pemegang Unit bukan korporat lain yang tidak bermastautin di Malaysia akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 30%. Kredit cukai berkaitan pengagihan pendapatan ini boleh digunakan terhadap liabiliti cukai Pemegang Unit.

<sup>4</sup> Kadar cukai individu pemastautin telah dikurangkan sebanyak 1% (dari 14 peratus kepada 13 peratus) untuk kumpulan pendapatan bercukai RM50,001 sehingga RM70,000.

<sup>5</sup> Kadar cukai individu pemastautin telah dinaikkan kepada 30% bagi pendapatan bercukai melebihi RM2,000,000.

### **13. SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG UNIT (Bersambung)**

---



Pemegang Unit Korporat berstatus pemastautin<sup>6</sup> dan bukan pemastautin secara amnya akan dikenakan cukai pendapatan pada kadar 24% ke atas pengagihan pendapatan yang diterima daripada Dana. Kredit cukai berkaitan pengagihan pendapatan ini boleh digunakan terhadap cukai yang perlu dibayar oleh Pemegang Unit.

Pemegang Unit bukan pemastautin juga mungkin akan dikenakan cukai di negara masing-masing. Cukai Malaysia yang dikenakan mungkin dapat dikreditkan di negara asing bergantung kepada peruntukan undang-undang cukai yang berkenaan dan Perjanjian Pengelakan Penukaian Dua Kali dengan Malaysia.

Bagi pemegang Unit korporat pemastautin, cukai pegangan bukanlah merupakan cukai yang muktamad. Pemegang Unit korporat pemastautin perlu tertakluk kepada pendapatan faedah atau keuntungan<sup>7</sup> yang diagihkan daripada RMMF yang dikecualikan cukai di bawah Perenggan 35A Jadual 6 kepada cukai dalam penyata cukai pendapatannya dan kredit cukai yang dilampirkan iaitu 24% cukai pegangan yang ditanggung akan tersedia untuk tolakan terhadap cukai yang dikenakan ke atas pemegang Unit korporat pemastautin. Bagi pemegang Unit Korporat bukan pemastautin pula, 24% cukai pegangan ke atas pendapatan faedah atau keuntungan<sup>7</sup> yang diagihkan daripada RMMF yang dikecualikan cukai di bawah Perenggan 35A Jadual 6 adalah cukai muktamad.

Bagi pemegang unit Korporat bukan pemastautin, 24% cukai pegangan ke atas pendapatan yang diagihkan daripada pendapatan faedah atau keuntungan RMMF yang dikecualikan di bawah Perenggan 35A Jadual 6, adalah cukai muktamad.

Sebarang keuntungan yang direalisasikan oleh Pemegang Unit (selain daripada urus niaga dalam sekuriti atau syarikat yang lazimnya membeli dan menjual pelaburan) atas penjualan atau penebusan Unit dianggap sebagai keuntungan modal dan tidak akan dikenakan cukai pendapatan. Layanan cukai ini akan merangkumi keuntungan dalam bentuk tunai atau pengagihan baki jika berlaku pembubaran Dana.

---

<sup>6</sup> Syarikat pemastautin dengan modal berbayar bagi saham biasa berjumlah RM2.5 juta dan ke bawah dan mempunyai jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta akan membayar cukai pada kadar 17 peratus untuk RM600,000 pertama pendapatan berukai dengan bakinya dikenakan cukai pada kadar 24%.

Perkara di atas tidak akan berlaku sekiranya lebih daripada -

- (a) 50% modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat berkaitan;
- (b) 50% modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat berkaitan dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang disebut di atas;
- (c) 50% modal berbayar berkenaan dengan saham biasa syarikat yang disebut di atas dan syarikat berkaitan tersebut dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain.

"Syarikat berkaitan" bermaksud syarikat yang mempunyai modal berbayar berkenaan dengan saham biasa yang melebihi RM2.5 juta pada awal tempoh asas untuk TT.

**13. SURAT PENASIHAT CUKAI MENGENAI CUKAI DANA DAN PEMEGANG UNIT  
(Bersambung)**

---



Kami dengan ini mengesahkan bahawa kenyataan yang dibuat dalam laporan ini menggambarkan pemahaman kami mengenai kedudukan cukai di bawah perundangan cukai semasa Malaysia. Ulasan yang kami berikan di atas adalah secara umum serta merangkumi konteks undang-undang cukai Malaysia sahaja dan tidak merangkumi undang-undang cukai negara asing. Ulasan kami bukan merupakan nasihat khusus kepada mana-mana pelabur dan kami mengesyorkan agar pelabur mendapatkan nasihat bebas mengenai isu-isu cukai yang berkait dengan pelaburan mereka dalam Dana.

Yang benar,  
Bagi pihak PRICEWATERHOUSECOOPERS TAXATION SERVICES SDN BHD

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Lorraine Yeoh".

Lorraine Yeoh  
Partner

PricewaterhouseCoopers Taxation Services Sdn Bhd telah memberi persetujuan bertulis untuk memasukkan laporan mereka sebagai Penasihat Cukai dalam bentuk dan konteks yang terdapat dalam Prospektus Penggantian bertarikh 1 Julai 2024 dan tidak, sebelum tarikh pengeluaran Prospektus, ditarik balik persetujuan sedemikian.

#### 14. PENDAPAT UNDANG-UNDANG OLEH MOHAMED RIDZA & CO MEGENAI KEBOLEHKUATKUASAAN DOKUMEN URUS NIAGA



Commissioner for Oaths  
Syarie Counsel

Rujukan Tuan: Sila Maklum  
Rujukan Kami: 202400490/NA/NAO/SN

21 Mei 2024

SERAHAN TANGAN

**PARTNERS**  
MOHAMED RIDZA ABDULLAH,  
MOHAMAD NAZRAN BASIRUN  
NASEEM MOHAMED ABDULLA  
NUR ADILA QIWAR

**Head of Special Projects**  
Thariq Abdullah

**Senior Associates**  
Shazana Abdul Aziz  
Siti Norafiqah Hassanor

**Associates**  
Aimi Nadirah Ahmad Zulkifi  
Muhammad Akhil Mohamed Ridza  
Muhammad Ridzuan Mohd Razif  
Iridina Mohamed Damshah  
Wiw Zhong Heng  
Nur Fairqah Nadira Mohamad Faithal

**PHB ASSET MANAGEMENT BERHAD**  
(dahulunya dikenali sebagai Pengurusan Amanah Hartanah Berhad)  
Tingkat 6, Block E, Dataran PHB  
Saujana Resort, Section U2  
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

**AMANAHRAYA TRUSTEES BERHAD**  
(sebagai Pemegang Amanah bagi Amanah Hartanah Bumiputera)  
Tingkat 11, Wisma AmanahRaya  
No. 2, Jalan Ampang  
50508 Kuala Lumpur.

Tuan/Puan,

#### **AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA ("AHB" ATAU "DANA") - PENDAPAT UNDANG-UNDANG BERKENAAN DENGAN KEBOLEHKUATKUASAAN DOKUMEN TRANSAKSI**

Kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami telah diminta untuk memberikan pendapat tentang kesahihan dan kebolehkuatkuasaan Dokumen Transaksi (seperti yang ditakrifkan di bawah ini) berkaitan dengan Dana, untuk dimasukkan dalam prospektus gantian bertarikh 1 Julai 2024 ("Prospektus Penggantian").

Melainkan jika konteksnya memerlukan atau ditakrifkan secara khusus di sini, perkataan dan ungkapan yang dinyatakan dalam Prospektus Penggantian akan mempunyai makna yang sama apabila digunakan dalam pendapat ini.

Andaian, kelayakan dan ketetapan yang dibuat berkenaan dengan pendapat ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 pendapat ini.

##### **A. Struktur Dana**

- (i) Dana ini adalah dana bersandarkan hartaanah patuh Syariah yang melabur dalam pemilikan benefitisial hartaanah, yang dibeli daripada Pelaburan Hartanah Berhad ("PHB"), yang kekal sebagai pemilik berdaftar.
- (ii) Dana tersebut, yang menawarkan pendapatan tetap melalui pengaturan penjualan dan pajakan balik dengan PHB sebagai penaja Dana, adalah mematuhi prinsip Syariah. Dana tersebut akan berusaha untuk mencapai objektif pelaburannya dengan melabur dalam pemilikan berfaedah hartaanah di Malaysia terutamanya hartaanah komersial, termasuk tetapi tidak terhad kepada bangunan pejabat, kompleks membeli-belah, pusat komersial, logistik dan kompleks perindustrian.
- (iii) Untuk memudahkan pelaburan berhubung dengan Dana dan untuk melindungi kepentingan pelabur Bumiputera, pihak yang berkaitan telah memeterai Dokumen

#### **14. PENDAPAT UNDANG-UNDANG OLEH MOHAMED RIDZA & CO MEGENAI KEBOLEHKUATKUASAAN DOKUMEN URUS NIAGA (*Bersambung*)**

---

Transaksi, yang mana syarat pentingnya dinyatakan dalam Seksyen 9 dan 10 Prospektus Pengantian.

##### **B. Senarai Dokumen Transaksi**

Untuk tujuan pelaburan dalam Dana, dokumen berikut yang secara kolektif dirujuk di sini sebagai Dokumen Transaksi telah ditandatangani:

